

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGGAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

Jilid III                      Bil. 63                      Hari Selasa                      11 November 1997

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan )
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan )
RANG UNDANG-UNDANG:	
<b>Rang Undang-undang Perbekalan 1998</b>	
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual -</u>	
<b>Maksud B.14, B.15 dan B.16</b>	(Ruangan )
<b>Maksud B.17</b>	(Ruangan )
<b>Maksud B.18</b>	(Ruangan )
USUL-USUL:	
<b>Anggaran Pembangunan 1998</b>	
<u>Jawatankuasa:</u>	
<b>Maksud P.14 dan P.16</b>	(Ruangan )
<b>Maksud P.17</b>	(Ruangan )
<b>Maksud P.18</b>	(Ruangan )
<b>Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat</b>	(Ruangan )

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S.  
(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M.  
(Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala  
Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 11 November 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Cik Sukinam Domo.

*[Soalan No. 1 - Y.B. Cik Sukinam Domo [Batang Sadong] tidak hadir]*

**TABUNG SUKAN KOMANWEL - SUMBANGAN DARI BADAN KORPORAT**

**2. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat manakah sumbangan-sumbangan yang diperolehi dari badan-badan korporat dan siapa serta jumlahnya untuk tabung Sukan Komanwel setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:**

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan daripada badan-badan korporat untuk Akaun Amanah Sukan Komanwel 98 di antara tahun 1994 hingga 1998 dianggarkan sebanyak RM300 juta. Sehingga bulan Oktober 1997 sebanyak RM209,030,000 telah diterima. Sumbangan diterima daripada syarikat-syarikat rokok dan pembuat minuman keras.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu beberapa badan korporat bersetuju menaja dan membiayai sukan tertentu. Sebagai contoh, Renong, kalau tidak silap saya, penaja untuk sukan ragbi. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapa badan korporat yang terlibat dan jenis sukan yang mereka taja dalam program ini dan apakah perkembangannya?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, secara amnya memang pembabitian daripada badan-badan korporat begitu tinggi dalam membangunkan jenis-jenis sukan tertentu dan juga pembangunan atlet-atlet tertentu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut angka yang saya ada pada hari ini, sepertimana yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat, Renong misal kata, saya tidak dengar jenis sukan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi mengikut nota yang saya ada,

Renong menaja gimnastik sebanyak RM7.5 juta untuk lima tahun. Contoh-contoh lain adalah seperti EON dan Proton menaja sukan badminton RM5 juta untuk lima tahun. Bola sepak penajaan daripada pihak TNB RM1 juta untuk setiap tahun, totalnya adalah RM5 juta. Bowling daripada Syarikat Land & General iaitu RM3 juta untuk lima tahun. Bola jaring daripada Motorola RM1.5 juta untuk lima tahun.

Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, listnya panjang dan jika perlu, akan saya berikan secara bertulis jawapan tambahan itu.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya syarikat rokok, syarikat minuman yang berminat dalam menaja sukan ini. Di negara kita ini banyak syarikat makanan termasuk KFC, Maggi dan sebagainya. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, adakah syarikat rokok dan syarikat minuman ini secara sukarela menampilkan diri untuk menjadi penaja ataupun dengan usaha kementerian sendiri untuk mencari tajaan ini. Kalaupun kementerian mencari penaja untuk hendak taja sukan ini, kenapa kerajaan atau kementerian Yang Berhormat Dato' tidak alih tumpuan kepada syarikat-syarikat makanan yang mencerminkan kebaikan yang lebih sihat daripada rokok dan juga minuman keras.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana begitu prihatin tentang keadaan rakyat kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan ini dibuat adalah melalui satu tindakan sukarela, bukan di atas ugutan ataupun permintaan daripada kementerian. Sumbangan ini dibuat untuk Akaun Amanah Sukan Komanwel 98 melalui Kementerian Perusahaan Utama dan penajaan ini dibuat secara sukarela, dengan izin, a gesture of good will.

Untuk makluman semua, syarikat-syarikat minuman keras dan rokok tidak akan mengadakan signage mereka semasa temasya sukan ini. Walau bagaimanapun, kita mempunyai banyak lagi syarikat korporat yang menaja dan ada yang menaja kad kredit, filem, makanan dan lain-lain lagi. Sepertimana misal kata MAS, mereka adalah penaja rasmi untuk kategori pengangkutan udara. Dan kita pun mempunyai pembekal rasmi dan syarikat-syarikat yang kecil sedikit yang merangkumi sokongan tidak sebanyak penaja utama kita dan kita memanggil mereka proud supporters, seperti Sapura.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, badan-badan korporat lain yang membabitkan diri sebagai penaja rasmi, pembekal rasmi dan proud supporters termasuklah Bank Bumiputra, bank rasmi kita, Siemens untuk komputer, Master Card International untuk kad kredit, Kodak untuk filem, Petronas

untuk minyak, Nestle Products untuk minuman berkhasiat dan Carlsbery Brewery untuk minuman dan ini saya diberitahu bahawa bukan minuman keras tetapi malt, Pepsi Cola untuk minuman ringan, Prospec untuk pakaian sukan dan lain-lain.

**SAINTIS MALAYSIA BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA -  
BILANGAN DIPANGGIL BALIK**

**3. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) bilangan saintis warganegara Malaysia yang sebelum ini berkhidmat di luar negeri yang telah dipanggil balik untuk berkhidmat di Malaysia; dan
- (b) layanan yang diberi kepada golongan tersebut dan sama ada mereka dapat menyumbang sepertimana diharapkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjawab soalan:

- (a) Semenjak Skim Penarikan Saintis Malaysia dan Saintis Asing dilaksanakan, seramai 70 orang saintis telah diambil berkhidmat dengan institusi penyelidikan dan universiti tempatan. Walau bagaimanapun, salah seorang daripada saintis ini telah meletakkan jawatan tersebut.
- (b) Saintis-saintis yang dilantik di bawah Skim Penarikan Saintis Malaysia dan Saintis Asing ini diberi layanan berdasarkan kelayakan serta pengalaman mereka dalam bidang kepakaran masing-masing. Buat masa ini, dari maklumat yang diterima menunjukkan bahawa saintis-saintis ini dapat memberi sumbangan seperti yang diharapkan oleh institusi-institusi yang berkenaan terutamanya dalam memajukan penyelidikan dan pembangunan teknologi.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah jenis bidang-bidang kepakaran daripada 69 para saintis yang telah diberi tawaran untuk bekerja di negara kita. Dan adakah pihak kerajaan mengambil kira dari segi jangka panjang, adakah ini satu program yang lebih menguntungkan daripada melatih dan memberi biasiswa kepada para saintis tempatan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya bidang-bidang yang diceburi oleh saintis-saintis ini banyak, saya tidak dapat nyatakan satu persatu. Tetapi setakat ini kita hanya mempunyai 70,000 sahaja ahli sains dan engineer dalam negara. Sehingga tahun 2000 kita memerlukan 100,000 orang, kita kurang 30,000 orang lagi. Jadi, untuk melatih saintis-saintis dalam negeri ini, usaha-usaha yang giat sedang dilakukan untuk mengeluarkan ahli-ahli sains tempatan.

#### **PERMIT TEKSI - JUMLAH BEROPERASI**

**4. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sama ada benar bahawa dari jumlah permit teksi yang diluluskan hanya 65% yang benar-benar beroperasi. Berapakah jumlah permit yang dikeluarkan kepada syarikat Unggun Mayang Sdn. Bhd. dan berapakah teksi yang diuruskan oleh Syarikat Perniagaan Lean Hup. Sejauh mana keberkesanan tindakan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan untuk mendisiplinkan pemandu-pemandu teksi terutama di Lembah Kelang agar pengguna mempunyai keyakinan memuaskan terhadap pengangkutan awam jenis ini.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan telah meluluskan 15,411 lesen teksi di seluruh negara. Daripada bilangan tersebut, 14,184 telah pun dilesenkan iaitu 91.44%.

Mengenai syarikat Unggun Mayang, ianya telah diluluskan 50 lesen teksi dan kesemua 50 telah pun dilesenkan. Syarikat Perniagaan Lean Hup pula bukanlah sebuah pengusaha teksi dan tiada lesen dikeluarkan kepada syarikat tersebut. Mengikut siasatan yang kami jalankan, syarikat ini menjalankan kerja-kerja pembaikan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil tindakan tegas terhadap pemandu teksi yang melanggar peraturan, khususnya enggan mengambil penumpang. Yang kedua, tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih. Setakat ini 246 permit teksi telah pun dibatalkan, 677 pemegang lesen lain telah pun diberi surat tunjuk sebab. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan oleh kerajaan, aduan yang diterima telah berkurangan dengan ketara sejak akhir-akhir ini dan secara umumnya perkhidmatan teksi bertambah baik sedikit. Kementerian juga ada menerima surat-surat pujian daripada orang ramai. Hari ini mereka telah pun memakai pakaian seragam. Penguatkuasaan juga dilakukan untuk memastikan bahawa teksi berada dalam keadaan yang bersih dan tindakan sedang diambil untuk mengubah sikap pemandu teksi di Kuala Lumpur, antara lain, dengan mengadakan kursus. Sehingga kini 410 orang telah pun menamatkan kursus lanjutan pemandu teksi, manakala 858 lagi telah menyatakan kesediaan untuk mengikuti kursus lanjutan teksi ini.

Baru-baru ini iaitu pada 4 November, kerajaan telah memberikan anugerah kepada pemandu teksi yang dianggap cemerlang dan ini juga merupakan satu lagi tindakan dan langkah yang diambil untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan teksi di negara kita dengan memberi dorongan kepada pemandu teksi dengan menyediakan hadiah yang agak lumayan, hadiah ini kebanyakannya dibekalkan oleh sektor swasta, syarikat-syarikat minyak dan lain-lain.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian dapat mengesan daripada jumlah permit teksi dan juga kenderaan perdagangan yang lain, yang telah dikeluarkan, bukan tidak diusahakan tetapi telah disewakan kepada pihak yang ketiga. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengesan dan juga mengatasi masalah yang tersebut?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan, memang teksi boleh disewakan oleh syarikat kepada pemandu-pemandu. Yang tidak dibenarkan ialah pajakan, iaitu syarikat-syarikat teksi yang diberikan permit tidak mengusahakan sendiri perkhidmatan tersebut sebaliknya menjual ataupun memajak terus permit-permit berkenaan. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat, sewaan dibenarkan. Kebanyakan syarikat menyewakan teksi antara RM40 hingga RM45 sehari kepada pemandu. Mengenai pajakan, tindakan telah pun diambil terhadap beberapa buah syarikat dan penguatkuasaan akan terus dilakukan untuk memastikan mereka yang telah diberikan permit ini menjalankan sendiri perniagaan tersebut.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri Pembangunan Usahawan yang beliau sendiri datang menjawab, ini membuktikan salah satu bukti iltizam yang tinggi oleh Menteri yang berkenaan untuk memajukan kementeriannya. *[Tepuk]*

Soalan saya ialah hanya menyentuh mengenai yang pertama tadi, iaitu memohon penjelasan, memandangkan bahawa ada teksi yang beroperasi terutamanya di Lembah Kelang ini yang berumur lebih daripada 10 tahun dan ada yang lebih daripada 15 tahun. Menyentuh mengenai perkara ini, bagi memberi perkhidmatan yang lebih kepada pengguna dan juga mempertingkatkan imej negara serta memberi keyakinan kepada pemandu itu sendiri untuk masuk jalan sesak ataupun jalan trafik jam serta tidak bocor pada musim hujan seumpama ini, adakah kerajaan ataupun melalui kementerian ini akan menghadkan umur teksi itu bagi memperlihatkan teksi itu baru dan dapat memberi perkhidmatan yang sempurna kepada pengguna.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, teksi di Kuala Lumpur usianya tidak boleh melebihi 7 tahun. Selepas 7 tahun, perlu ditukar. Dalam pada itu, ada rayuan yang diterima. Tidak banyak lagi teksi yang umurnya lebih 7 tahun. Lebih 80% daripada bilangan teksi di Kuala Lumpur hari ini umurnya kurang 7 tahun. Pada penghujung tahun ini kita berharap kesemua teksi yang melebihi umurnya 7 tahun akan digantikan dengan teksi baru.

#### **KUMPULAN WANG AMANAH PENCEN DALAM MISC DIJUAL KEPADA PETRONAS - JUALAN EKUITI**

**5. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab mengapa ekuiti 29% Kumpulan Wang Amanah Pencen dan MISC dijual kepada Petronas dan bukan kepada sebuah syarikat swasta bernama Konsortium Perkapalan Bhd. Nyatakan jumlah wang penjualan berbanding dengan wang pembelian, faedah yang akan diperolehi daripada penjualan ini dan juga kos infrastruktur yang akan dilabur oleh Petronas dan pihak kerajaan.

**Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) telah menjual saham MISC kepada Petronas kerana harga tawaran yang dikemukakan oleh Petronas lebih menarik jika dibandingkan dengan tawaran dari Konsortium Perkapalan Bhd. Penjualan 293,400,000 unit saham MISC kepada Petronas telah dibuat secara pertukaran saham, satu unit saham MISC dengan satu unit saham Petronas Gas Bhd. (PGB), nisbah pertukaran 1:1 pada harga RM9.20 bagi PGB dan RM6.30 bagi MISC. Jika dibandingkan nilai saham PGB berjumlah 2.699 bilion dengan kos pembelian saham MISC berjumlah 2.2 bilion, KWAP akan menerima keuntungan sebanyak RM498,780,000 dari penjualan ini.

Selain dari keuntungan yang diperolehi oleh KWAP, Petronas juga akan memberi 8% hingga 10% saham MISC secara percuma kepada KWAP selepas proses penyusunan semula syarikat MISC dilaksanakan. Sebagai alternatif kepada saham MISC, Petronas akan memberi saham Petronas Tankers Sdn. Bhd. yang bersamaan dengan nilai 8% hingga 10% saham MISC pada harga Terbitan Awam apabila disenaraikan di BSKL.

Mengenai soalan tentang perbelanjaan kos infrastruktur yang akan dilaburkan, itu tentunya akan ditentukan oleh pengurusan baru yang sedang dikendalikan oleh Petronas yang juga akan menentukan arah masa depan syarikat MISC Bhd.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri kerana sama-sama juga serius untuk menjawab soalan ini dengan datang ke Parlimen, bukan seperti Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang tidak dilihat langsung.

*[Disorak]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat, tadi apa yang disebutkan tentang keuntungan yang boleh diperolehi oleh Petronas, bolehkah beliau menyatakan adakah keuntungan ini tetap sama dalam keadaan pasaran BSKL yang menurun ini atau adakah keuntungan ini telah berkurangan. Sejauh manakah harga Petronas akan terjejas oleh kontroversi yang berlaku sekarang apabila berlakunya siasatan yang dijalankan oleh pihak Amerika Syarikat ke atas Petronas kerana kononnya terlibat dalam pelaburan haram yang tidak dibenarkan oleh Amerika Syarikat ke dalam Iran. Sejauh manakah nilai kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) akan terjejas berikutan kontroversi ini dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan supaya kita dapat menegakkan kedaulatan negara.

Adakah pihak kerajaan bersetuju untuk melarang pegawai penyiasat sama ada Penolong Setiausaha Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat daripada masuk ke negara Malaysia menjelang 18 November untuk menyiasat Petronas. Dan adakah Yang Amat Berhormat bersetuju kalau kita membuat laporan kepada Bangsa-bangsa Bersatu ataupun Pertubuhan Perdagangan Sedunia atau World Trade Organisation membantah tindakan Amerika Syarikat yang mengancam kebebasan dan kedaulatan negara Malaysia. Sekian.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama soal pelaburan Petronas dalam MISC, tentulah mengikut keyakinan dan kepentingan jangka panjang Petronas. Kepentingan KWAP terjamin justeru kerana harga penjualan itu pada masa tersebut lebih menguntungkan. Jadi, KWAP telah pun terjamin keuntungannya.

Tentang pasaran saham, kita telah tetapkan bahawa KWAP tidak terlibat dalam pelaburan jangka pendek dan putaran bursa saham kini, tetapi lebih terikat dengan keyakinan masa depan pasaran saham Kuala Lumpur.

Tentang kedudukan Petronas, Petronas mempunyai hak untuk membuat pelaburan dan menjaga kepentingan perniagaan bersama dengan rakan-rakan Petronas dalam negara-negara mana sahaja dan tentunya bukan pertimbangan atau hak Amerika Syarikat secara unilateral menentukan negara dan kaedah pelaburan oleh syarikat-syarikat ataupun kepentingan Petronas. Oleh yang demikian, kerajaan masih pertahankan hak Petronas untuk melabur dan tidak bersetuju dengan keputusan dan langkah penyiasatan yang dibuat oleh Amerika Syarikat.

Tentang keputusan kerajaan menangani percubaan rombongan Amerika Syarikat itu, akan diputuskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat Jemaah Menteri esok.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin tahu adakah kerajaan akan mengalami kerugian sekiranya tawaran Konsortium Perkapalan Bhd. diterima dan berapakah kerugian yang akan dianggarkan sekiranya berlaku?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menolak cadangan Konsortium Perkapalan kerana harga pembelian kos seunit saham MISC itu adalah kurang daripada harga kos yang dibeli oleh KWAP pada tahun 1993. Oleh yang demikian, di antara dua cadangan yang dikemukakan, kita telah memilih cadangan Petronas kerana cadangan Petronas itu akan menjamin keuntungan kepada KWAP.

Tetapi oleh kerana persoalan ini telah dibangkitkan, saya inginlah menyatakan bahawa ini juga menunjukkan ketelusan dan ketegasan kerajaan walaupun ada percubaan untuk menyinggung kedudukan pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri, tetapi ini satu bukti bahawa keputusan kerajaan tetap telus dan tidak terpengaruh dengan kepentingan mana-mana syarikat keluarga yang memohon apa-apa kepentingan dari kerajaan. Saya fikir ini menunjukkan kekuatan kerajaan dan kebijaksanaan Perdana Menteri yang tidak langsung campur, tetapi memutuskan berdasarkan kepentingan syarikat-syarikat kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Pencen Negara. [*Tepuk*]

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berbangkit daripada jawapan beliau mengenai percubaan Amerika Syarikat untuk menyiasat kegiatan Petronas dalam pelaburannya di Iran.

Persoalannya ialah perbuatan Amerika itu sudah tentu melampaui batas yang mana tidak seharusnya berlaku dan menghalang mana-mana negara untuk menentukan dasar pelaburan di mana-mana juga yang difikirkan memanfaatkan negara. Kalau keadaan itu rakyat tidak diminta untuk menunjukkan sokongan kepada kerajaan, maka sudah tentu ada pihak-pihak tertentu membayangkan ataupun mengambil kesempatan bahawa pendirian yang diambil oleh kerajaan itu tidak akan menggambarkan pendirian rakyat Malaysia mengenai hal ini.

Jadi persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah pihak kerajaan ingin membentangkan satu resolusi di dalam Dewan yang mulia ini untuk dibahas dan kemudian diluluskan dan disampaikan kepada badan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga ITO supaya perkara ini tidak akan berlaku. Terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir yang dimaksudkan itu ialah WTO?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Lain itu ITO dengan WTO. Kita akan ikuti perkembangan masalah ini bagaimana ia dapat diselesaikan dengan cara yang bijaksana. Saya tidak memikirkan hak Petronas dan hak Malaysia untuk melabur di mana-mana negara itu dipertikaikan oleh mana-mana rakyat, bahkan rakyat harus menyokong pendirian dan ketegasan kita, kebebasan dan kemerdekaan yang kita tunjukkan. Saya sekali lagi ulangi pendirian kerajaan bahawa tidak munasabah dan tidak berhak Amerika Syarikat untuk mempertikai dan mempersoalkan hak Petronas atau mana-mana syarikat Malaysia untuk melabur atau berurus niaga dengan mana-mana negara di dunia ini. Oleh yang demikian, kita tidak menjangka perlunya satu resolusi pada tahap ini, tetapi kalau perkara ini berterusan, mungkin kita akan menimbangkan kemungkinan membentangkan usul khas di Dewan Rakyat.

#### MASJID SEBAGAI INSTITUSI MASYARAKAT - KEBERKESANAN

6. **Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kerajaan berjaya menjadikan masjid sebagai institusi masyarakat yang benar-benar berkesan; dan
- (b) sejauh manakah kerajaan dapat menangani masalah di mana masjid dijadikan pentas untuk kepentingan politik kepartian satu-satu pihak tertentu sahaja.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Melalui program pengimarahannya masjid yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mulai tahun 1985 dan sehingga kini sebanyak 6,456 buah masjid dan surau telah berjaya diimarahkan. Melalui program ini kita mengharapkan masjid sebagai institusi terpenting dalam pembentukan masyarakat dan berperanan sebagai pusat penyebaran

ilmu, penyalur maklumat serta pusat pentadbiran Islam di peringkat kariah dan masyarakat.

- (b) Pihak JAKIM telah memastikan supaya masjid tidak dijadikan medan atau pentas untuk kepentingan politik kepartian.

JAKIM juga telah melantik seramai 82 orang Pegawai Penyelaras Pentadbiran Masjid di peringkat daerah bagi memastikan pelaksanaan aktiviti dakwah masjid berjalan lancar di samping tidak menjadikan masjid sebagai gelanggang politik kepartian demi kepentingan pihak-pihak tertentu. Kerajaan-kerajaan negeri memberi perhatian khas bagi memastikan masjid tidak dijadikan gelanggang politik.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan untuk mengimarahkan masjid. Seperti yang kita sedia maklum, masjid ini adalah tempat yang mulia, bukan sahaja tempat untuk kita beribadat malah tempat kita berbincang dan bermesyuarat. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang di khutbah-khutbah Jumaat, masjid-masjid ini digunakan oleh parti PAS untuk menghentam kerajaan dan juga menghentam kementerian Yang Berhormat sendiri kerana katanya kita ini tidak menjalankan seperti yang dikehendaki oleh Islam. Dan masjid juga digunakan oleh pihak PAS untuk memecahbelahkan dan memfitnah kariah-kariah yang berada di dalam kawasan-kawasan berkenaan.

Di samping itu adakah Yang Berhormat bercadang untuk menasihati pihak PAS supaya apabila menggunakan perkataan 'Allahuakbar', takbir itu hendaklah pada masa-masa yang tertentu. Dan kalau boleh memberi sedikit penjelasan, waktu manakah kita menggunakan 'Allahuakbar' itu? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, memang usaha kita begitu hebat untuk melarang, mencegah bahawa masjid termasuk khutbah-khutbah tidak digunakan untuk kepentingan tertentu. Walau bagaimanapun, saya akui kadang-kadang terlepas pandang iaitu apabila ada amalan di masjid-masjid menjemput khatib-khatib jemputan, maka di sinilah kadang-kadang khatib jemputan mengambil kesempatan untuk menyampaikan pandangan bersendirian tafsiran Islam yang dibuatnya sendiri yang didedahkan kepada umum. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memberi perhatian khusus, di negeri-negeri memberi sokongan dalam hal ini hatta di negeri Kelantan

sendiri, Jabatan Agama dan Majlis Agama telah mengambil tindakan untuk memastikan bahawa tidak lagi berjalan khutbah-khutbah yang berbau politik kepartian pada hari-hari Jumaat.

Bagi jawapan mengenai sebutan 'Allahuakbar', sebutan itu baik, tetapi kadang-kadang perkataan yang baik ini disalahgunakan. Maka, sebab itu seorang khalifah telah memberi pandangan bahawa kadang-kadang perkataan yang baik tetapi digunakan untuk tujuan yang tidak baik. Jadi, 'Allahuakbar' elok digunakan tetapi sekiranya boleh menimbulkan provokasi atau penghinaan atau mengejek pihak lain dengan lafaz itu, maka sebutan itu adalah dilarang.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana di zaman awal Islam apabila Nabi Muhammad s.a.w. mendirikan negara Islam yang pertama, di antara program yang pertama ialah mendirikan masjid dan di dalamnya dilakukan beberapa kegiatan yang berunsur politik, menerima kedatangan duta asing, mengadakan perjanjian, menyelesaikan masalah kehakiman dan lain-lain, banyak dilakukan di masjid. Bagaimanakah kerajaan dapat merealisasikan perkara ini dalam konteks di zaman kita untuk menerapkan nilai-nilai Islam melalui masjid?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, hasrat ini memang sudah lama kita timbulkan dan sudah diperkatakan, tetapi akhir-akhir ini kita sudah mula melaksanakan, sudah ada beberapa negeri, jabatan-jabatan kerajaan yang tertentu menggunakan masjid untuk menjalankan tugas mereka bagi kepentingan awam. Misalnya di kampung saya baru-baru ini, penerangan tentang tanam semula getah dijalankan di dalam masjid kerana walaupun ada masyarakat Siam di situ, yang Muslimnya duduk dalam masjid, yang masyarakat Siam duduk di balai lintang, jadi walau bagaimanapun, sampai dan insya-Allah, amalan seperti ini kita akan galakkan dan kita akan lancarkan di seluruh negara.

#### **KAD PENGENALAN - JUMLAH PENDAFTARAN DI SARAWAK**

7. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendaftaran baru kad pengenalan pada tahun 1995, 1996 dan 1997. Mengikut rekod-rekod permohonan yang ada di pejabat-pejabat kementerian di seluruh Sarawak, berapa ramaikah orang yang masih belum lagi mempunyai sijil lahir dan kad pengenalan. Apakah langkah-langkah yang sudah, sedang dan akan diambil supaya urusan ini dapat dipercepatkan. Apakah langkah-langkah yang sudah, sedang dan akan diambil supaya orang-orang yang duduk di pedalaman tidak diabaikan dalam urusan ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendaftaran baru kad pengenalan iaitu permohonan kali pertama di negeri

Sarawak bagi tahun 1995 adalah sebanyak 11,886, tahun 1996 sebanyak 45,236 dan tahun ini setakat 30 September 1997 sebanyak 33,982.

Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak tidak mengetahui jumlah mereka yang belum mempunyai sijil kelahiran. Tuan Yang di-Pertua, jika kelahiran tidak didaftarkan, tentulah Jabatan Pendaftaran Negara tidak akan dapat mengetahui bilangannya dan JPN hanya mengetahui apabila ia didaftarkan.

Bagi mereka yang telah diwajibkan memiliki kad pengenalan tetapi belum memohonnya, Jabatan Pendaftaran Negara menganggarkan bahawa setakat 30 September 1997 ialah seramai 65,000 orang. Angka ini boleh diperolehi dengan mengambil kira jumlah kanak-kanak yang telah mencapai umur 12 tahun belum lagi tampil untuk memohon kad pengenalan.

Bagi mereka yang belum memohon kad pengenalan, kerajaan ingin menasihatkan supaya mereka yang berkenaan membuat permohonan. Di negeri Sarawak sahaja sebanyak 47 buah pejabat Jabatan Pendaftaran Negara telah disediakan. Di samping itu bagi membantu penduduk pedalaman, JPN mengadakan lawatan khas ke kawasan pedalaman bagi memudahkan rakyat memohon kad pengenalan.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Pendaftaran sijil beranak lewat sungguh menyulitkan pada masa sekarang. Saya tahu remaja yang membunuh diri dengan memakan racun rumput dan menggantung diri mereka kerana tidak dapat mencari kerja, tidak dapat menduduki peperiksaan dan tidak dapat merantau ke tempat lain kerana tidak mempunyai sijil beranak dan kad pengenalan. Dapatkah kementerian memudahkan urusan ini seperti jangan meminta sijil nikah dan meminta semua ahli keluarga bergambar bersama kerana di rumah panjang di Sarawak, upacara nikah ini begitu panjang tetapi sijil nikah tidak dikeluarkan oleh kerana tuai rumah (ketua rumah panjang) ini kadang-kadang tidak pandai menulis. Dan juga kalau kita minta semua ahli keluarga bergambar bersama, yang sudah ada kad pengenalan ini biasanya merantau ke Sabah, ke Semenanjung, ke North Sea, ke Afrika dan ke Brunei, jadi mereka biasanya tidak balik ke rumah panjang. Jadi, ini bererti mereka yang tidak mempunyai sijil beranak terus tidak akan menikmati sijil beranak dan kad pengenalan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang lahir dan mereka tidak mendaftarkan kelahiran dengan Jabatan Pendaftaran Negara, adalah amat sukar bagi

Jabatan Pendaftaran Negara memastikan bahawa mereka dilahirkan di negara ini. Oleh itu, Jabatan Pendaftaran Negara kebiasaannya meminta supaya ketua-ketua di kampung-kampung ataupun wakil-wakil rakyat memberikan surat akuan bahawa kanak-kanak berkenaan benar-benar lahir di kampung yang berkenaan ataupun di kawasan Parlimen yang berkenaan. Kalau kita dapat surat-surat pengakuan daripada ketua-ketua kampung ataupun ketua-ketua daerah ataupun wakil-wakil rakyat, ini akan menyenangkan lagi kerja kepada Jabatan Pendaftaran Negara. Kalau Yang Berhormat ada kes-kes yang spesifik, bolehlah disalurkan kepada saya untuk sama-sama kita menyelesaikannya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu masalah yang dihadapi oleh pemohon luar bandar untuk memohon sijil kelahiran dan kad pengenalan ialah kos pengangkutan yang tinggi dan perbelanjaan di bandar, kerana untuk membuat sijil beranak dan kad pengenalan mengambil masa yang lama, sekurang-kurangnya satu atau dua hari. Adalah baik JPN membuka pejabat pendaftaran di pekan-pekan strategik di luar bandar di Sarawak sekarang seperti yang dicadangkan di Meludam, Nanga Butu, Sadong Jaya, Pantu dan Nanga Merit untuk mengatasi masalah ini. Adakah kementerian bercadang untuk membuka banyak lagi pejabat pendaftaran selain dari mobile unit yang dikatakan tadi di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak. Kalau ya, di mana dan bilakah ia akan dibuka, kerana saya rasa ini adalah satu cara terbaik untuk menyelesaikan masalah dengan membawa pegawai-pegawai JPN kepada rakyat dan bukannya membawa ramai rakyat kepada pegawai-pegawai. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan cuba membuka sebanyak mungkin pejabat-pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di kawasan-kawasan pedalaman. Tetapi sebelum perkara ini dapat kita laksanakan, Jabatan Pendaftaran Negara bersedia seandainya Yang Berhormat dapat mengumpulkan sekian ramai penduduk luar bandar yang berkehendakkan kepada kad pengenalan, Jabatan Pendaftaran Negara sanggup untuk pergi ke kawasan pedalaman bagi menyelesaikan masalah membuat kad pengenalan baru bagi mereka yang tinggal jauh di pedalaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong.

*[Soalan No. 8 - Y.B. Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

*[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar] tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye.

*[Soalan No. 10 - Y.B. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] tidak hadir]*

#### **BAJA/RACUN RUMPUT/RACUN SERANGGA - MENGAWAL KENAIKAN HARGA**

**11. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada baja, racun rumput dan racun serangga akan disenaraikan sebagai barang petani tidak dibebankan dengan kenaikan harga barang-barang tersebut yang tidak terkawal dan apakah tindakan kerajaan kepada petani-petani atau orang yang menggunakan racun serangga ini untuk meracuni ikan atau udang di sungai.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari bahawa baja dan racun rumput adalah bahan input yang penting dan digunakan secara meluas oleh petani. Bagaimanapun, kerajaan belum bercadang untuk menjadikan bahan-bahan tersebut sebagai barang kawalan.

Bagi mengawasi kenaikan harga yang sewenang-wenangnya oleh peniaga, Kementerian Pertanian telah menyenaraikan barangan tersebut dalam jadual barang yang akan diawasi oleh kerajaan berikutan dengan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.

Mengenai penggunaan bahan racun serangga untuk meracuni ikan dan udang di sungai, perkara tersebut adalah menjadi satu kesalahan di bawah Kaedah Perikanan Sungai di setiap negeri di mana jika sabit kesalahannya, mereka boleh dikenakan denda atau penjara mengikut amaun atau tempoh tertentu mengikut peraturan negeri masing-masing.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan sedar harga barang-barang racun ini telah naik, tetapi Yang Berhormat juga mengatakan kerajaan tidak akan menjadikan bahan-bahan ini sebagai bahan kawalan. Jadi, sejajar dengan kehendak kerajaan untuk mempertingkatkan pertanian supaya kita mengurangkan import makanan daripada luar negara, adakah Yang Berhormat sedar bahawa harga racun dan harga pengurusan pertanian di negara kita ini telah naik begitu tinggi dan ini menyebabkan keresahan petani-petani di luar bandar. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan tentang pengumuman bahawa

kerajaan akan memberi bantuan untuk mengatasi masalah kos pertanian yang dihadapi oleh petani-petani? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian menyedari ada sedikit kenaikan terhadap racun-racun, sebagaimana yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Jadi, untuk mengetahui dengan lebih mendalam, kita telah mengarahkan kepada Jabatan Pertanian supaya dapat buat kajian dan akan diambil tindakan sekiranya didapati ianya amat membebankan kepada petani-petani dan juga menaikkan kos pengeluaran bahan-bahan pertanian.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa racun rumpai ini adalah bahan-bahan yang penting untuk para petani, tetapi di samping itu juga beliau ada mengatakan ia juga mengakibatkan kematian ikan-ikan terutamanya di laut. Jadi, adakah tidak wajar kalau bahan-bahan ini dijadikan bahan yang terkawal, bukan sahaja untuk mengawal harga tetapi juga penjualan secara bebas dan berleluasa supaya ianya tidak akan digunakan sesuka hati, termasuklah untuk menangkap ikan di lautan yang dikatakan terutama di Sabah kini sudah berleluasa. Oleh kerana kalau ini tidak dikawal, bukan sahaja kita menghadapi kekurangan makanan tetapi juga boleh mengancam kesihatan masyarakat umum. Jadi, minta penjelasan kenapa ini tidak diambil perhatian dalam pengawalan penjualan ini.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya terangkan tadi, barangan tersebut bukan di dalam senarai kawalan harga tetapi di dalam senarai yang diawasi oleh kerajaan - kawalan dengan awasi. Sekarang kita pada tahap yang pertama dahulu. Oleh kerana setengah-setengahnya memang kita temui barang-barang racun ini telah digunakan untuk membinasakan ikan, menangkap ikan, misalnya tahun 1995 ada 22 kes yang telah kita dapati di seluruh Semenanjung, tahun 1996 - 14, tahun 1997 hingga Oktober juga 14. Jadi, Kementerian saya memang memberi perhatian supaya penjual-penjual barangan racun ini dapat mengambil lesen ataupun diberi perhatian supaya jangan menyalahgunakan barangan-barangan yang merbahaya ini. Sebab itulah saya sebutkan tadi bahawa Jabatan Pertanian akan diarah supaya mengkaji tentang kenaikan ini sejauh mana ia serius yang boleh membebankan kepada petani-petani kita.

**TELEFON BIMBIT - MENGURANGKAN KADAR SEWA BULANAN**

**12. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengurangkan kadar sewa bulanan penggunaan telefon bimbit dari kadar RM60.00 sekarang ke RM30.00 sebagai konsesi galakan pengguna dalam usaha memajukan sektor teknologi komunikasi serta multimedia di negara ini. Juga minta menteri menjelaskan langkah tegas kerajaan dalam menangani masalah pengklonan telefon bimbit yang semakin berleluasa sekali gus menjejaskan jumlah pungutan hasil negara.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar sewa telefon bimbit RM60.00 sebulan ditetapkan sebagai had maksimum. Pengusaha-pengusaha telefon bimbit boleh mengurangkan kadar sebagai strategi untuk menarik orang ramai untuk melanggan perkhidmatannya. Buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengubah kadar yang sedia ada.

Mengenai masalah pengklonan telefon bimbit yang semakin berleluasa, beberapa tindakan telah diambil oleh pihak pengusaha, iaitu:

- (i) memberi kunci keselamatan (pin-code) kepada pengguna-pengguna telefon bimbit;
- (ii) memperketatkan kawalan panggilan antarabangsa ke negara-negara yang dianggap banyak berlaku kecurian talian;
- (iii) menubuhkan pasukan petugas khas dengan kerjasama polis untuk membanteras kegiatan ini;
- (iv) mengawalselia data dan kakitangan-kakitangan dalaman yang mempunyai maklumat sulit pengguna;
- (v) tindakan mahkamah ke atas pesalah-pesalah yang mempunyai bukti yang kukuh untuk disabitkan; dan
- (vi) peruntukan-peruntukan khusus mengenai pengklonan akan diwujudkan dalam akta baru bagi sektor komunikasi yang sedang digubal oleh kerajaan.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri berhubung dengan apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan terhadap syarikat-syarikat telefon bimbit ini bagi mengawasi sama ada bilangan telefon bimbit yang dijual itu sama ataupun tidak dengan talian yang dibekalkan, kerana kadang-kadang terlalu sibuk sangat. Apabila kita telefon menggunakan telefon bimbit, line itu sentiasa busy dan caj juga dikenakan walaupun dia menggunakan tape untuk menjawab telefon bagi

pihak syarikat. Jadi, apakah kawalan yang diadakan oleh pihak jabatan untuk melindungi pengguna. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan melalui JTM memang selalu mengawalselia tentang perkembangan rangkaian tiap-tiap syarikat telefon bimbit ini dan mereka dikehendaki untuk mengemukakan rancangan tentang perkembangan dan pembangunan rangkaian masing-masing. Setakat ini pihak kerajaan memang merasa puas hati tentang apa yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhir-akhir ini kita dapat lihat banyak syarikat telefon ataupun operator yang memberi perkhidmatan mereka di Malaysia ini. Kita dapat lihat bahawa satu demi satu syarikat akan menggali laluan untuk memasukkan kabel mereka atau menanam kabel mereka di setiap bandar. Saya difahamkan kerajaan juga akan memastikan bahawa link kabel ini disepadukan. Jadi, apakah rancangan kerajaan untuk mengadakan sistem common trenching bagi semua syarikat telekom ini untuk mengadakan pakatan atau konsortium supaya mereka ini tidak sentiasa mengorek jalan dan laluan untuk menanam kabel mereka kerana sistem ini saya kira banyak merugikan kerajaan untuk menampung atau maintenance kembali laluan-laluan yang telah mereka korek itu. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi supaya dapat berkongsi untuk menggunakan infrastruktur yang sedia ada, kerana ini selain daripada dapat mengelakkan daripada duplikasi pelaburan, ia juga akan mengelakkan daripada banyak kerja seperti pengorekan akan dapat dielakkan. Konsep common trenching ini adalah merupakan salah satu daripada cadangan yang telah pun disetujui oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan setakat ini pihak kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan khususnya di kawasan kediaman yang baru supaya konsep common trenching ini dapat dijalankan.

#### **SKIM LATIHAN TENAGA MAHIR SEKTOR SWASTA DAN AWAM - MEWUJUDKAN**

**13. Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta dan awam untuk menyediakan skim latihan bagi mewujudkan tenaga mahir untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir yang serius dan masalah memancing pekerja di negara ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengadakan kerjasama yang rapat dengan sektor swasta berhubung menyediakan skim latihan bagi mewujudkan lebih banyak lagi tenaga mahir untuk menangani masalah kekurangan tenaga mahir dan juga masalah memancing pekerja berkenaan di negara ini. Kerjasama ini meliputi perkara-perkara mengenai pembentukan kurikulum, standard-standard latihan dan keperluan bidang latihan. Pihak sektor swasta akan memberi maklum balas mengenai keperluan latihan dan Kementerian Sumber Manusia akan merangka program latihan dan pembangunan standard latihan yang berkesan selaras dengan keperluan industri.

Langkah seterusnya yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia ialah mengembangkan semua 9 buah pusat latihan kemahiran di seluruh negara dan sebuah pusat latihan lanjutan pengajar (CIAST) di Shah Alam untuk membolehkan lebih ramai lagi pelatih diambil untuk melatih latihan-latihan kemahiran. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh pula, 5 buah Institut Latihan Perindustrian dan 4 buah Pusat Kemahiran Lanjutan (Advance Technology Centre) dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute akan dibina. Dengan itu, Kementerian Sumber Manusia dijangka akan berupaya melatih sekurang-kurangnya 17,305 orang setahun menjelang tahun 2001 berbanding 4,070 orang sahaja pada masa sekarang.

Kementerian Sumber Manusia juga menerusi Majlis Pembangunan Sumber Manusia menyediakan skim-skim latihan untuk meningkatkan bilangan pekerja-pekerja tempatan yang mahir dan terlatih. Skim-skim latihan berkenaan menggalakkan majikan-majikan sektor swasta yang layak supaya menghantar pekerja-pekerja mereka menjalani latihan semula dan peningkatan kemahiran, baik di dalam atau di luar negeri menggunakan kemudahan skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Semenjak skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dilaksanakan dalam tahun 1993 sehingga 30 September 1997, seramai 1,579,532 orang pekerja telah diluluskan untuk menjalani latihan semula dan peningkatan kemahiran membabitkan bantuan kewangan berjumlah RM407,480,326.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilangan syarikat pencarum kepada skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang tidak pernah memohon untuk menjalankan apa-apa latihan dan apakah sebab utamanya? Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah majikan yang telah mendaftar untuk mencarum ialah 5,762. Saya tidak ada angka yang tidak menggunakan balik wang yang mereka carum, tetapi angkanya adalah terlalu kecil bila dilihat dari wang yang telah tidak digunakan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertingkatkan daya pengeluaran negara didapati agensi-agensi swasta memberi kerjasama dengan menganjurkan kursus-kursus, misalnya ada syarikat-syarikat yang terlibat di bawah skim PROLUS di bawah Kementerian Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Jadi, saya hendak minta penjelasan apakah kepastian yang dapat dikesan oleh Kementerian Yang Berhormat Dato' bahawa tenaga-tenaga pengajar yang berkenaan benar-benar berkesan dari segi memberi pendidikan bimbingan, terutama sekali dari segi kemahiran bimbingan pengurusan moden yang cekap dan juga tenaga-tenaga pengajar berkenaan mengikut syarat-syarat kemasukan bekerja di negara ini, iaitu mengikut syarat-syarat permit kerja sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen kerana baru-baru ini pun ada kolej swasta yang tenaga pengajarnya masuk ke negara ini tanpa permit kerja. Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, apabila sebuah syarikat hendak memohon penggunaan wang dari tabung Pembangunan Sumber Manusia ini kita juga memerlukan butir-butir lengkap mengenai tenaga pengajar. Jadi, sedikit sebanyak sebelum kelulusan diberi, kita akan ambil tahu juga mengenai kelayakan tenaga pengajar tersebut.

#### **PERNIAGAAN JUALAN TERUS - MEWUJUDKAN TRIBUNAL PENGGUNA**

**14. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk mengawal perniagaan-perniagaan yang tidak beretika dan mengelirukan pengguna-pengguna dan terdapat juga perniagaan seperti "jualan terus" tetapi bergerak dan beroperasi seperti Skim Cepat Kaya, contohnya "Conybio" dan "Pentegono". Apakah tindakan telah diambil terhadap pengusaha-pengusaha yang terlibat dan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan "Tribunal Pengguna" bagi menyelesaikan masalah ini.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**[Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa mengawal peniaga-peniaga yang tidak beretika dan melakukan penyelewengan dalam amalan perniagaan. Tindakan-tindakan tegas terhadap pihak-pihak terbabit ini dijalankan sepanjang masa.

Perniagaan berbentuk jualan terus atau jualan langsung adalah dikawal selia oleh Akta Jualan Langsung 1993 yang mempunyai peruntukan khusus mengharamkan perniagaan berbentuk piramid atau apa yang lebih dikenali sebagai skim cepat kaya. Permohonan untuk mendapat lesen daripada syarikat-syarikat yang berminat adalah diproses berdasarkan pelan pemasaran yang dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Malangnya, terdapat beberapa syarikat yang tidak beretika dan mengamalkan pelan pemasaran yang berlainan daripada yang diluluskan oleh kementerian dan mengandungi unsur-unsur skim cepat kaya seperti:

- (i) menawarkan komisen untuk rekrut ahli-ahli baru;
- (ii) mengenakan yuran masuk yang tinggi melalui keperluan membeli produk yang banyak;
- (iii) membuat tuntutan boleh mendapat pendapatan lumayan hasil dari rekrutmen ahli-ahli baru dan tidak daripada jualan barang; dan
- (iv) mendesak orang ramai membuat keputusan dalam keadaan yang tertekan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hampir setiap hari kini menerima aduan daripada orang ramai mengenai beberapa syarikat jualan langsung yang mengamalkan skim piramid. Perjalanan perniagaan syarikat-syarikat ini sedang disiasat rapi oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini dan jika didapati syarikat-syarikat berkaitan melakukan kesalahan tindakan membatalkan lesen akan diambil dan pihak pengurusan syarikat akan dakwa di bawah peruntukan Akta Jualan Langsung 1993.

Bagi tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini, kementerian ini telah mengambil 5,829 tindakan kes di bawah pelbagai undang-undang yang dikuatkuasakan terhadap peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab itu dengan melibatkan nilai rampasan kira-kira RM28.77 juta.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini kita lihat ramai di kalangan kakitangan kerajaan seperti guru-guru dan sebagainya yang melibatkan diri sebagai agen jualan langsung. Jadi, saya ingin bertanya setakat hari ini adakah apa-apa aduan yang diterima oleh pihak kementerian dan kalau ada nyatakan jumlahnya dan apa tindakan ke atas aduan-aduan yang diterima.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah menerima aduan mengenai guru yang menyertai perniagaan jualan langsung dan kementerian ini telah merujuk kepada Kementerian Pendidikan supaya diambil tindakan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, sebanyak 5,000 lebih syarikat yang telah melanggar syarat dan sebahagian daripada mereka telah diambil tindakan. Jadi, saya ingin tahu dari 5,000 lebih syarikat yang diambil tindakan ini berapakah jumlah syarikat yang terlibat dengan syarikat jualan langsung.

Baru-baru ini saya difahamkan bahawa kementerian telah pun membekukan lesen jualan langsung ini. Jadi, saya ingin tahu apakah sebab-sebab lesen ini dibekukan?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sudah membekukan sementara pengeluaran lesen jualan langsung kepada syarikat baru bagi membolehkan siasatan dibuat terhadap pelan pemasaran dan

menentukan tidak ada pelanggaran akta dan syarat-syarat lesen. Di samping itu kementerian ini juga sedang mengkaji semula kriteria perlesenan dari syarikat jualan langsung dan juga Akta Jualan Langsung 1993.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dari 1 Januari 1997 hingga 1 November 1997 sebanyak 12 syarikat jualan langsung telah diambil tindakan dengan hasil nilai rampasan RM5,088 dan kompaun yang dikutip adalah sebanyak RM13,500 dan denda adalah RM7,000. Sebanyak 5 syarikat telah ditamatkan lesennya oleh kementerian ini kerana menjalankan pelan pemasaran yang mempunyai unsur-unsur skim cepat kaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal jawab sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 8, 9, 10 dan 15 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan itu tidak terang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat datang lewat. [*Ketawa*] Ya, baiklah.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998**

##### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [**Hari Ketiga**]

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Jadual] -**

**Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sila sambung.

**3.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung semula penggulungan kementerian ini yang bermula pada petang semalam.

Saya minta izin kalau ada perkara-perkara yang saya ulangi pada hari ini oleh kerana terdapat kekeliruan dan mungkin salah faham apa yang saya sebutkan pada petang semalam.

Pertamanya, saya dukacita kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak ada di sini, walaupun dia yang membawa perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Masuk ke dalam Dewan]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak lari macam Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan - saya tidak lari. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Jawab! Jawab!

**Dato' Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat dari Kota Melaka mengkritik Yang Berhormat Dato' Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana tidak ada dalam Dewan ini.

Ingin saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Dato' Menteri Kementerian ini tidak perlu hadir dalam Dewan untuk hanya mendengar hujah-hujah negatif dan kutukan melulu dari pihak pembangkang. *[Tepuk]* Kalau setakat apa yang dibangkitkan semalam saya sebagai Timbalan Menteri sudah cukup untuk mempertahankan kedudukan dan maruah

kementerian ini lebih-lebih lagi maruah Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya, saya bukan hendak jack Timbalan Menteri atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi kita tengok walaupun tangannya patah *[Ketawa]* Timbalan Menteri datang untuk menjawab hujah-hujah dalam Dewan Rakyat. Jadi, adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional cukup bertanggungjawab terhadap rakyat, macam mana pandangan Yang Berhormat? Patah ini sebab apa? *[Ketawa]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang saya mendapat cuti sakit, tetapi oleh kerana cabaran daripada Kota Melaka *[Tepuk]* dan oleh kerana ingin menjawab dan oleh kerana maruah kementerian tercabar, maka saya berani datang ke sini walaupun dalam keadaan begini - kurang begitu menyenangkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Wah! Kasihan betullah.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Sebenarnya tidak patah, hanya baru retak sedikit sahaja.

Yang Berhormat dari Kota Melaka melihat masalah pencapaian program perumahan kos rendah seolah-olah sebagai orang buta melihat gajah

sepertimana saya sebutkan semalam. Begitu juga dengan hujah Yang Berhormat dari Kepong, kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kepong membuat tohmahan hanya berpandukan Laporan Juruaudit Negara sahaja. Sememang Juruaudit Negara bertanggungjawab mengaudit semua aspek perbelanjaan dan penerimaan wang bagi jabatan-jabatan kerajaan, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kepong bangun pula, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya pun bersimpati juga dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak tahulah selama ini sama ada benar atau pun tidak kita tidak tahu..... *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Mr. Bean.

**Seorang Ahli:** Sakit mana boleh main-main.

**Seorang Ahli:** Mr. Bean jangan main-main.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..... tidak tahu.

**Seorang Ahli:** Mr. Bean jangan main-main.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Mr. Bean jangan main-main.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah dia sedar, adakah termaktub di dalam buku Rancangan Malaysia Ketujuh, itupun menunjukkan kelemahan pihak sektor awam yang hanya mencapai satu matlamat 36.5% sahaja di dalam pembinaan rumah kos rendah, adakah ini satu hakikat dan kenyataan?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat, memang ada, memang diperakukan kelemahan sektor awam. Tetapi ini tidak bermakna ini kelemahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebab keduanya adalah berbeza. Kementerian bertanggungjawab mengenai perumahan bagi keseluruhan negara bagi semua sektor, sektor awam dan sektor swasta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin mencadangkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri mendapat insentiflah kerana 'hardship allowance' - datang sungguhpun tangan sudah patah. Saya rasa ini sekurang-kurangnya menunjukkan sungguhpun sakit, sungguhpun tempang, tetapi masih terus datang ke Parlimen, masih terus menunjukkan sikap akauntabiliti, bukan seperti menterinya yang tidak tempang, tidak patah tangan, tetapi tidak berani datang ke Parlimen. Saya mengakui bahawa Yang Berhormat berani menghadapi pihak kami. Tetapi saya hendak bertanya yang sini. *[sambil menunjukkan tempat duduk menteri-menteri yang kosong]*

Saya hendak bertanya, kalau Yang Berhormat menyatakan bahawa kementerian tidak gagal, macam mana pihak Ketua Audit Negara boleh membuat teguran yang begitu dahsyat sekali.....

**Dato' Azmi bin Khalid:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** ....habis, nanti sekejap saya hendak habiskan, yang begitu dahsyat.....

**Dato' Azmi bin Khalid:** Dia beri ucapan Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan - bukan, saya hendak tanya - begitu dahsyat sekali sehingga menyatakan pencapaian pembinaan rumah kos rendah hanya 26% dan daripada rumah yang dibina 25% diberi kepada orang kaya. Jawapan yang diberikan oleh pihak menteri adalah sungguh tidak bertanggungjawab - bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat Menteri menyatakan ini bukan gagal, ini hanya tidak mencapai sasaran. Kalau kita pergi sekolah mendapat 26 markah bolehkah kita cakap tidak gagal, sudah fail berkali-kali ganda.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, tidak perlu menteri walaupun saya tempang, walaupun tangan sakit, tetapi senang sangat saya menangkis hujah-hujah pembangkang. *[Tepuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak ada tangan macam mana hendak menangkis. *[Ketawa]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Dengar saya jawab dahulu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Sememangnya Juruaudit Negara bertanggungjawab mengaudit semua aspek perbelanjaan penerimaan wang bagi jabatan-jabatan kerajaan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ada lagi, berilah saya habis. Maka dalam urusan pembinaan rumah-rumah kos rendah, tumpuan Audit Negara hanya kepada pelaksanaan jabatan-jabatan kerajaan sahaja dan dalam laporan ini, Juruaudit Negara menegur prestasi agensi-agensi kerajaan negeri sahaja bukan agensi-agensi kerajaan pusat, tidak termasuk Wilayah Persekutuan, tidak termasuk Labuan, tidak termasuk agensi-agensi lain, juga tidak termasuk agensi-agensi swasta. Yang menjadi dasar kementerian ini dan dasar kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keenam bahawa sebahagian besar daripada tanggungjawab membina rumah-rumah adalah ditugaskan kepada sektor swasta. Ini adalah dasar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Pembetulan, DBKL ada.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tidak di dalam statistik Dato'.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi di sini Laporan Ketua Audit Negara ada DBKL [*sambil memegang buku Laporan*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Cuba Yang Berhormat lihat statistik dalam Laporan Juruaudit, hanya 12 negeri tidak termasuk Wilayah Persekutuan dan Labuan. Cuba lihat. Nanti saya balik....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya boleh pinjamkan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Manakala kementerian ini bertanggungjawab dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan program perumahan bagi seluruh negara, bukan sahaja oleh sektor awam bahkan juga oleh sektor swasta.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) dan Rancangan Malaysia Ketujuh, memang kerajaan telah memastikan pihak swasta mengambil peranan yang besar dalam pembinaan rumah kos rendah. Maka jika dilihat pada keseluruhannya pencapaian pelaksanaan rumah kos rendah di seluruh negara sebenarnya ialah 76% daripada sasaran ataupun target yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Antara 1991 hingga akhir 1995 jumlah rumah kos rendah yang siap dibina ialah 260,386 unit berbanding dengan matlamat asal 343,800 unit iaitu pencapaian sebanyak 76%. Tidak ada yang bangun ya.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam sektor swasta telah bertanggungjawab membina 217,000 unit rumah kos rendah .....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tuan bangun, Yang Berhormat hendak beri jalan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya hendak habiskan. Manakala sektor awam dipertanggungjawabkan membina 126,800 unit. Sektor swasta dipertanggungjawabkan 217,000 dan sektor awam dipertanggungjawabkan 126,000 unit.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato'. Secara ikhlas saya juga merasa sedih kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun di dalam keadaan begini terpaksa datang ke Parlimen dan ini menunjukkan secara peribadi memang beliau sungguh-sungguh untuk menjalankan tugas.

Tuan Pengerusi, persoalan yang saya ingin timbulkan di sini, kita tengok di hadapan semua jemaah menteri tidak ada. Jadi, hal ini bukan satu perkara yang remeh-temah oleh kerana Dewan yang mulia ini adalah penggubal dasar kerajaan dan segala maklumat serta segala perbincangan yang kita buat di sini adalah satu perkara yang boleh menentukan masa depan negara. Jadi, yang saya ingin tanyakan di sini ialah, adakah Yang Berhormat mencadangkan oleh kerana kerap-kali hanya timbalan-timbalan menteri sahaja yang hadir di dalam Dewan untuk mendengar hujah dan juga menjawab soalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat penjelasan itu biar berkaitan dengan topik perbincangan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Perbincangannya begini. Halnya ialah kegagalan dasar perumahan ini mungkin timbul oleh kerana menteri tidak datang. Dasar itu tidak dapat dikaji oleh kerana mungkin dia fikir tidak ada perkara yang hendak dikaji, kerana dia tidak dengar hujah-hujah ahli-ahli Parlimen. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau timbalan-timbalan menteri juga dibenarkan masuk di dalam perbincangan Kabinet dengan menggubal Perlembagaan supaya mereka boleh sama-sama, terutama yang

rajin-rajin ini, bukan sahaja dinaikan elaun, tetapi juga diberi peranan untuk menggubal dasar dalam Kabinet. Adakah Yang Berhormat Dato' bersetuju?

**Seorang Ahli:** Susahlah itu! *[Ketawa]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat dari Tuaran ini merapu, saya tidak payah jawablah, sebab kita mengamalkan system collective responsibility. Walaupun Timbalan Menteri, tetapi tanggungjawab kita, kita tanggung bersama. Apa sahaja yang dibuat dalam kementerian kita ambil berat dan kita tahu dan tidak perlu Menteri datang oleh kerana Menteri banyak urusan lain, semua Menteri tidak ada, melainkan apabila ada urusan-urusan yang lebih penting. Tetapi hendak menjawab segala apa yang disebutkan oleh.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan, dia bangun lagi.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri kata collective responsibility, tetapi itu ialah ministerial responsibility, dia sebagai ahli Kabinet, bagaimana Timbalan Menteri boleh dipertanggungjawabkan di dalam collective responsibility? Kalau Timbalan Menteri nanti membuat kesilapan dia sendiri terpaksa meletak jawatan, Menteri tidak letak jawatan, jadi bagaimana?

**Seorang Ahli:** Jangan marahlah!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Presiden PBS mana?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, inilah yang dikatakan kerajaan yang bertanggungjawab. Barisan Nasional sebagai satu badan yang besar, yang bertanggungjawab pada keseluruhannya, kita sama-sama ambil tanggungjawab, tidak perlu duduk dalam Kabinet. Itu saya tidak mahu jawab lebih panjang, ini soalan merapu.

Saya hendak tumpukan perhatian sekarang kepada sektor awam. Tadi saya katakan sektor swasta ditugaskan 217,000 unit untuk Rancangan Malaysia Keenam dan sektor ditugaskan membina 126,800 unit. Daripada 126,800 yang dipertanggungjawabkan kepada sektor awam 35,304 unit sahaja yang ditugaskan kepada kerajaan negeri tidak termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan agensi-agensi kerajaan pusat sepertimana yang terkandung dalam muka surat 45 Laporan Audit.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Stable ya!

**Dato' Azmi bin Khalid:** Daripada 35,304 unit ini, yang ini juga angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam, tengok teks ucapannya, jangan ambil angka lain. Daripada 35,304 unit ini, kerajaan-kerajaan negeri hanya mampu membina 9,052 unit atau 25.6% sahaja daripada matlamat. Ini bermakna kerajaan-kerajaan negeri gagal membina 26,252 unit dan jika dilihat dari sudut matlamat yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Jumlah kegagalan 26,252 unit ini hanya merupakan 7.6% sahaja daripada matlamat asal, bermakna yang dihebohkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka hanya mengenai kegagalan 7.6%, tetapi kalau dengar ucapannya

peratusan kegagalan ialah hampir 75% - kalau dengar dari ucapan dan hujahnya. Yang sebenarnya kegagalan ini hanya 7.6% daripada matlamat jumlah keseluruhan.

Prestasi sektor swasta pula....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat saya hendak bertanya sedikit mengenai perumahan ini. Memanglah perumahan ini keperluan yang dikehendaki oleh rakyat terutama sekali yang miskin. Sungguhpun 7.5% Yang Berhormat kata tadi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu mengapa dan kenapa kerajaan negeri gagal untuk menjalankan program rancangan rumah murah ini, kerana kerajaan negeri mempunyai jentera yang cukup, pegawai yang cukup? Jadi masih tidak dapat menjalankan amanah dan tanggungjawab ini. Jadi boleh Yang Berhormat terangkan negeri mana yang teruk sekali, yang tidak boleh membuat kerja ini, kita tukar Menteri Besarkah? Adakah Kelantan, Kelantan ubah?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menjawab dari segi statistik negeri mana yang gagal ataupun yang lemah, tetapi ada peratusan di sini. Walaupun peratusannya kecil, tetapi jumlahnya besar. Peratusan dari segi prestasi pencapaian ada negeri yang hanya mencapai 18% dan saya tidak boleh sebut negeri, tetapi jumlah targetnya adalah besar. Jadi,

kalau kita banding dari segi angka dengan statistik pencapaian, walaupun statistik pencapaiannya atau peratusannya rendah, tetapi jumlahnya besar. Sebab kenapa kerajaan-kerajaan negeri lemah di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab ini ialah oleh kerana dikebanyakan kerajaan-kerajaan negeri jenteranya itu tidak begitu lengkap untuk melaksanakan. Walaupun ada perbadanan-perbadanan kemajuan negeri masing-masing, tetapi dari segi saingan untuk mendapat balik tanah-tanah yang sesuai bagi pembinaan rumah kos rendah, sebab kerajaan negeri tidak ada untung dalam membina rumah-rumah kos rendah. Kos pembinaan sebenarnya ialah lebih dari 25,000. Saya ada hujah di bawahnya ini, tetapi kerajaan negeri oleh kerana tidak ada subsidi untuk menampung kos yang berlebihan, maka ada kerajaan negeri yang tidak mampu melaksanakan program sebesar mana yang diperlukan. Saya akan huraikan di bawah ini.....

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Serdang bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay. Allright kawan saya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana terdapat kelemahan sedikit daripada pihak kerajaan untuk membina rumah-rumah kos rendah itu, apa nasihat atau bantuan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengatasi masalah kepada pihak-pihak yang berkenaan itu.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Antara perkara-perkara yang telah dipersetujui ialah supaya kerajaan pusat membantu dari segi pembinaan infrastruktur. Ini dapat mengurangkan bebanan kerajaan negeri dan ada hujah di dalam ini kita sudah membuat satu keputusan menubuhkan Syarikat Perumahan Negara supaya tanggungjawab ini dari segi kewangan, dari segi prestasi, dari segi kualiti kontrolnya akan dapat dikawal oleh Syarikat Perumahan Negara.

Prestasi sektor swasta pula menunjukkan pencapaian sebanyak 99% Tuan Pengerusi, daripada matlamat dan ini telah dapat mengimbangkan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sektor awam, yang mengakibatkan pada keseluruhannya prestasi pelaksanaan rumah kos rendah di seluruh negara mencapai 76% dalam Rancangan Malaysia Keenam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kepong bangun lagi.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Hendak bangun lagi, semalam saya tengok ucapan Yang Berhormat tidak ada langsung content, hari ini apabila saya bercakap baru ada ilham. Okay, saya beri sekejap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, selain daripada belanjawan dari pihak 'yang berlidah terkalang' itu saya pun ada menyampaikan isi kandungan yang baik, dan sekarang saya nampak adakah Yang Berhormat sedar apa yang disebutkan sebagai 7.5% kekurangan dan sebagainya. Itu adalah satu rekaan

daripada Yang Berhormat - satu rekaan. Kita sebut mengenai rumah kos rendah, kita bukan sebutkan semua sektor pembinaan. Kita tidak sebut semua termasuk banglo, kondominium dan sebagainya. Memang banyak kondominium di sini, itu bukan perkara yang dibangkitkan. Perkara yang dibangkitkan hanya rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana rendah, itu isu yang pokok dan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pun disebutkan angka-angka, tidak payah hendak menganalisiskan semula di sini, cuma memutarbelitkan, itu yang usahanya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Mr. Bean marah!

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, yang putarbelit bukan saya. Saya bercakap hal khusus mengenai rumah kos rendah. Kalau hendak diambilkira rumah keseluruhannya, pencapaian seluruh negara termasuk rumah banglo, termasuk rumah kondo-kondo yang mahal, lebih dari 600,000 unit telah selesai dibina. Kita berbincang hanya rumah kos rendah yang matlamat atau targetnya ialah 300,000 unit pada asalnya dan pencapaiannya ialah 76% daripada keseluruhan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, hendak beri jalan atau tidak?

**Seorang Ahli:** Cukuplah! Cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya cadangkan Yang Berhormat balik ke kementerian untuk menganalisis.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, pembesar suara....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Duduk! Duduk! *[kepada Dr. Tan Seng Giaw]**[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ucapan tidak rasmi ini tidak boleh dilayankan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jangan pusing belakang. *[kepada Dr. Tan Seng Giaw]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat mengumpulkan satu penyata yang lebih lengkap mengenai rumah kos rendah yang dibuat oleh sektor awam sahaja. Sektor swasta itu jangan disebutkan di sini. Sektor swasta walaupun tidak untung mereka enggan membina, tetapi dapat mencapai 90%. Ini menunjukkan kelemahan yang dahsyat di sektor awam. Bolehkah mengemukakan satu penyata yang lengkap mengenai rumah kos rendah sektor awam sahaja, jangan kita keliru dengan sektor swasta.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, Tuan Pengerusi, saya faham. Sebenarnya inilah kita mengatakan, cara kerajaan kita melaksanakan program bukan sahaja perumahan bahkan segala perkara yang berkaitan dengan pembangunan negara adalah cara yang bijaksana. Kita menggunakan Sistem Persyarikatan Malaysia. Bermaknanya gandingan antara.....

**Dato' Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** .....gandingan antara sektor swasta dengan sektor awam dan kerajaan dan untuk sama-sama menuju ke satu arah. Yang Berhormat, okay.

**Dato' Lim Si Cheng:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. Semalam kita sudah bangkitkan perkara ini dan pencapaian rumah kos rendah ini memang tidak memuaskan, ini satu perkara yang tidak boleh dinafikan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sebelum peruntukan ini dibuat, dibentangkan di Parlimen ini, adakah kementerian atau Menteri sendiri telah membuat kajian supaya satu langkah yang lebih positif dapat diambil memastikan perkara ini tidak akan berlaku sekali lagi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh? Adakah perkara ini dilakukan?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih, soalan ini membantu saya. Sebenarnya kita telah pun membuat analisis dan saya ada huraian selepas ini, menunjukkan apa yang kita buat untuk melihat dan memerhatikan bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh tidak akan mengalami kegagalan.

Bersama saya ada statistik yang cukup. Yang Berhormat menyoal saya mengenai adakah kajian dibuat, memang kajian menyeluruh, yang tidak ada kajian ialah Yang Berhormat dari pembangkang yang bercakap secara melulu. Soalannya adakah pencapaian 76%.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ada yang bangun lagi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ada. Tuan Pengerusi, saya bangun.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, memanglah masalah rumah ini kita kena bela betul-betul. Tadi Yang Berhormat mengatakan kerajaan negeri gagal kerana disebabkan mungkin kerajaan negeri tidak ada duit, tidak ada expertise dari segi menjalankan program ini. Tetapi Yang Berhormat, boleh kita mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya kita membuat cross subsidy untuk menyelesaikan sekali once and for all projek rumah murah ini, di mana kerajaan negeri memberi kawasan-kawasan tertentu kepada syarikat swasta untuk membina projek-projek yang tertentu, yang mendatangkan keuntungan dan hasil keuntungan ini sebahagiannya dibina program rancangan perumahan murah ini. Kerana yang saya tengok hari ini kita telah banyak swastakan projek, tetapi syarikat-syarikat besar ini dia swasta projek, dia tidak beri langsung contribution kepada rancangan rumah murah ini. Jadi, boleh atau tidak kementerian mencadangkan kepada kerajaan-kerajaan negeri mereka ada tanah-tanah yang baik dalam kawasan bandar kadang-kadang mereka kata tidak sesuai hendak buat rumah murah. Tetapi bagi saya kalau tidak ada rumah murah dalam kawasan bandar macam Kuala Lumpur ini macam mana kita hendak ada pemandu, orang-orang yang peringkat rendah mereka hendak bekerja dengan kita macam mana? Jadi, boleh kementerian mencadangkan kepada kerajaan negeri atau mengarah kerajaan negeri supaya

mengadakan program cross subsidy project, supaya keuntungan itu boleh dibuat rumah murah. Lagi satu bila hendak swasta sesuatu projek dalam negara ini kita mencadangkan kepada kerajaan supaya syarikat yang mendapat penswastan ini dia mesti buat rancangan perumahan sekian-sekian banyak untuk kerajaan. Ini jasa yang mereka dapat daripada keuntungan, bukan hendak joli harta - tidak. Jadi, macam mana pandangan saya Yang Berhormat? Kasihanlah sedikit perkara ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih, cadangan Yang Berhormat itu amat positif. Sememangnya kita tidak boleh nafikan bahawa dari segi angka, dari segi statistik yang kita ada, pencapaian Rancangan Malaysia Keenam sudah menunjukkan sumbangan. Prestasi sektor swasta adalah 99% daripada target yang ditetapkan kepada mereka dan apabila mencadangkan bahawa kerajaan negeri mewujudkan sistem cross subsidy, memang ini juga yang telah menjayakan kebanyakan program perumahan murah yang diagihkan kepada sektor swasta.

Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat supaya dipertingkatkan lagi saranan ini kepada kerajaan negeri supaya lebih berkesan, lebih mampu untuk meng'cross subsidy'kan program-program perumahan rumah kos rendah ini. Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ada lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada satu lagi kementerian yang patut dihabiskan pada hari ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Last Yang Berhormat ya.

**Tuan Pengerusi:** Jikalau sekiranya begini, kita tidak habis bagaimana?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya diberi amaran.

**Tuan Pengerusi:** Ya, baik.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, last. Minta tumpukan kepada jawapan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Dua penjelasan yang saya minta iaitu pertama, tadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengatakan bahawa jika diambilkira rumah kos yang tinggi ataupun pembinaan rumah yang melebihi keperluan, tetapi masalahnya ialah rumah kos rendah. Jadi bukankah ini jelas menunjukkan bahawa dari segi dasar pihak kerajaan perlu membuat sesuatu atau tidak. Saya minta penjelasan mengapa ini boleh berlaku.

Yang keduanya, Yang Berhormat Dato' saya difahamkan di Sabah dan selaras dengan cadangan sahabat saya dari Yan iaitu cross subsidy. Saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan ada menyediakan pinjaman untuk kerajaan negeri bagi digunakan untuk membuat rumah kos rendah, tetapi saya difahamkan bahawa pihak kerajaan negeri tidak menerima tawaran bantuan kewangan itu. Kalau ini betul saya minta penjelasan, mengapa perkara ini boleh berlaku di dalam kerajaan negeri yang diterajui oleh parti-parti Barisan Nasional pada masa sekarang?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, ada dua soalan. Satu kenapa kerajaan-kerajaan negeri tidak mahu menerima sumbangan atau pinjaman untuk membina rumah-rumah murah di peringkat negeri. Setakat ini saya tidak ada maklumat mengenai penolakan itu dan saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat.

Yang keduanya, kenapa kita membuat rumah yang berlebihan. Saya tidak pernah mengatakan rumah yang berlebihan. Saya mengatakan jumlah semua atau keseluruhan jenis, rumah murah, sederhana dan rumah kos tinggi yang dicapai dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah lebih dari 600,000 unit. Yang kos murah ialah lebih dari 261,000 unit yang telah dibina. Jadi, pencapaiannya ialah 76%. Soalannya adakah ini mencerminkan kegagalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kalau kita telah mencapai 76% daripada prestasi pembinaan rumah kos rendah, jawabnya 'tidak', yang gagal ialah pihak pembangkang sendiri, yang hanya melihat angka 36,304 unit sahaja seolah-olah inilah sahaja jumlah sasaran dalam Rancangan Malaysia Keenam. Oleh kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka begitu berminat untuk menggunakan ini sebagai bahan politik, maka dia telah terjerumus dalam alam kebutaan sehingga tidak dapat melihat sasaran sebanyak 343,800 unit dan pencapaian sebanyak 260,386 unit.

Pujangga ada berkata 'tiada orang yang lebih buta daripada orang yang enggan melihat'. Inilah contoh yang ada di hadapan kita. Itulah yang saya sebutkan petang semalam. Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Yang

Berhormat dari Kepong seolah-olah seperti orang buta meraba-raba dan tidak mengetahui apakah itu gajah. Yang Berhormat dari Kota Melaka pegang betis dan dianggap gajah itu sebagai sebatang pokok. Yang Berhormat dari Kepong memegang ekor dan dia menganggap gajah itu seperti tali.

Ada lagi satu yang dibangkitkan oleh Kota Melaka iaitu yang berhujah dengan berapi-rapi mengecam kerajaan oleh kerana kononnya kerajaan membazir dan menyalahgunakan kuasa hasil dari catitan Juruaudit Negara bahawa 80% dari peruntukan Rancangan Malaysia Keenam hanya dapat membina 25.64% sahaja dari jumlah rumah kos rendah di peringkat negeri-negeri. Tadi saya sudah jawab, tetapi saya akan teruskan.

Saya berani mengatakan di sini Yang Berhormat dari Kota Melaka memang buta huruf (illiterate) mengenai ilmu dan pengetahuan berkaitan industri perumahan. Yang Berhormat dari Kota Melaka bukan illiterate dari benda lain, tetapi dari ilmu dan pengetahuan industri perumahan - memang buta huruf.

Saya berani mencabar Yang Berhormat bertanya pemaju-pemaju perumahan di seluruh negara, siapakah yang berupaya membina rumah kos rendah dengan kos RM25,000 ke bawah. Apabila saya sebut perkataan kos, ia bukan sahaja kos pembinaan atau construction cost, bahkan kos piling, kos infrastruktur, kos tanah, kos jururunding pengurusan dan lain-lain, terutama sekali projek-projek yang jauh dari kawasan-kawasan yang telah terbangun di mana pihak pemaju diperlukan membiayai kos bekalan elektrik, air dan

membina jalan dari jarak yang jauh. Kos ini akan meningkatkan lagi jika tapak yang ditetapkan berpaya ataupun lembut yang memerlukan belanja paling yang tinggi.

Dari pengalaman sektor awam di Wilayah Persekutuan, kos binaan sebuah rumah murah berbeza antara RM39,600 hingga RM65,800 tetapi harga jualannya ditetapkan RM25,000. Ini pun belum lagi dimasukkan dengan harga tanah. Maka tidak hairan Yang Berhormat di peringkat kerajaan-kerajaan negeri 80% daripada peruntukan hanya dapat membina 25% daripada jumlah sasaran yang ditetapkan. Ini menjawab banyak soalan. Tetapi yang saya hairan sekali kenapakah pihak pembangkang terlalu ignorant dalam perkara yang sudah diketahui umum. 'Ignorant' itu tidak tahu kepala ekorlah. Inilah yang saya sebutkan dengan perkataan 'buta huruf', saya minta maaf kalau ungkapan ini menyinggung perasaan Yang Berhormat, tetapi saya percaya ianya bukan bahasa yang dianggap unparliamentary. Yang Berhormat juga membangkitkan bahawa 24% dari rumah kos rendah diberikan kepada pihak yang tidak layak.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, izinkan saya membuat pengakuan pihak kementerian, malah Kerajaan Pusat pun sama sekali tidak pernah menafikan wujudnya kelemahan-kelemahan di peringkat pelaksanaan khasnya oleh kerajaan negeri, bukan sahaja dari segi pelaksanaan pembinaan bahkan juga dari segi sistem pengagihan. Oleh kerana itu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak kementerian telah mewujudkan satu mekanisme penyelarasan pelaksanaan di peringkat kementerian dan peringkat negeri. Jawatankuasa

Penyelarasan telah diwujudkan di semua peringkat dan oleh kerana itu sukacita saya memaklumkan bahawa walaupun Rancangan Malaysia Ketujuh bermula pada awal tahun 1996, tetapi sehingga kini hingga akhir 1997 prestasi pelaksanaan program rumah kos rendah ialah seperti berikut:

- 25% daripada projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh telah siap - belum sampai dua tahun.
- 42% daripada jumlah projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sedang dalam peringkat pembinaan - sudah 67%.
- 13% daripada jumlah projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sedang dalam peringkat tender dan baki 20% lagi diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sedang dalam peringkat awal pelaksanaan. Ini bermakna 80% dari projek sasaran Rancangan Malaysia Ketujuh telah pun siap atau dalam pelaksanaan dan saya yakin menjelang tahun 2000 seratus peratus dari projek yang di bawah kelolaan kerajaan-kerajaan negeri akan siap.

Ini bermakna kerajaan memang memandang serius atas teguran-teguran yang dibuat oleh Juruaudit Negara dan kerajaan memang serius untuk membekalkan rumah-rumah kos rendah bagi manfaat rakyat berpendapatan rendah. Inilah

sebenarnya Barisan Nasional yang dipilih sembilan kali dalam pilihan raya. Insya-Allah kali yang kesepuluh akan dipilih lagi dalam dua tahun lagi. Terima kasih dan syabas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan dalam kementerian yang bertungkus-lumus melaksanakan program penyelarasan yang disebutkan ini.

Untuk mengatasi kelemahan sistem pengagihan yang mana dikatakan 24% telah diagihkan kepada mereka yang tidak layak, maka semua kerajaan negeri telah diarah untuk mewujudkan sistem pendaftaran terbuka dan menjalankan urusan penilaian dan pemilihan di peringkat yang lebih awal agar kelemahan-kelemahan ini dapat diatasi, tetapi satu ungkapan yang digunakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka amat tidak wajar. Yang Berhormat dari Kota Melaka menuduh kerajaan menyalahgunakan kuasa, oleh kerana mereka yang tidak layak terdiri kononnya dari orang-orang kaya. Yang Berhormat dari Kota Melaka menggunakan perkataan 'orang-orang kaya' beberapa kali.

Di sini saya berani menyatakan pihak Audit Negara tidak menyebut perkataan orang-orang kaya. Yang pihak Audit Negara menyebut, yang mendapat rumah kos rendah yang disebutkan:

- (a) mereka yang telah mempunyai rumah sendiri.
- (b) mereka yang berpendapatan lebih dari had yang ditetapkan.
- (c) mereka yang berpendapatan kurang dari had yang ditetapkan.
- (d) mereka yang bujang.

- (e) mereka yang melebihi umur.
- (f) mereka yang dari luar kawasan sasaran.
- (g) mereka yang namanya tidak ada dalam daftar permohonan.

Juruaudit Negara tidak menyebut perkataan 'orang-orang kaya'. Perkataan 'orang kaya' telah digunakan oleh pembangkang dengan sengaja untuk mengabui dan membakar perasaan rakyat. Walaupun wujud kelemahan-kelemahan di peringkat kerajaan negeri, tetapi pemimpin-pemimpin negeri juga orang yang bertanggungjawab. Mereka tidak begitu rakus untuk mengagihkan rumah-rumah murah kepada orang-orang kaya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kemungkinan besar mereka yang sudah ada rumah ialah rumah murah juga dan pembelian satu lagi rumah murah ialah untuk menampung keperluan ahli keluarga yang banyak, yang buta ialah Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri, yang tidak tahu membeza yang mana pokok dan yang mana kayu, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, you cannot differentiate between the wood and the trees'. Maka dia menggunakan perkataan yang bertujuan mengapi-apikan perasaan rakyat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat panjang lagikah?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ada dalam 10 minit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sila. Saya rasa Yang Berhormat sudah jawab penuh, cukup penuh.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, kalau begitu saya akur sahajalah dengan keputusan Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya minta jalan, come on, gentleman!

**Seorang Ahli:** Rompin dahulu, Rompin dahulu!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat kita tidak ada masa ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa secara gentleman kerana dia membuat serangan bertubi-tubi saya tidak minta jalan tadi. Saya rasa harus bertanya dia....

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, saya kasihankan dia, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya tidak ingin membalas serangan peribadi yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya tidak mahu stood so low seperti yang dibuat, tetapi saya hanya meminta penjelasan, kalau ingin menyatakan saya buta huruf kerana membela orang miskin, saya rela dituduh buta huruf kerana membela orang miskin.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat itu tidak bersangkutan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi di sini Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak mahu cakap lagi tentang pembinaan rumah, kerana tidak cukup masa seperti yang dinyatakan oleh Tuan Pengerusi, tetapi tentang pengagihan. Yang Berhormat Timbalan Menteri masih belum menyatakan sama ada mereka yang

tidak layak mendapat rumah termasuk mereka yang ada mempunyai rumah sendiri, rumah tambahan, berpendapatan lebih yang ditetapkan dan ada seperti yang dikata oleh Yang Berhormat tiada nama di dalam daftar permohonan pun boleh mendapat rumah. Adakah rumah mereka ini ditarik balik dan diberikan kepada golongan yang miskin, janganlah serang saya 'buta huruf' jika sendiri 'buta dalam hati'.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini yang menjadi masalah.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah! Cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau tidak Tuan Pengerusi,.....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah! Cukuplah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, hanya satu ayat sahaja. Saya harap kerana saya mempunyai perasaan ikhlas terhadap Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap janganlah membuat serangan yang tidak baik, nanti tuhan akan hukum. Macam semalam tuduh saya 'buta huruf' sekarang kena padahnya. *[Ketawa]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya buta huruf bukanlah dari segi bilangan jumlah orang yang 24% yang salah diagihkan, buta huruf dari segi maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai industri perumahan.

Dari segi sama ada kerajaan negeri hendak menarik balik atau tidak itu kita serahkan kepada kerajaan negeri dan budibicara kebijaksanaan kerajaan negeri. Tetapi mulai dari sekarang sistem pendaftaran berkomputer ini berjalan

baik di semua negeri dan kalau ada kelemahan pun akan diatasi dan kita hanya memperbaiki daripada yang tidak baik. Oleh kerana diminta oleh Tuan Pengerusi....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, ada dua perkara lagi tetapi yang belum selesai.....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya minta izin.

**Tuan Pengerusi:** Soalan atau minta jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bukan minta jalan,....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bukan minta jalan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat cukuplah! Cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bukan minta jalan. Bolehkah saya dapat jawapan secara bertulis.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Cukuplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya mendapat jawapan secara bertulis kerana saya ada menimbulkan tiga perkara.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya tidak beri izin. Kalau Yang Berhormat hendak meminta jawapan secara bertulis, tolong tulis kepada saya dahulu, saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah! Cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, ini Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Saya tahulah ini Parlimen, bukan saya tidak tahu.

*[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, kalau.....

**Beberapa Ahli:** Semua orang tahu ini Parlimen.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, kalau macam ini pun kena pun tulis surat saya rasa ini tidak bertanggungjawab.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bangun itu minta penjelasan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Cukuplah.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan penjelasan, saya minta.....

**Tuan Pengerusi:** Ini Parlimen.

**Tuan Lim Guan Eng:** .....saya minta keizinan daripada Tuan Pengerusi....

**Seorang Ahli:** Tak faham!

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh Yang Berhormat. Ini dia yang mempunyai floor.....

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Dan jikalau sekiranya hendak minta penjelasan minta pada dia, dia tidak duduk, janganlah berucap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, Tuan Pengerusi menyatakan keputusan, ini diterima oleh....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ...

**Seorang Ahli:** Jangan lawan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah! Cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak buat apa, saya tidak cabar Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** Keluar! Keluar! Boo!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa ini boleh dibuat kalau tidak dibuat mana akauntabiliti?

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah! Cukup. Ya, Yang Berhormat sila teruskan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya telah menjawab bahawa hujah pembangkang bahawa pihak kementerian gagal tidak benar, bahawa pencapaiannya ialah lebih daripada yang disebutkan. Yang gagal ialah usul pembangkang itu sendiri, maka usul itu jatuh dengan sendirinya. Maka di sini saya boleh mencadangkan bahawa pemotongan elaun RM10 itu dicadangkan dipotong daripada pembawa usul yang tidak menyiasat terlebih dahulu.  
*[Tepuk]* Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu bahawa RM10 dikurangkan daripada emolumen Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Butiran 010000 - Program Pengurusan dan Kod 10000 - Emolumen hendak dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala B.14 hingga B.16 dan Kepala P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekali lagi terbuka untuk dibahas. Ya, Serdang.

**4.20 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Kerajaan Tempatan, Butiran 00100 - Projek Kecil di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, banyak peruntukan telah diluluskan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan projek-projek kecil. Sepanjang masa ini saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan cara mana untuk monitor projek-projek kecil yang telah diluluskan oleh kementerian supaya pihak berkuasa tempatan benar-benar mengikut apa yang boleh memberi faedah kepada rakyat di kawasan pihak berkuasa tempatan itu. Yang pentingnya kerana saya sentiasa mendapat maklumat-maklumat bahawa projek-projek kecil itu tidak dapat mengikut jadualnya dan tidak dapat untuk memberi satu manfaat kepada rakyat. Itu yang pentingnya bagi penjelasan yang lebih lanjut berkaitan dengan projek kecil yang dibeli sebanyak RM50 juta pada tahun akan datang.

Tuan Pengerusi, saya hendak meminta penjelasan dari pihak kerajaan, seperti Majlis Daerah Petaling dan Majlis Daerah Hulu Langat telah dinaik tarafnya sebagai Majlis Perbandaran Kajang dan juga Majlis Perbandaran

Subang Jaya. Sepanjang masa satu tahun ini, masalah-masalah sedang dihadapi oleh kedua-dua pihak pihak berkuasa ini kerana sukar dapat profesional untuk menyertai dalam pentadbiran mereka. Oleh kerana kekurangan profesional seperti arkitek, doktor, jurutera akan menjejaskan pentadbiran selaras dengan menaikkan taraf daripada Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran, juga oleh kerana sepanjang masa satu tahun ini, fungsi-fungsi atau program-program yang diaturkan oleh pihak Majlis Perbandaran yang telah dinaikkan taraf itu tidak memberi kesan. Maka perkhidmatan rakyat daripada pihak berkuasa tempatan yang telah dicita-citakan sepanjang masa ini supaya selepas dinaikkan taraf itu akan memberi lebih baik perkhidmatan kepada rakyat tempatan tersebut, oleh kerana program-program yang tidak dapat diatasi atas alasannya kekurangan kakitangan yang profesional. Apa sebabnya berlaku demikian? Adakah skim gajinya tidak baik, adakah skim perkhidmatannya atau peraturannya lebih ketat daripada apa yang telah ditentukan? Maka itulah pentingnya untuk mengatasi masalah-masalah ini terlebih dahulu. Mungkin saya minta pihak kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam dapat melonggarkan syarat-syarat tertentu supaya lebih ramai lagi profesional akan dapat menyertai dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Kajang yang baru sahaja dinaikkan tarafnya, oleh kerana cita-cita rakyat yang telah minta perkhidmatan lebih berkesan lagi daripada pihak berkuasa tempatan yang ada itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi Butiran 03100 - Kemajuan Perkampungan. Sebanyak 452 buah kampung baru telah diwujudkan dalam Semenanjung Malaysia. Oleh kerana masalah kampung baru tersebut telah dijadikan isu politik yang dimainkan oleh parti pembangkang sepanjang masa ini, maka kerajaan telah mengambil tindakan dan langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh lebih kurang 2 juta rakyat yang tinggal dalam kampung-kampung baru ini.

Saya merasa bangga kerana saya adalah seorang penghuni dari salah satu kampung baru, maka saya rasa ada satu masalah yang masih belum dapat diselesaikan iaitu surat hakmilik di mana kementerian atau kerajaan telah memberi satu kebenaran supaya tiap-tiap negeri akan memberi surat hakmilik untuk memperbaharui pajakannya sampai 60 tahun. Walaupun peraturan-peraturan atau syarat-syarat tertentu telah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri, tetapi masih banyak masalah yang tidak dapat diatasi di peringkat pejabat tanah dan daerah kerana seperti Kampung Sri Kembangan iaitu kampung saya, sebanyak 2,300 unit rumah akan memohon memperbaharui pajakan mereka masing-masing.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kalaulah satu kampung sahaja mempunyai 2,300 unit rumah sekali gus menghantar permohonannya kepada pejabat daerah, cara mana untuk memproseskannya. Mengikut peraturan pejabat tanah dia mesti minta permohonan mengikut peraturan disahkan oleh S.O Pegawai Penempatan. Macam mana kalau menunggu jika seorang sahaja yang telah

diamanahkan sebagai Pegawai Penempatan untuk menyiasat 2,300 permohonan tersebut? Cara mana hendak menyelesaikan masalah tersebut?

Tuan Pengerusi, saya telah mendapat pengalaman ini kerana saya adalah seorang yang membuat permohonan....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Dia hendak beritahu bagaimana caranya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan Yang Berhormat dari Selayangkah?

**Dato' Yap Pian Hon:** Serdang.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Serdang. Pertama kali mendengar Yang Berhormat bercakap baguslah. Ini sepatutnya boleh berlawan dengan DAP - bagus. Saya minta penjelasan sedikit. Saya tertarik perbincangan Yang Berhormat berkenaan dengan memperjuangkan hak kampung baru, MCA memperjuangkan hak kampung baru. Tetapi selalu saya dengar DAP yang mengatakan memperjuangkan bukan MCA, bagaimana pandangan Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat bercakap itu bagus. Dia boleh berlawan dengan Kepong, mungkin Kepong hendak bangun hendak bertanya. Sebab Kepong kata dia yang memperjuangkan, bukan Yang Berhormat, saya minta pandangan sedikit.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang diperjuangkan oleh DAP terhadap kampung-kampung baru ini sebenarnya untuk taktik politik sahaja, tidak ada praktikal. Meraka hanya bermain politik

untuk menarik hati pengundi-pengundi kampung-kampung baru sahaja. Sepanjang masa ini pihak MCA telah memperjuangkan kepentingan rakyat di kawasan kampung-kampung baru, sebab pada pilihan raya kebangsaan yang baru telah memberi sokongan yang kuat dari penghuni-penghuni daripada kampung-kampung baru, termasuk kawasan Rompin. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi oleh pejabat tanah sekarang ialah oleh kerana tidak cukup kakitangan Pegawai Penempatan untuk menyasat terhadap permohonan tersebut maka lambatlah dijalankan. Tetapi di negeri Selangor ada 42 kampung-kampung baru. Di dalam daerah Petaling ada 9 kampung baru, cara mana hendak mengatasinya kalau di pejabat daerah itu hanya ada seorang sahaja Pegawai Penempatan untuk menyasat terhadap permohonan itu memang menjadi masalah. Ini dijadikan isu oleh DAP, oh! kerajaan tidak setuju untuk memberi sokongan kepada permohonan pajakan baru.

Tuan Pengerusi, saya mintalah kerjasama dari kerajaan supaya melicinkan permohonan itu dan berilah kuasa kepada pengerusi atau Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru itu di mana orang tempatan boleh disahkan, di mana jawatankuasa dilantik oleh kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, kalau JKKK itu yang dilantik oleh kerajaan negeri maka ia mesti penuh amanah. Jadi, saya mintalah kementerian boleh memberi kuasa tersebut supaya boleh mempercepatkan untuk mengatasi masalah

tersebut, kalau tidak, mungkin akan menjadi lagi satu taktik yang dimainkan oleh DAP dengan menuduh kepada kerajaan tidak jujur untuk mengatasi masalah pajakan baru. Maka ini akan dijadikan satu peraturan yang lebih licin untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor yang mendahului negeri lain telah meluluskan pajakan baru kepada kampung-kampung baru di negeri Selangor sampai 99 tahun. Dengan adanya keputusan kerajaan negeri supaya pajakan kampung-kampung baru di negeri Selangor dapat 99 tahun. Ini akan memberi satu perangsang untuk mempercepatkan perkembangan pembangunan sosio ekonomi di kampung-kampung tersebut, tidak ada kemunduran lagi kerana kalau pajakan selama 99 tahun itu. Tetapi saya seorang akan mendapat faedah daripada kerajaan negeri, Tuan Pengerusi, kerana saya dapat hakmilik rumah saya sepanjang 99 tahun. Saya akan gunakan sebagai modal untuk cagarkan kepada bank ataupun mana-mana supaya dapat menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan atau aktiviti lain untuk menambah kebendaan atau harta penghuni-penghuni tersebut supaya memberi satu kebajikan yang lebih baik kepada keluarga mereka.

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, saya mintalah pihak kerajaan memberi satu peraturan baru kepada pihak kerajaan-kerajaan negeri yang lain supaya jadikan contoh Kerajaan Negeri Selangor supaya surat hakmilik, pajakan kampung-kampung baru sebanyak 452 buah kampung itu dapatlah selaras dengan 99 tahun pajakannya. Itu akan menutup mulut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat DAP akan datang. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Seremban.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa setengahnya tidak boleh berucap. Jika kesemua hendak berucap, makna kata kita tidak boleh habiskan kesemua dalam Jawatankuasa dalam 18 hari. Saya akan panggil Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya minta maaf setengahnya tidak akan boleh berucap. Sila, Seremban.

**4.34 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi memberikan peluang saya berucap. Saya ingin membahaskan Maksud B.14, Kerajaan Tempatan dan juga Maksud B.16 - Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tuan Pengerusi, saya rasa kerajaan tempatan adalah sebuah kerajaan yang sangat penting kerana sebuah kerajaan yang sangat tegas dengan rakyat. Oleh kerana itu, prestasi kerajaan adalah amat penting dan memberikan perhatian supaya dapat menjamin pentadbiran kerajaan tempatan adalah dalam tangan yang baik.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya baca surat khabar bahawa kempen menanam pokok di kawasan kerajaan tempatan tidak memuaskan kerana tidak mencapai sasarannya dan banyak masalah lagi yang kita lihat dalam surat khabar. Umpamanya sampah sarap tidak dikutip, jalan rosak dan sebagainya. Semua masalah ini haruslah kita ambil tindakan untuk mengatasinya. Tetapi pokoknya saya rasa ialah pentadbiran majlis-majlis daerah kita kena lihat semula khususnya dari segi jawatan. Saya rasa sekarang ini untuk jawatan bagi Yang di-Pertua bagi majlis-majlis daerah dipegang oleh pegawai daerah, maklumlah pegawai daerah adalah seorang pegawai yang begitu sibuk. Di samping itu juga kena jaga berbagai-bagai aktiviti, sebab beliau juga pengerusi untuk tanah, dia juga pengerusi untuk mesyuarat pembangunan daerah dan sebagainya.

Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan bahawa jawatan seorang Yang di-Pertua majlis daerah kena dipegang oleh seorang penuh masa (full time) tidak boleh macam sekarang. Saya rasa kalau kita dapat ubah dari segi pentadbiran, Yang di-Pertua majlis-majlis daerah ini dipegang oleh seorang pegawai yang sepenuh masa, saya rasa banyak masalah akan dapat diselesaikan. Jadi, itulah satu cadangan yang saya ingin kemukakan.

Tuan Pengerusi, lagi satu mengenai CFO. Pada sekarang ini walaupun rumah itu sudah siap tetapi belum perolehi CFO, tetapi bekalan elektrik, bekalan air boleh disambungkan. Ini memang telah dilakukan pada masa sekarang. Pada masa dahulu rumah yang telah siap tetapi tidak memperolehi CFO tidak boleh diberikan bekalan air dan bekalan api. Tetapi saya rasa mungkin dalam keadaan di mana banyak projek perumahan telah terbengkalai dan untuk membolehkan pembeli masuk rumah untuk mendiami, maka membenarkan walaupun CFO belum diperolehi, bekalan api, bekalan air boleh disampaikan.

Tetapi saya lihat ada sedikit masalah. Adakalanya apabila rumah itu sudah siap, tetapi ada beberapa syarat yang belum dipenuhi oleh pemaju maka CFO tidak dapat dikeluarkan oleh majlis daerah. Di samping itu, penghuni sudah masuk. Oleh kerana projek perumahan tidak disiapkan mengikut syarat-syarat yang ditentukan, maka banyak masalah seperti perparitan, longkang tersumbat, jalan dibina tidak mengikut spesifikasi dan sebagainya. Jadi, penghuni masuk akan buat banyak tuduhan, banyak masalah akan dibangkitkan. Jadi, ini memang berlaku di kawasan saya, dan saya berharap kementerian patutlah memikirkan cara bagaimana untuk memberi pertolongan kepada mereka yang terlibat. Itulah satu pandangan.

Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat, saya ingin sebutkan bahawa baru-baru ini Yang Berhormat Menteri juga sebut bahawa setiap hari mengalami kerugian RM1 juta ekoran kebakaran. Ini memang satu perkara yang serius. Apa yang ingin saya sebut hari ini ialah tentang pili bomba. Pili bomba itu biasanya kita pun tidak tahu siapa yang jaga pili bomba. Jadi, apabila sesuatu kebakaran berlaku dan pegawai bomba telah sampai, tetapi hendak gunakan pili bomba barulah sedar pili bomba itu tidak berfungsi atau tidak ada air. Jadi, ini merupakan satu masalah yang kerap kali berlaku. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada telah memberikan satu peraturan jabatan mana yang akan jaga atau periksa pili-pili bomba yang terdapat di majlis-majlis daerah, supaya apabila sampai masa kecemasan untuk menggunakan pili bomba itu pastikan pili bomba adalah berfungsi dengan baik. Jadi, itulah satu masalah.

Tuan Pengerusi, saya juga ada satu lagi masalah untuk disebut ialah tentang kekurangan tempat-tempat rekreasi. Pada masa sekarang ini banyak majlis-majlis daerah telah berkembang begitu pesat. Kita lihat tanah-tanah untuk rekreasi telah kurang, jadi ini memang satu masalah. Di samping itu juga, kita lihat banyak kelab-kelab golf telah diwujudkan, tetapi ini untuk sekumpulan orang sahaja,

bukan untuk orang biasa. Tetapi untuk orang biasa apa yang perlu ialah memberikan secukupnya kawasan-kawasan lapang untuk rekreasi. Jadi, inilah satu perkara yang perlu dilihat. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sembilan baru-baru ini mengumumkan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk membangunkan Taman Tasik atau Lake Garden di Seremban.

Jadi, ini satu keputusan yang bijak, sebab baru-baru ini ada orang sebut kerajaan akan membangunkan Taman Tasik ini, jadi ramai rakyat merasakan dukacita kerana kalau dibenarkan, dibiarkan, dimajukan, penduduk-penduduk di Seremban tidak ada tempat-tempat rekreasi lagi. Inilah satu perkara yang saya rasa perlu kementerian memberi perhatian untuk memastikan bahawa setiap kawasan mempunyai sekurang-kurangnya satu taman rekreasi untuk penduduk-penduduk setempat dengan menyediakan cukup kelengkapan dan sebagainya. Kalau kita lihat di taman-taman perumahan yang ada sekarang walaupun tempat ada disediakan tetapi alat-alat permainan kanak-kanak memang tidak begitu baik dan tidak diselenggarakan. Jadi, ini juga timbul banyak masalah.

Jadi, saya bercadang bahawa kerajaan juga memberi perhatian kepada perkara-perkara yang disebut oleh saya tadi dan berharap dengan langkah-langkah positif yang akan diambil oleh kementerian Yang Berhormat, saya rasa masalah-masalah yang saya sebutkan dapat diberikan perhatian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kubang Kerian.

**4.42 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020000, 030000 - Perancangan Pembangunan dan Perumahan. Baru-baru ini di atas kemerosotan ekonomi yang berlaku di Malaysia, kerajaan sendiri tidak dapat mengawal ataupun kurang dapat mengawal pembinaan rumah-rumah mewah, maka rumah-rumah mewah seperti kondominium, banglo dan sebagainya tidak dapat dijual kepada orang tempatan, lalu hendak dijual kepada orang luar. Levi ditarik RM100 000, orang luar boleh beli daripada 30% naik hingga 50% kuotanya. Saya ingin bertanya berapakah jumlah, kalau tidak dapat angka hari ini dapat lain kali, tetapi pegawai banyak saya yakin boleh dapat, berapakah jumlah rumah mewah yang dijangka akan dijual kepada orang luar selain daripada rakyat Malaysia, dan berapakah yang telah terjual, dan dasar ini dinaikkan 30% hingga 50% dan ditarik levi ini akan berjalan dasar ini sampai bila? Bolehkah saya tahu daripada warganegara mana dijangka yang terutama sekali akan membeli rumah-rumah mewah ini?

Saya harap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menjawabnya, dan bila mereka membeli rumah-rumah ini adakah mereka gunakan untuk sewa ataupun mereka duduk sendiri dengan membawa keluarga duduk di sini. Jadi, persoalan-persoalan ini saya harap Timbalan Menteri yang bijak bistari dapat menjawab dan tidaklah letakkan saya ini buta kerana saya bertanya berapa yang akan dijual, dan dasar ini sampai bila, warganegara mana dijangka yang akan memainkan peranan utama membeli rumah-rumah ini, dan adakah mereka beli untuk sewa ataupun mereka beli untuk datang duduk di sini?

Jadi, ini yang saya ingin tahu, sebab Dasar Perumahan Negara menentukan corak, politik, sepuluh, duapuluh atau tigapuluh tahun yang akan datang. Jadi, saya harap Timbalan Menteri dapat menjelaskan perkara ini sebab keruntuhan ekonomi ini membawa satu perkara iaitu kita membuka kuota untuk orang luar, sedangkan rakyat tempatan rumah masih tidak cukup, termasuklah orang-orang kaya daripada negara ini tidak mampu membeli rumah-rumah mewah, maka kita buka kepada orang luar, adakah ini dasar yang akan berpanjangan atau dasar sementara ataupun langkah-langkah yang diambil ini untuk apa?

Tuan Pengerusi, B.16 - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Baru-baru ini kerajaan atau pihak menteri umum RM2,000 akan diberi sugu hati kepada mereka yang terlibat dalam memadamkan kebakaran di Sumatera. Kebelakangan ini pula kita dengar seorang demi seorang masuk ke hospital sama ada mereka dijangkiti penyakit seperti sesak nafas, mata berair atau kulit pedih dan sengal-sengal tulang. Saya mencadangkan supaya 2,000 orang yang terlibat dalam kebakaran ini semuanya dihantar untuk check-up sepenuhnya, iaitu full medical check-up kepada mereka ini sebab kita lihat sudah berlaku kepada beberapa belas orang penyakit-penyakit ganjil yang menimpa pasukan bomba yang terlibat memadamkan kebakaran.

Dengan full check-up ini dapatlah kita kesan dan dapat mengetahui apakah yang menyebabkan mereka ditimpa penyakit yang saya sebutkan tadi, terutama sekali sesak nafas dan mata berair yang telah berlaku kepada anggota-anggota bomba kita yang terlibat dalam memadam kebakaran di Sumatera. Mereka yang ditimpa penyakit ini adakah memadai elaun RM2,000 yang diberikan itu memandangkan jasa mereka terlalu besar, bekerja untuk negara dan seluruh rakyat di rantau ini, kita beri elaun kepada mereka hanya RM2,000 terutama mereka yang mendapat sakit yang boleh membawa akibat yang berpanjangan.

Maksud B.15 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Sekarang ini kita lihat sudah menjadi satu trend baru, mana-mana bangunan yang siap, tandas-tandasnya kita lihat dikenakan bayaran. Apa salahnya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggalakkan supaya di pejabat itu kalau ada tempat-tempat perniagaan, syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan itu membiayai untuk membersihkan tandas. Misalnya, kalau kita pergi ke stesen bas Pudu, kita hendak buang air 20 sen. Kalau lima beranak sudah RM1. Kadang-kadang tidak ada wang siling untuk tukar, kita ada note RM50 dia tidak mahu terima, maka kita tidak boleh buang air, tidak boleh kencing di situ. Jadi, kalau ada enam-tujuh beranak naik bas RM1.20.

Syarikat bas itu banyak mengendalikan perjalanan dan mereka untung. Kenapa tidak disyaratkan syarikat-syarikat bas ini yang membiayai dan membersihkan jamban-jamban tersebut? Kenapa negara kita begitu galak, hendak buang air ini selalunya dia ambil duit, sedangkan tempat itu tempat yang cemas dan dikenakan wang dan selalunya dalam keadaan yang tidak bersih. Di bangunan-bangunan yang baru dibuka misalnya, kita lihat bangunan begitu indah, kita hendak masuk bilik air kena duit. Jadi, kita harap pihak yang menjalankan perniagaan di bangunan itu, kalau tempat bas - syarikat bas; kalau di stesen kereta api - Keretapi Tanah Melayu, kita harap tempat-tempat seperti ini tidak dikenakan bayaran dan syarikat-syarikat yang ada di bangunan itu bertanggungjawab membersihkan tandas-tandas yang ada di tempat mereka. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Mas.

**4.49 ptg.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.14 dalam Butiran 01508 khas untuk Kerajaan Negeri Sarawak di mana dalam tahun 1998 yang akan datang anggaran secara langsung yang diperuntukkan iaitu RM10,458,000 dan secara pinjaman RM64 juta.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian oleh kerana peruntukan yang begitu banyak khas untuk negeri Sarawak. Kalau dibandingkan mungkin negeri Sabah, ini satu penghargaan. Tetapi saya ingin bertanya di sini iaitu mengenai peruntukan ini dalam tahun yang akan datang sekiranya peruntukan ini hendak membantu kerajaan negeri untuk membina beberapa unit rumah kos rendah, saya ingin tahu atau minta penjelasan berapakah jumlah rumah kos rendah yang akan dirancangkan ataupun dibina di negeri Sarawak untuk tahun yang akan datang ataupun secara

keseluruhan target objektif untuk Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya ingin tahu di manakah lokasi-lokasi pembinaan rumah kos rendah. Oleh kerana negeri Sarawak besar sama besar dengan Semenanjung Malaysia, adakah ini ditumpukan hanya di ibu negeri seperti Kuching ataupun Sibu, Miri ataupun kita juga beri tumpuan kepada bandar-bandar yang kecil seperti Sarikei, Kapit, Marudi dan kawasan saya Limbang dan Lawas yang hujung sekali bahagian utara negeri Sarawak, kadang-kadang dilupakan.

Walaupun begitu, saya pernah berbincang ataupun berbicara mengenai masalah perumahan ataupun pembinaan perumahan kos rendah seperti yang selalu dikatakan oleh saudara rakan saya sebelah sana, dia memetik data-data daripada Laporan Ketua Audit Negara, kerana beliau juga dalam Public Accounts Committee, dengan izin. Kalau mengikut keputusan pencapaian pembinaan rumah kos rendah negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam, pencapaian hanya 35.56% dan saya minta penjelasan di sini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh berapakah target pencapaian untuk negeri Sarawak?

Saya juga difahamkan beberapa masalah yang dihadapi oleh kerana masalah seperti begini selalu dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat rakan daripada backbenchers. Saya pernah bangkitkan dahulu dalam Penggal Pertama dan saya rasa dalam Penggal Kedua juga. Pertama kali kita difahamkan sentiasa ada masalah antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri di mana apabila Kerajaan Persekutuan ingin memberi peruntukan kadangkala tapak tanah yang diberi oleh kerajaan negeri tidak sesuai. Kadang-kadang cara pengambilan, dengan izin, the acquisition of the land memakan masa dua-tiga tahun dari pihak kerajaan negeri. Saya mencadangkan di sini kepada Kerajaan Persekutuan ataupun kementerian harus ada satu dialog yang betul-betul dapat mengatasi masalah ini supaya di dalam memperuntukkan misal kata sebanyak RM64 juta untuk tahun akan datang, ia dapat disiapkan pada tahun yang akan datang juga. Kalau kita bandingkan pengambilan tanah memakan masa dua tahun, bermakna peruntukan untuk tahun 1998 akan datang langsung tidak dapat diberikan.

Yang kedua, kita selalu mendengar oleh kerana banyak projek perumahan kos rendah ini lewat disiapkan, kadangkala terbengkalai, oleh kerana para pemaju ataupun kontraktor-kontraktor yang telah diberikan tugas kontrak untuk pembinaan selepas dihadapi dengan masalah kos pembinaan lebih tinggi daripada kos kontrak itu, memang sebagai seorang business perkara seperti ini tidak diberi keutamaan. Itulah sebabnya kelewatan banyak projek. Perkara ini ditegurkan juga dalam Laporan Ketua Audit

Negara. Apakah kementerian bercadang, saya kadang-kadang tidak faham kalau mereka cakap untuk Sarawak RM32,000, untuk Semenanjung RM 25 000. Tetapi di Sarawak saya difahamkan oleh kementerian yang bertanggungjawab di sana RM25,000 ongkos itu tidak cukup untuk membina rumah kos rendah. Saya difahamkan kadang-kadang untuk membina rumah kos rendah bangunan sahaja dan dikirakan infrastruktur, piling dan lain-lain itu memakan lebih RM40,000. Sekarang ini difahamkan di Sarawak rumah kos rendah mungkin terpaksa dijual RM65,000 oleh kerana kos pembinaan itu sudah tinggi daripada kos kontrak.

Adakah kementerian bercadang membuat satu dialog secara realistik dan praktikal, sekiranya, dengan izin, ceiling rumah kos rendah di Semenanjung RM25,000 tidak dapat dicapai, tolong naiklah sampai RM40,000. Mungkin di Sabah dan Sarawak naik RM65,000. Saya rasa perkara ini kita boleh bincang dan kita boleh putuskan, jangan jadi satu masalah supaya apabila kontraktor menender kontrak untuk rumah kos rendah, agensi yang melaksanakan terpaksa memilih kontraktor yang lebih rendah. Itulah sebab banyak projek terbengkalai. Yang ketiga juga saya difahamkan untuk meluluskan program ataupun projek perumahan kos rendah, sistem approval, dengan izin, ataupun cara meluluskan projek ini serupa juga dengan projek-projek yang lain, projek yang mewah. Itulah sebabnya saya difahamkan mungkin di Sarawak sangat besar. Pernah berlaku kelulusan misal kata, planning approval, dengan izin, itu peringkat permulaan sampai makan masa 12 bulan. Itu belum lagi peringkat permulaan, planning approval 12 bulan, dan untuk meluluskan, dengan izin, engineering plan enam bulan dan meluluskan, dengan izin, building plan tiga sampai enam bulan. Bermakna sebelum kita menerima kelulusan untuk membina rumah kos rendah itu memakan masa dua tahun, kos sudah melambung. Itulah sebabnya banyak masalah seperti ini berlaku.

Saya pernah berhadapan dengan menteri yang bertanggungjawab, saya bincang apa kena kita tidak mengubah cara sistem yang istimewa khas untuk perumahan kos rendah, oleh kerana orang yang terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah ini kebanyakan orang yang baru bergiat dalam business ataupun kontrak orang yang sudah lama terlibat dalam business tidak mahu menceburi dalam bidang ini oleh kerana, dengan izin, the margin of profit is not there. Oleh sebab itu, saya ingin bertanya kepada kementerian oleh kerana kita ada kuasa dalam bidang tertentu bolehkah kita menubuhkan satu sistem, dengan izin, exclusive system, kelulusan khas untuk perumahan kos rendah.

Mengenai kelemahan dari segi penyeliaan, saya mendengar rakan saya daripada Serdang berucap tadi, bukan sahaja di Serdang, di Sarawak pun perkara ini berlaku harus diambil kira. Misal kata orang dari Kuching, pegawai sampai ke Lawas memakan masa satu hari perjalanan naik kapal terbang ke Miri, naik kapal terbang dari Miri ke Lawas. Dalam satu tahun tidak ada motivasi untuk pergi ke Lawas begitu susah. Di dalam perkara seperti begini untuk kita meningkatkan prestasi penyeliaan projek supaya tidak terbengkalai, supaya perumahan kos rendah ini tidak dibina mengikut secara sendiri, tidak mengikut peraturan-peraturan, kita harus kaji sistem penyeliaan ataupun agensi-agensi yang terlibat untuk menyelenggarakan projek ini. Saya berharap dapat menitikberatkan beri tempohan, kalau misal kata projek seperti perumahan kos rendah diambil kira, diberi keutamaan dan spesifik ataupun pegawai-pegawai yang spesifik diagihkan untuk melaksanakan projek ini.

Saya juga ingin....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Okay. Saya ingin juga menyebut P.16, Butiran 01100 dan 01101 - Balai Bomba, Bangunan, Kereta Bomba dan Kelengkapan khusus bagi negeri Sarawak. Saya di sini mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana dalam Penggal Pertama saya selalu bangkitkan mengenai hal balai bomba. Di kawasan saya sudah dibina, di Lawas sudah beroperasi, dan di Limbang, kawasan Bukit Mas sekarang ini mungkin siap dibina. Saya mengajak Timbalan Menteri atau orang yang penting dari Kuala Lumpur melawatlah kawasan saya. Kalau dapat rasmikan kita rasmikan supaya orang ramai penduduk di peringkat akar umbi dapat campur sama-sama dengan pucuk pimpinan menyatakan bahawa kita dalam Barisan Nasional yang betul bertanggungjawab membantu orang jauh dari kawasan saya.

Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya kepada kementerian di negeri Sarawak berjumlah 5,000 lebih rumah panjang dan kampung-kampung di kawasan persisiran dan juga jauh di hulu-hulu sungai. Mulai dari sekarang adakah kementerian bercadang ataupun merancang supaya membimbing penduduk-penduduk di kawasan tertentu, misal kata di kawasan saya pada masa yang lalu menimpa kebakaran sebuah, dengan izin, one long house. Kerosakan dianggarkan RM1.5 juta, langsung tidak ada kelengkapan untuk memadam api dan lain-lain itu dari segi membimbing anak-anak kampung di kawasan rumah panjang harus mulai daripada sekarang. Adakah rancangan kerajaan untuk membantu?

Saya berharap perkara ini dapat diberi keutamaan kerana di Sarawak banyak orang tinggal di kawasan rumah panjang.

Kalau satu rumah panjang bermakna kadang-kadang 100 lebih keluarga, bermakna 1,000 lebih orang. Sekiranya kebakaran berlaku, mereka tengok sahaja. Kadang-kadang kasihan juga. Mulai daripada sekarang kalau boleh kementerian cuba memberi satu perancangan untuk membimbing, mendidik dan juga memberi alat-alat pemadam api, dengan izin, fire extinguisher. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong semua perbelanjaan di dalamnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Balik Pulau.

### **5.03 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Pengerusi. Di bawah Maksud B.16 - Jabatan Bomba. Oleh sebab rakan saya dari Bukit Mas tadi pun menimbulkan masalah yang sama, saya ingin bertanya kepada kementerian yang mana di bawah peruntukan ini sejumlah RM200 juta lebih diperuntukkan. Apakah sebenarnya piawaian yang digunakan oleh kementerian khususnya Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk pembekalan perkhidmatan bomba, berapa ketumpatan penduduk, berapa unit kediaman ataupun luas kawasan kena ada satu perkhidmatan bomba yang bersaiz tertentu. Sudah tentu sehingga kini kementerian mempunyai piawaian yang digunakan. Berdasarkan piawaian yang digunakan ini saya juga ingin bertanya apakah pencapaian kementerian dalam memenuhi piawaian kementerian sendiri.

Maknanya, kalau sudah ada piawaian yang tertentu, sekian ketumpatan penduduk kena ada satu stesen yang sekian saiz, jadi apakah sekarang ini berapa peratus daripada objektif itu berdasarkan piawaian itu yang telah dicapai oleh kementerian. Kerana saya nampak misalnya dari segi pembekalan perkhidmatan bomba ini ada kesuntukan yang agak ketara juga, tetapi kita mungkin bernasib baik kerana usaha pendidikan kebakaran dan keselamatan mungkin baik, kebakaran tidak berlaku. Tetapi kalau kebakaran berlaku, maka kita akan berdepan dengan masalah yang cukup besar. Misalnya dalam seluruh kawasan perindustrian di Bayan Lepas tidak ada balai bomba langsung, ada 300 lebih kilang, keseluruhan kawasan itu diberi perkhidmatan oleh sebuah balai bomba yang mempunyai dua enjin, saya ingat di Jalan Tengah, di Sungai Ara. Itu juga yang meliputi kawasan Bayan Baru, sebuah bandar yang baru sehingga meliputi seluruh kawasan hampir di selatan Pulau Pinang itu sahaja stesennya. Kalau kita pergi ke sebelah Balik Pulau ada satu stesen tetapi kalau pergi di sebelah Teluk Bahang

keseluruhan daripada Teluk Bahang itu sampai ke Bagan Jermal baru ada satu stesen, terdapat berpuluh-puluh hotel yang mempunyai ribuan bilik, tetapi hanya diliputi oleh satu stesen. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian tentang piawaian dan pencapaian kementerian dalam memenuhi piawaian itu sendiri.

Tuan Pengerusi, yang berikut ialah Maksud B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini juga soalan yang pernah saya bangkitkan, tetapi tidak berapa jelas jawapan yang saya terima, iaitu tentang konsep kerajaan tempatan. Pada hari ini kita semua sedar bahawa kerajaan tempatan adalah merupakan kerajaan yang terdekat dengan rakyat. Pembekalan, perkhidmatan dan sebagainya yang menyentuh hidup harian rakyat adalah menyentuh dahulu dengan bidangkuasa kerajaan tempatan, bukan dengan Kerajaan Persekutuan. Kita meluluskan rang undang-undang di peringkat Dewan Rakyat di Parlimen ini yang memang menyentuh hidup mereka, tetapi tidak secara harian, misalnya sampah tidak kutip, lampu tidak ada semua ini adalah masalah kerajaan tempatan.

Pertama soalan di sini ialah tentang sekali lagi soal apakah dasar sebenarnya pembentukan kerajaan-kerajaan tempatan dalam negara kita ini. Baru-baru ini beberapa bulan yang lepas ada diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri satu Majlis Perbandaran akan diwujudkan, mungkin ada enam atau lapan kerajaan tempatan akan diwujudkan. Tidak jelas kepada kita apakah kriteria yang digunakan untuk kita membentuk sesuatu kerajaan tempatan sama ada majlis perbandaran atau majlis kerajaan tempatan dan sebagainya.

Mengenai perkara yang sama saya juga ingin kementerian menjelaskan dasar dari segi keahlian ataupun kepimpinan kerajaan tempatan ini. Dari segi politik, kerajaan tempatan sebenarnya sekarang ini YDP Majlis Kerajaan Tempatan bukan kesemuanya diketuai oleh mereka yang dipilih oleh rakyat. Kita telah bersetuju supaya keahlian Majlis Perbandaran ini dilantik dan bukannya dipilih macam kita ahli Dewan ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak kepada dia?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Yang Berhormat 10 minit sahaja, tidak ada time. Saya akan sentuhlah kalau ada isu Yang Berhormat sekali. Terima kasih.

Jadi, kita sudah bersetuju bahawa ahli Majlis Bandaran juga Majlis Kerajaan Tempatan adalah dilantik sebagai satu persetujuan politik. Tetapi pimpinan Majlis Kerajaan Tempatan, Yang di-Pertuanya sekarang ini Majlis Daerah kebanyakan Yang di-Pertuanya ialah Pegawai Daerah, setengah Majlis Bandaran ada yang dipegang oleh pegawai kerajaan dan yang tidak dipegang oleh pegawai kerajaan. Saya bersetuju misalnya bagi Majlis Bandaran, macam menteri besar, ketua menteri tidak payahlah jadi YDP, mereka sudah sibuk dalam bidang tugasnya mengetuai kerajaan negeri. Tetapi pada hakikatnya saya lebih cenderung kepada satu dasar yang mana kerajaan tempatan diketuai oleh seorang yang dilantik oleh rakyat walaupun bukan secara direct untuk YDP pemilihan, tetapi adalah dari kalangan wakil rakyat.

Tuan Pengerusi, kita lihat sekarang ini agak terhakis dalam institusi proses politik kita ini orang yang dilantik oleh rakyat macam kita dan orang lain, sebenarnya mempunyai kedudukan selain daripada ahli Kabinet di mana terpaksa diberi kehormatan oleh pelbagai pihak kerana mereka mempunyai kuasa. Tetapi badan legislative, mereka yang dilantik terus oleh rakyat menerusi politik berparti, kerja teruk hendak menang by-election dan sebagainya, sebenarnya tidak mempunyai tempat yang sewajarnya. Sepatutnya yang mengetuai kerajaan-kerajaan tempatan ini ialah terdiri daripada orang yang dilantik oleh rakyat daripada kawasan itu sendiri. Ini juga mungkin pendapat saya yang berikut ini bercanggah dengan kebanyakan pendapat yang lain.

Ini terkeluar sedikit, Tuan Pengerusi, sekarang ini ada orang kata hendak bubuh Mufti pun dalam Exco. Sekarang ini Pegawai Kewangan Negeri pun duduk dalam Exco. Setiausaha Kerajaan pun duduk dalam Exco. Pada saya, saya tidak setuju langsung Mufti duduk dalam Exco, saya tidak setuju Pegawai Kewangan Negeri duduk dalam Exco, saya tidak setuju Setiausaha Kerajaan Negeri pun jadi Exco, Legal Adviser pun kena jadi Exco. Mereka ini adalah bukan orang yang dilantik oleh rakyat. Kita adalah orang yang dilantik oleh rakyat dalam Kerajaan Persekutuan ini. Bagi peringkat kerajaan negeri ada ahli-ahli Dewan Undangan Negerinya. Bagi pihak kerajaan tempatan kita sudah ada persetujuan dari segi politiknya kita tidak ada lagi seperti dahulu, saya ingat sebelum tahun 1974 di mana kita lantik terus pilihan raya Majlis Bandaran sedemikian rupa.

Tetapi yang mengetuai kerajaan tempatan ini hendaklah terdiri daripada orang yang dilantik oleh rakyat secara terus. Memang saya tidak setuju kalau sekarang ini saya pun berasa macam pening selaku ahli Parlimen misalnya di mana dalam negeri ada seorang pegawai kerajaan mempunyai

kedudukan protokol yang lebih tinggi daripada saya dalam kapasiti dia sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Jadi, ini satu perkara yang tidak berapa betullah.

Mengenai perumahan, Tuan Pengerusi....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Bagan bangun pula.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Cepat Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minta pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau berkenaan dengan YDP di sesebuah kerajaan tempatan, misalnya di Pulau Pinang dipegang oleh Parti Gerakan dan di sebelah tanah besar MPSP dipegang oleh seorang ADUN dari Parti UMNO. Dalam mentadbirkan kuasa sesebuah kerajaan tempatan, mungkin YDP dari parti-parti yang berkenaan memihak kepada sesebuah parti. Misalnya di sebelah Barisan mereka dapat kerjasama dari Parti Barisan Nasional tetapi di sebelah sini, misalnya saya pergi jumpa dia dan ingin mengatur satu dialog atau satu perbincangan dengan beliau dan rakyat, beliau enggan melayan. Bukankah ini satu kerugian kepada rakyat?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Yang Berhormat. Di Pulau Pinang kita buat betul. Kita ada dua kerajaan tempatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Di Pulau Pinang betul, YDPnya adalah terdiri daripada orang politik, itu saya setuju dengan apa yang dilakukan di Pulau Pinang. Cuma di Pulau Pinang yang saya tidak berapa setuju banyak kali saya timbul ialah saya cadangkan dari dahulu lagi supaya dipecahkan kerajaan tempatan ini kepada bilangan yang lebih daripada sekarang. Sekarang ini kita ada dua kerajaan tempatan yang meliputi lima daerah pentadbiran. Jadi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab pun boleh juga, kenapakah sampai hari ini di Pulau Pinang masih ada cuma dua kerajaan tempatan dan bukan sekurang-kurangnya lima seperti yang ada daerah pentadbiran. Walaupun saya tahu bukanlah itu satu garis panduan, maknanya satu daerah kena ada satu kerajaan tempatan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. *[Ketawa]*

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Satu minit, Tuan Pengerusi. Akhirnya, saya hendak tanya satu tentang perumahan. Kita semua bercakap tentang rumah murah begitu banyak dan semua orang kata kerajaan negeri hendak buat rumah murah sekarang ini, semua orang hendak buat rumah murah. Saya tengok angka dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bilangan rumah murah yang hendak dibina ini

adalah begitu banyak. Saya ingin bertanya adakah begitu banyak sekali permintaan terhadap rumah murah ini? Kalau beberapa ratus 000 rumah murah yang hendak dibuat, ini menunjukkan kalau kita kali 4, kalau 100,000 rumah murah, maknanya ada hampir setengah juta orang di Malaysia ini yang pendapatannya layak memiliki rumah kos rendah, kalau di Pulau Pinang di bawah RM1,500. Maknanya takkan begitu daif sekali sejak beberapa tahun ini kalau permintaan ke atas rumah murah itu begitu tinggi, maknanya timbul pula masalah selama ini keagihan pendapatan tidak berapa hendak betul pula. Jadi, saya ingin penjelasan daripada kerajaan tentang apakah sebenarnya permintaan untuk rumah murah ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tuan.

#### **5.15 ptg.**

**Tuan Yunuf Edward Marinking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahas pertama sekali Maksud P.14, khusus kepada Butiran 01509 dan 01512. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian mengapakah peruntukan untuk Kerajaan Negeri Sabah RM40,230,000 yang telah disediakan, tetapi tidak ada perbelanjaan yang telah digunakan daripada tahun 1995 dan juga tahun-tahun yang seterusnya dan tahun hadapan juga tidak ada. Adakah ini membayangkan satu kegagalan pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk memohon peruntukan ini ataupun pihak kementerian tidak mengendahkan langsung permohonan peruntukan ini?

Yang keduanya ialah mengenai peruntukan untuk Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Negeri Sabah di mana peruntukan yang begitu besar ada, iaitu RM413,450,000. Tetapi untuk tahun depan peruntukan untuk perbelanjaan langsung hanya RM2 juta, dan untuk syarat-syarat pinjaman ialah RM2,040,100. Saya ingin mengingatkan kepada kementerian bahawa semasa pilihan raya umum negeri Sabah 1994 pihak Barisan Nasional telah menjanjikan sebuah rumah untuk setiap rakyat di negeri Sabah. Tetapi mengikut laporan Ketua Audit Negara setakat Disember tahun lalu hanya 760 buah sahaja yang telah disiapkan mungkin untuk kos rendah. Jadi, apakah masalah sebenarnya yang membantutkan penggunaan wang sebanyak itu, iaitu satu peruntukan yang begitu besar.

Saya minta penjelasan sama ada ini adalah menunjukkan kelemahan pihak Kerajaan Negeri Sabah ataupun kementerian tidak memberi layanan langsung kepada Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah ini. Kalau ada masalah di antara pihak kementerian dan Kerajaan Negeri Sabah saya

mintalah supaya jangan rakyat negeri Sabah dijadikan mangsa atas pertelingkahan jika ada. Kalau tidak ada pertelingkahan, ini semata-mata kegagalan pihak kementerian, saya mohon supaya penggunaan wang ini untuk maksud Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar ini disalurkan kepada lain-lain agensi seperti saya difahamkan di mana Chinese Chamber of Commerce dan juga Dewan Perniagaan Kaum Bumiputera dan juga Kadazan Chamber of Commerce supaya diberikan kemudahan untuk membina rumah dengan menggunakan dana yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Kalau pihak kerajaan negeri tidak mahu memohon, saya mencadangkan supaya peruntukan ini terus digunakan ataupun disalurkan kepada agensi-agensi yang saya telah katakan tadi, oleh kerana mereka telah dilantik untuk membina lebih kurang 20,000 buah rumah. Tetapi saya difahamkan agensi-agensi ataupun institusi-institusi berkenaan menghadapi berbagai-bagai masalah.

Saya fikir Kerajaan Barisan Nasional negeri Sabah tidak begitu serius untuk mengatasi masalah perumahan di negeri Sabah ini. Yang janji sebuah rumah untuk setiap rakyat itu saya fikir itu memang jelas janji politik, tetapi sekurang-kurangnya cubalah ambil inisiatif untuk mengatasi masalah rakyat. Malangnya di negeri Sabah ini bukan sahaja mereka gagal untuk menggunakan peruntukan yang ada, tetapi rakyat dijadikan mangsa tamakan ataupun nafsu yang diamalkan oleh beberapa pemimpin di mana rakyat yang tidak ada rumah dihalau ataupun diusir daripada tanah-tanah yang mereka telah duduki secara NCR dan juga tanah yang mereka miliki diambil dan dijual kepada orang untuk dijual balik, atau dibangunkan dan dijual balik dengan harga yang begitu mahal. Saya fikir dasar ini perlu dikawal selia oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi ialah mengenai harga rumah kos rendah. Di Sabah pada saat ini ceiling ataupun harga maksimum ialah RM32 000. Tetapi memandangkan kos untuk membina rumah dan juga membeli tanah untuk tapak rumah sudah melambung tinggi, maka saya mohon supaya satu kajian menyeluruh dibuat sama ada ada keperluan untuk menaikkan harga jualan ataupun ceiling untuk rumah kos rendah ini. Oleh kerana saya berpendapat antara sebab di mana pihak pemaju tidak cenderung untuk membina rumah kos rendah ialah daripada realiti di mana tidak ada keuntungan. Maka mustahillah juga kita mengharapkan charity semata-mata daripada pihak pemaju. Saya rasa itu satu expectation, dengan izin, yang tidak realistik. Maka pihak kerajaan terutama pihak kementerian haruslah membuat satu dasar baru untuk mengkaji harga rumah kos rendah ini, dan di samping ini juga

untuk mengkaji tentang design rumah itu supaya jangan hanya dua bilik sahaja. Ini menjadi masalah yang besar untuk keluarga yang besar bilangannya. Jadi, saya harap pihak kementerian akan mengambil kira perkara ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah mengenai B.16 iaitu tentang Bomba. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian tentang kelewatan pembinaan beberapa balai bomba di negeri Sabah di mana sudah begitu lama tergendala. Saya minta pihak kementerian menyelidiki sebab-sebab mengapa pembangunan ataupun pembinaan beberapa buah bangunan bomba itu lambat siap. Saya harap satu bangunan atau balai bomba di kawasan saya di Tuaran dipercepatkan pembinaannya oleh kerana ia amat penting untuk mengawal kebakaran. Memandangkan pada masa ini pihak bomba terpaksa datang daripada Kota Kinabalu, sudahlah begitu jauh dihalang pula oleh kesesakan lalu lintas, maka pihak bomba tidaklah boleh dipersalahkan jika kecekapan mereka itu tergendala oleh kerana keadaan yang sedemikian. Apa yang saya inginkan ialah pihak kementerian berunding dengan pihak kontraktor apakah yang menyebabkan kelewatan itu. Demikian juga di lain-lain tempat di negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah tentang pembersihan bandar atau pengindahan bandar. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kerajaan memberi peruntukan untuk Kerajaan Negeri Sabah untuk maksud ini, oleh kerana di negeri Sabah khususnya di Kota Kinabalu walaupun pada awal-awal kononnya Kota Kinabalu akan dijadikan bandar raya. Tetapi telah gagal untuk diberikan status atas beberapa sebab dan sekali gus pula bandar itu bertambah kotor, tidak dibersihkan dan juga rumput di sepanjang jalan raya amat memalukan. Misalnya kalau datang daripada Lapangan Terbang Kota Kinabalu sampailah ke kawasan saya di Tuaran, rumput begitu panjang tidak dipotong. Jalan raya sepanjang itu adalah satu jalan raya di mana para pelancong melalui setiap hari, dan ini boleh memberi gambaran yang amat buruk sekali bukan sahaja kepada Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah, tetapi kepada Kerajaan Malaysia yang tidak seharusnya berlaku.

Jadi, saya mintalah supaya pihak kementerian akan membuat kajian kenapa perkara ini boleh dibiarkan begitu sahaja. Saya difahamkan bahawa antara sebabnya ialah pihak Kerajaan Negeri Sabah tidak mempunyai wang dan justeru itu, kakitangan badan-badan berkanun kerajaan tempatan belum pun dibayar elaun ataupun kenaikan elaun, apa lagi bonus.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya akan gulung. Jadi, inilah masalahnya, Tuan Pengerusi. Saya harap pihak kementerian akan mengambil tindakan untuk membetulkan semua keadaan yang saya telah timbulkan tadi, khususnya untuk melaksanakan peruntukan sebanyak RM413,450,000 untuk LTKB. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya masih terdapat ramai lagi yang berminat hendak berbahas. Tetapi kalau tidak silap saya kita pun tidak cukup masa. Saya mungkin tidak dapat memberi peluang kepada semua, melainkan seorang-dua sebelum Timbalan Menteri diminta jawab. Kangar.

**5.28 ptg.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya dengar rakan saya dari Kubang Kerian mengesyorkan supaya 2,000 pegawai bomba yang berkhidmat di luar negara diminta supaya dikenakan full medical check-up, dengan izin. Tetapi sehubungan dengan itu, saya rasa saya dari Barisan Nasional lebih prihatin bahawa saya minta dengan isteri mereka sekali. Kemungkinan kalau ada penyakit berjangkit mungkin isterinya yang berjangkit dahulu.

Di samping itu juga, saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kalau ditinjau pada pendapat dari Kota Melaka bahawa kerajaan gagal untuk menyediakan rumah kos rendah dan minta supaya diadakan satu kertas putih. Bagi saya kertas putih tidak menyelesaikan masalah, cuma ini merupakan satu wisdom without answers, dengan izin. Sehubungan dengan itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah usaha yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini untuk meminta kerjasama daripada badan-badan kewangan bagi memudahkan pinjaman kewangan untuk perumahan ini kepada golongan yang berpendapatan rendah. Saya rasa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan cukup prihatin dengan rakyat, dan Yang Berhormat Menteri berkenaan telah pun saya tengok dalam akhbar-akhbar, dalam berita, berkali-kali tidak jemu-jemu berusaha untuk membantu dalam kes ini.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu sukacita sekali lagi saya sentuh tentang 01500 - Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Dalam Rancangan

Malaysia Ketujuh kerajaan bercadang untuk menyediakan kira-kira 800,000 unit rumah di mana 29.4% adalah rumah kos rendah. Kalau ditinjau pada pendapat daripada Ketua Audit Negara, kos pembinaannya adalah tinggi. Ini berasaskan kepada pendekatan pembinaan secara konvensional, secara lama.

Sehubungan dengan itu, kalau kita melihat apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita yakin boleh kepada rekacita kita, teknologi kita, mungkin ada pihak-pihak yang tertentu telah pun bersedia dengan R&Dnya untuk mencuba teknik baru, misalnya teknik dari segi a prefabricated ataupun yang ada acuan dan pasang siap yang tidak memerlukan modal yang banyak dan kita sepertimana yang disebut oleh rakan saya tadi, bahawa dalam membina rumah kos rendah ini, misalnya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas tadi menyebut bahawa margin keuntungannya tidak banyak - nipis, tetapi mestilah kita bergerak melalui volume sebagai satu galakan kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk melibatkan diri dalam rancangan penswastan rumah kos rendah ini di mana hari ini, kita dapati banyak bandar-bandar baru dibuka, dalam kerajaan kita berusaha untuk memberi perlindungan, memberi tempat berlindung, memberi rumah kepada golongan berpendapatan rendah ini, saya berharap pihak kerajaan dapat mewajibkan di mana ada rancangan bandar-bandar baru mewajibkan sebahagian daripadanya mestilah ada rumah kos rendah dan rumah kos rendah ini mestilah disediakan dahulu sebelum disediakan rumah-rumah yang mewah ataupun bangunan-bangunan untuk tujuan perdagangan. Kalau tidak dibuat begini, bererti rumah

kos rendah ini akan terbengkalai tidak disiapkan kerana ini tidak memberi keuntungan yang banyak. Jadi, kalaulah disiapkan rumah kos rendah ini terlebih awal dan dengan syarat kalau tanpa disiapkan rumah kos rendah ini, CF untuk bangunan-bangunan perdagangan, perniagaan dan rumah-rumah kos mewah ditahan.

Ini saya yakin dapat membantukan kerajaan dalam memberi bantuan, memberi kemudahan, keselesaan kepada rakyat dan rumah-rumah ini pula sepertimana tadi Ahli Yang Berhormat dari Tuaran ada menyebutkan bahawa diminta supaya mengadakan rumah yang bukan dua bilik. Saya yakin sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah jelaskan kepada saya bahawa kerajaan berhasrat untuk mengadakan rumah tiga bilik, satu untuk ibu bapa, satu untuk anak lelaki dan satu untuk anak perempuan.

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan, kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang ambil kira perkara begini, mendahului daripada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran. Jadi, tahniah kepada kementerian.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga, oleh kerana rumah ini rumah kos rendah, janganlah kita pandang ringan dari segi tempat, dari segi kemudahan yang mungkin kita sediakan tidak begitu baik kerana ada kes-kes misalnya dari segi kemudahan perparitan yang tidak begitu selesa misalnya saya hendak sebut di dalam kes di dalam kawasan saya pun ada rumah kos rendah, misalnya di

Taman Gasing, Jejawi dalam kawasan Parlimen Kangar, selalu banjir dan kes ini telah kita bangkitkan berkali-kali dan tidak selesai sampai hari ini.

Dan rumah kos rendah ini, oleh kerana permintaan yang banyak, kalau dibuat cara pendekatan lama rumah satu lapis memanglah kita dapati saya rasa kerajaan sendiri pun tidak mampu untuk membantu rakyat melainkan dengan syarat bahawa kita galakkan supaya penduduk-penduduk di bandar-bandar kecil hari ini pun ubah tabiat mencari tempat tinggal bukan sahaja di rumah satu lapis kepada rumah berlapis. Misalnya, kalau di tempat saya didapati tidak ada rumah kos rendah yang telah pun siap yang dihuni oleh penghuni yang dua tingkat, cuma baru-baru ini sahaja, kita dapat ada satu tempat di Kuala Perlis yang kita cuba buat lima tingkat kalau tidak silap saya di mana Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri telah pun melawat ke kawasan ini. Dan rumah kos rendah ini kadang-kadang menjadi mahal kerana kontraktor yang kita beri itu di sub kepada kontraktor yang lain, kemudian sub projek itu dia sub lagi kepada kontraktor lain pula, yang kadang-kadang kita dapati perkara yang semacam inilah yang kadang-kadang kualiti rumah itu menjadi rendah dan kita dapati tidak disiapkan mengikut jadual.

Jadi, perkara inilah yang saya minta supaya diambil kira oleh kementerian dan saya minta juga pernah saya bersuara supaya kerajaan melalui kementerian ini sekali lagi mempertimbangkan supaya cukai jualan, bahan-bahan binaan untuk program rumah kos rendah ini kalau boleh dipertimbangkan dan dikecualikan supaya ini dapat meringankan pembeli-

pembeli rumah kos rendah kerana mereka ini merupakan golongan yang berpendapatan rendah.

Dari segi penggunaan teknologi baru, yang kita rasa hari ini kita dapati pengusaha-pengusaha rumah kos rendah ini yakin dengan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, misalnya sistem prefabricated ini patutlah kerajaan memberi pertimbangan, memberi perangsang apakah perkara yang boleh menggalakkan supaya teknologi ini luas digunakan supaya kita dapat meringankan terutama sekali dari segi kos binaan rumah-rumah itu sendiri.

Tuan Pengerusi, jadi, dengan itu, sekian pandangan dan sokongan saya. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab, saya izinkan seorang lagi. Gelang Patah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, dari pihak DAP belum ada seorang yang berucap lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah. Yang Berhormat, ini pun Yang Berhormat hendak mempertikaikan, buat apa? Yang Berhormat, lagi pun, saya rasa peluang yang cukup telah pun diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan ini pun saya memberi kelonggaran sedikit. Walaupun mengikut

Jadual yang saya terima di sini sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, kerana parti DAP sebagai parti pembangkang yang paling besar, tiada seorang Ahli yang hadir pada hari ini pun yang berucap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini saya rasa tidak timbul, sebab yang saya beri peluang itu biasanya tertakluk kepada blok, blok demi blok saya beri. Saya tak kisah kepartian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi blok ini belum diberi lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, ini tak patut macam ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini saya rasa kalau ada [*pembesar suara dimatikan*] ....tak ada masalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini tidak ada tawar-menawar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan tawar-menawar, ini keadilan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini keputusan muktamad. Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, sila berucap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini keadilan! Tuan Pengerusi, macam mana ini?

**5.36 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, kerana memberikan

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya dapat panduan. Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Point of order yang ke berapa? Sila sebutkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order 66(9). Saya hendak mendapat panduan. Kalau begitu adakah kita kena usulkan setiap kali supaya kita ada peluang berucap, kita kena usulkan potong gaji RM10 kepada semua kementerian. Ini bukan tujuan saya rasa pihak kami. *[pembesar suara dimatikan]*

Saya belum habis lagi! Yang mana dari segi untuk memberikan ucapan berlainan dengan Usul potong gaji. Ini tidak ada kaitan dengan prestasi ... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini ialah mengenai dengan kementerian.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, point of order 43.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah Yang Berhormat.

Yang Berhormat, itu terpulang kepada kerusi, bukan Ahli Yang Berhormat hendak ambil kesempatan ini untuk buka dan saya takkan izinkan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hanya hendak minta peluang untuk berucap sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup, cukup! Saya akan buat keputusan kepada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berdua. 66(9) itu saya rasa itu tak tepat. Sebab apa yang dihujahkan itu tak bersangkutan-paut dengan 66(9) dan lagi pun ini keputusan kerusi. Dan Ahli Yang Berhormat dari Mentakab tadi membangkitkan 43. Itu memang keputusan muktamad kerusi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah sebagai seorang Ahli Parlimen, saya menunjukkan bantahan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Terpulanglah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana saya rasa ini dari segi peluang yang diberikan kepada semua Ahli Parlimen di mana ada berlaku bila parti DAP tidak ada peluang untuk berucap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, DAPkah atau tidak DAPkah, itu tak timbul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu dari segi kepartian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Mana ada keadilan di sini?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tetap berdegil-degil, saya terpaksa bertindak!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini terpulang kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Seorang Ahli:** Halau dia keluar!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, sila berucap.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin menegaskan hak saya, kalau ...*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Chang See Ten:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud B.14 tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya bukan membantah atas tentang hak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Nanti dahulu!

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya tetap bertindak sepertimana yang saya cakap tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya bukan membantah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu. Saya belum memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat. Jangan ambil kesempatan. Ya, tadi ada yang bangun. Ya, Kuala Pilah.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, ini jelas sekali bahawa tadi salah seorang telah membangkitkan point of order 43, maknanya keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamad. Dan kalau sekiranya berdegil-degil juga, kita kenakan 44(1).

Tuan Pengerusi, 44(1) dan 44(2) dan tetap berdegil juga, halau dia daripada Dewan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau Peraturan Mesyuarat Ahli Yang Berhormat hendak bangkitkan, saya beri. Tetapi kalau hendak berhujah, saya rasa tak payah.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, tidak! Saya bangkitkan daripada segi Peraturan Mesyuarat 43.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Maknanya keputusan Tuan Pengerusi muktamad. Dan kalau dia berdegil juga gunakan 44(1) dan (2).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sudah cakap tadi dah, Yang Berhormat. Ya, dia tetap hendak bangkitkan sesuatu ya. Nanti dahulu! Sila cakap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Peraturan Mesyuarat yang sama iaitu Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Dia ini dendam

sangat, dia hendak halau saya keluar. Saya sudah tahu telah lamalah, dia simpan dalam hati. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat. Yang ke berapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang sama iaitu 43.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** 44(1).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** 40?

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa hendak lagi? Duduklah! Saya bangkitkan point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. 43 itu saya hendak ingatkan Ahli Yang Berhormat berdua, 43 itu sebenarnya itu cukup jelas iaitu keputusan kerusi adalah muktamad.

Yang Berhormat, kalaulah sudah sedar apa lagi yang hendak dibangkitkan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, bolehkah saya baca Peraturan ini?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jangan buang masa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau takut buang masa, balik Yanlah. Apa ini?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina][Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ucap apa ini?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Satu demi satu. Saya akan layan. Tetapi tertib!

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu! Dia bangun dahulu Yang Berhormat. Ya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Apa dia?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, kalau kita baca Peraturan Mesyuarat 43: "*Tuan Yang di-Pertua, dalam Majlis Mesyaurat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau jawatankuasa diendahkan dan keputusan yang berkenaan dengan apa-apa perkara Peraturan Mesyuarat tidak boleh diminta timbangkan semula dan tidak boleh diulangkaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan Usul tersendiri kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu lebih daripada dua hari terlebih dahulu.*"

Tuan Pengerusi,

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, bolehkah saya ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya rasa ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum habis lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan setiap kali itu cakap saya belum habis lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, kerana Tuan Pengerusi ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebab Ahli Yang Berhormat bangkitkan itu sudah sebut, saya sebagai Tuan Pengerusi, saya tetap akan buat keputusan bersabit dengannya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk mengeluarkan apa-apa Usul tersendiri. Apa yang saya ingin hendak tegaskan ialah saya tahu tentang kesekatan masa yang memaksa Tuan Pengerusi berbuat demikian. Tetapi saya hanya ingin menyuarakan perasaan daripada pihak parti kita di mana tidak ada seorang pun berucap. Saya rasa ini tidak boleh dibenarkan. Dan daripada segi prinsip *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya faham, mengapa Tuan Pengerusi buat demikian. Tetapi dari segi *...[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu! Cukuplah! Ini keterlaluanlah. Yang Berhormat yang lain, walaupun cakap tanpa bangun, tetapi saya suka hendak ingatkan kata-kata yang tidak begitu senonoh jangan disuarakan dengan sewenang-wenangnya. Walaupun saya faham, tetapi saya rasa itu tak setimpal dengan kedudukan kita di sini.

**Seorang Ahli:** Ya, betul!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dan Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya minta Ahli Yang Berhormat dari Yan menarik balik perkataan lucu 'four letter word' dalam bahasa Hokkien ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya minta dia tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya akan menanganinya. Tetapi sebelum itu, saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu 43 itu sebenarnya itu memang sejajar dengan apa yang saya putuskan tadi. Ahli Yang Berhormat jangan cuba hendak menyimpang dari apa yang saya putuskan, cakap hendak buat Usul dan sebagainya, itu saya rasa tidak timbul langsung.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya tidak cakap saya akan buat Usul.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak!

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Yan, saya rasa apa yang saya cakap itu cukup jelas dan janganlah gunakan perkataan ataupun ungkapan sedemikian. Yang Berhormat tarik balik sahaja.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma depa kurang ajar Tuan Pengerusi . Kita kena 'ajar' depa sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau saya silap, saya tarik balik. Terima kasih.  
*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah. *[Tepuk]* Perasaan itu saya faham. Tetapi Yang Berhormat kenalah adil juga. Sebab, Yang Berhormat, saya tak nampak Yang Berhormat tadi, sebelum saya masuk, perkara ini ditimbulkan. Kenapa bila saya hendak beri kelonggaran sedikit, bila saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya bersiap sedia untuk menjawab, barulah Yang Berhormat cuba hendak bangkitkan sesuatu? Yang Berhormat, ini keterlaluan namanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, bukan. Apa keterlaluan. Tuan Pengerusi, kerana saya menghormati ..*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah!

**Tuan Lim Guan Eng:** ....tentang perkara itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat. Itu diambil

...

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa Ahli Yang Berhormat dari Yan boleh ....  
kerana ...*[Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hai, kawan!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya sudah tarik, apa mahu  
lagi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yan, sabar!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hai, jangan main-main lo!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat Yan!  
Cukup!

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Perkataan lucah ..*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat! Tenang  
dan tertib! Saya rasa Yan sudah tarik balik. Walaupun perasaan itu  
kadang-kala timbul, tetapi saya rasa patutlah kita mengawal, kita tahu macam  
mana membawa diri dengan seelok mungkin.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi , ....*[Pembesar suara  
dimatikan]* ..saya ingin tahu tentang perkataan ....*[Pembesar suara dimatikan]*  
Ini bukan kali pertama yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan.  
*[Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat. Nanti dahulu Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, saya hendak ambil apa yang disarankan tadi itu, Peraturan Mesyuarat 44, kalau Ahli Yang Berhormat tetap berdegil-degil. Saya sudah beri peluang dan perasaan Yang Berhormat tetap diambil perhatian. Cukuplah Yang Berhormat dan lagi pun apa yang dilafazkan itu telah ditarik balik. Apa hendak lagi?

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah! Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya, masa sudah dibuang oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya harap cara ini beliau akan tukar jangan selalu suka membazirkan masa kita.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, yang ke berapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** 36(1). Mana ada kaitan? Ini butiran apa? Ini tidak ada butiran. Ini cakap buang masa sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Chang See Ten:** Saya hendak teruskan. Saya tidak memberikan kebenaran. Saya ingin menyentuh Maksud B. 14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini kena belajar sedikit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Walaupun 36(1) itu dibangkitkan ya, dan saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah telah balik kepada tajuk, sebenarnya dia ini pun sepintas lalu Yang Berhormat. Tetapi, Yang Berhormat, janganlah membiarkan perasaan itu kadangkala merosakkan, tahu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, sepintas lalu, Ahli Yang Berhormat pernah cakap pun tak boleh. So, itu saya pun ikut apa yang disebut oleh kerusi lepas.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang bahawa hingga masa sekarang sudah lepas 13 tahun sejak Seksyen 102(S) Akta Kerjaan Tempatan, Akta 171 dipinda masih ada 70 pihak berkuasa tempatan masih belum menerima pakai pindaan 102(S) itu, yang mana pihak berkuasa tempatan oleh kerana tidak meminda undang-undang kecil yang berkenaan tentang pindaan itu telah mengambil tindakan untuk mengeluarkan lesen-lesen

premis kepada perniagaan (trade) yang tidak perlu dilesenkan dan ini sudah menyebabkan ada hal double licensing.

Misalnya, seperti lesen money changer, memang pihak berkuasa yang boleh memberikan lesen money changer adalah di bawah Kementerian Kewangan bukan pihak berkuasa tempatan dan saya dapati bahawa pihak berkuasa tempatan masih mengeluarkan lesen. Ini adalah satu misalan sahaja.

Oleh yang demikian, sejak arahan dikeluarkan pada Disember 1984 hingga masa sekarang sudah dekat 13 tahun saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil tindakan yang lebih proaktif supaya dapat bekerjasama daripada pihak kerajaan negeri untuk memberikan perintah kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang masih belum menerima pakai pindaan Seksyen 102(S) Akta Kerajaan Tempatan 171 itu.

Di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk ...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Tetapi di sini Yang Berhormat, saya minta sedikit penjelasan. Perkataan yang saya katakan tadi Yang Berhormat, adalah perkataan yang bukan perkataan lucu. Ini hendak membetulkan balik. Jadi, Tuan Pengerusi pun faham bahasa Hokkien ini sebenarnya, 'kueh lang' itu orang yang otak tak betul. *[Ketawa]* Macam itu

sahaja, saya hendak perbetulkan yang itu sahaja. Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pandangan saya? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dak, saya hendak kena perbetulkan, Datuk Paduka, Dato' *[Ketawa]* supaya benda ini jangan dicelarkan. Jadi ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya pun tak gunakan perkataan bahasa lucu dan sebagainya. Saya cuma kata itu kurang senonoh.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dak, fasal DAP dia kata macam itu, jadi, saya berasa tak seronoklah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang penting itu keputusan kerusi. Bukan yang lain!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dak, hendak perbetulkan. Depa otak tak berapa betul Tuan Pengerusi, itulah saya khaba' itu, hendak perbetulkan. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, ini Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan Mesyuarat 36(4).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Bahasa biadap. Kalau dia menafikan ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini dirujuk kepada siapa ini?

**Tuan Lim Hock Seng:** Kepada buat satu ruling terhadap Ahli Yang Berhormat dari Yan. Ya, dia kata bukan lucah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan lucah, sila panggil dia ulang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat, saya rasa sepatutnya bila Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah berucap, kenalah dirujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah. Bukannya kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan. Dan lagi pun ini sudah berlalu, saya sudah buat keputusan.

**Tuan Chang See Ten:** Okay. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa saya telah terima jawapan secara mulut pada 21 Ogos 1995 bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyatakan dalam jawapan bahawa pihak berkuasa tempatan yang mengenakan sebarang lesen premis bagi aktiviti-aktiviti perdagangan dan

perniagaan selain daripada yang memudaratkan dan yang boleh menyebabkan kacau ganggu selepas pindaan Seksyen 102(S) Akta 171 itu seperti yang dikatakan, maka tindakan tersebut adalah salah dari segi undang-undang.

Jika salah dari segi undang-undang, saya harap arahan mesti dikeluarkan dengan serta merta supaya semua pihak berkuasa tempatan walaupun pindaan undang-undang kecil mereka belum dipinda, mesti berhenti daripada mengeluarkan lesen-lesen premis yang tidak patut dilesenkan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, ada pihak berkuasa tempatan mengeluarkan lebih dua lesen kepada satu premis, seperti kedai tayar yang mana kedai tayar itu menjual tayar dan memasang tayar, tetapi selain daripada mengeluarkan lesen kedai tayar, pihak berkuasa tempatan pun meminta pihak peniaga memohon lesen menjual bateri dan lesen menjual dan memasang tayar atau membuat alignment. Dan ini sudah kira disatu premis dikeluarkan beberapa lesen premis. Ada kes di mana tiga lesen premis dikeluarkan dan ini tidak patut dan adil dan saya harap garis panduan perlu dikeluarkan dan satu misalan lagi ialah seperti sebuah kedai menjual motosikal. Dia ada juga menjalankan kerja-kerja servis. Kalau menjual motosikal menggunakan ruang yang lebih dan hasil perniagaan juga lebih maka ini diiktiraf ianya sebagai major trade. Oleh itu, lesen hendaklah dikeluarkan atas perniagaan menjual motosikal untuk keseluruhan premis iaitu termasuk tempat yang digunakan untuk servis. Oleh yang demikian, tidak patut kedai motosikal dikeluarkan

lesen menjual motosikal dan diberikan atau dikenakan lesen untuk membaiki motosikal lagi.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya dapati bahawa oleh kerana pihak berkuasa tempatan menghadapi masalah kekurangan pegawai-pegawai yang profesional dan ini sudah mengakibatkan servis atau perkhidmatan di pihak berkuasa tempatan kurang berkesan dan oleh yang demikian, ada bukti bahawa mereka pun gagal untuk menjalankan program bersih dan indah dan program menanam pokok dengan sempurna.

Selain daripada itu, kebanyakan pihak berkuasa tempatan masih belum menjalankan usaha untuk menggedkan premis makanan supaya dapat mengawal mutu makanan dan premis makanan untuk menjaga kepentingan kesihatan orang ramai.

Ada satu perkara lagi, iaitu saya ingin sebutkan di sini, bahawa pihak berkuasa tempatan patut menjaga kepentingan kampung baru untuk mempertingkatkan kemudahan pasar-pasar awam serta mempertingkatkan kemudahan pusat-pusat penjaja.

Dengan mempertingkatkan kemudahan pasar awam dan mempertingkatkan kemudahan pusat penjaja, ini akan dapat mengadakan premis yang teratur untuk para peniaga untuk berniaga di pasar awam dan pusat-pusat penjaja dan kita akan dapat mengelakkan penjaja-penjaja berselerak di kawasan sini dan sana.

Tuan Pengerusi, untuk menyelesaikan masalah penjaja-penjaja berselerak di kawasan sini dan sana, adalah penting pihak berkuasa tempatan mesti mempunyai perancangan yang sempurna, menggunakan tapak pusat penjaja untuk membina pusat penjaja yang mempunyai kemudahan air, elektrik dan lain-lain.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, saya ada sedikit lagi. Dan dengan cara ini barulah kita dapat mempertingkatkan imej kampung baru serta imej pusat-pusat penjaja di taman-taman perumahan. Dengan kata-kata yang demikian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta jawab.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sebelum itu ada satu Usul Yang Berhormat. Nanti dahulu ya. Ada satu Usul. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

***Persidangan disambung semula.***

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan

perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Izinkan saya memberi jawapan satu persatu kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Serdang membawa mengenai masalah profesional di dalam perkhidmatan majlis-majlis daerah. Sukacita saya maklumkan bahawa pihak kerajaan telah pun membuat keputusan dan pihak kementerian sedang mengambil tindakan untuk membentuk satu badan ataupun satu servis di mana semua kakitangan profesional di seluruh negara di dalam perkhidmatan kerajaan-kerajaan tempatan dapat disatukan di bawah satu perkhidmatan dan mereka ini akan dihantar berkhidmat di merata majlis-majlis pihak berkuasa tempatan dan mereka ini boleh dipindah ditukar dari masa ke semasa.

Masalah dan kelemahan pada masa kini ialah oleh kerana setiap pihak berkuasa tempatan dikatakan sebagai close service, mereka tidak ada peluang naik pangkat dan sebagainya. Dengan cara yang dicadangkan ini, maka perkhidmatan profesionalisme mereka akan meningkat dan kemungkinannya prestasi dan keupayaan pihak-pihak berkuasa tempatan menjalankan tugas akan dapat dipertingkatkan.

Mengenai masalah geran tanah di semua kawasan-kawasan perkampungan baru Cina. Masalah mendapat geran tanah bukan sahaja dirasai oleh kawasan-kawasan kampung baru Cina, bahkan di seluruh negara bukan sahaja bagi masyarakat orang Cina dan bukan Melayu bahkan banyak di

kawasan saya sendiri banyak orang-orang Melayu, orang kampung yang menduduki kampung-kampung hampir 70 tahun, 80 tahun masih menunggu geran-geran tanah. Bagaimanapun masalah ini sedang ditangani ....

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Serdang bangun.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang pentingnya tempoh had pajakan habis dan menunggu, itu yang penting. Kalau tempoh pajakan masih belum habis, tak apalah tunggu dua tahun, tidak mengapa. Itulah sebabnya kerana tempoh pajakan itu habis, ertinya tanah yang didiami sekarang itu akan jadi rumah kediaman, maka itulah sebabnya saya minta penjelasan lagi, cara mana untuk memproseskan permohonan tempoh pajakan lebih cepat lagi supaya tidak sampai habis tempoh pajakan itu.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa pihak kementerian akan membawa perkara ini kepada pihak kerajaan negeri untuk mendapat perhatian.

Sukacita saya maklumkan bahawa walaupun ada sungutan-sungutan mengenai perkhidmatan yang diberi kepada kampung-kampung baru Cina, sebenarnya banyak kampung-kampung baru Cina pada hari ini sudah menjadi kampung-kampung contoh, bukan sahaja kepada orang Cina bahkan kepada orang-orang seluruh Malaysia. Contohnya ialah Kampung Changkat Keruing

dekat Lumut di mana seluruh rakyat Malaysia daripada Perlis sampai ke Johor, sampai ke Sabah telah mengunjungi tempat dan kampung ini sebagai kampung contoh yang banyak di kampung-kampung kami di sebelah utara juga cuba mencontohi Kampung Changkat Keruing.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga membangkitkan perkara Yang di-Pertua supaya dilantik orang yang sepenuh masa. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa pihak Kabinet telah membuat keputusan supaya Yang di-Pertua dilantik daripada orang-orang yang sepenuh masa, tidak lagi daripada orang-orang yang bekerja, yang mempunyai tugas-tugas yang lain.

Mengenai Certificate of Fitness (CFO), ataupun sijil ....

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Seremban bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ada lagi? Oh!

**Dato' Hon Choon Kim:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, semua jawatan Yang di-Pertua akan dilantik sebagai full time atau sepenuh masa. Saya cuma hendak bertanya sama ada ini termasuk majlis daerah-daerah. Saya difahamkan cuma perbandaran dikehendaki supaya Yang di-Pertua itu dipegang oleh seorang full time, tetapi untuk Yang di-Pertua majlis-majlis daerah belum ada keputusan lagi, itu yang saya minta penjelasan, sama ada jawatan ini juga dipegang oleh seorang yang full time?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya minta maaf, saya tidak dapat memberi jawapan. Saya akan menyiasat perkara ini, yang saya faham kesemuanya daripada pihak-pihak berkuasa tempatan diberi arahan supaya mereka ini dianggotai oleh orang-orang yang sepenuh masa, tetapi bagi majlis-majlis daerah yang kecil, yang tidak ada keupayaan dan kemampuan kewangan, kemungkinan mereka itu diambil daripada pegawai-pegawai daerah dan sebagainya untuk boleh membantu dari segi pembiayaan, kursus dan sebagainya.

Dari segi kelulusan CFO yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi, pihak kementerian sedang membuat satu kajian menyeluruh sama ada perkara ini dapat diperbaiki daripada tahap yang ada sekarang ini dan data-data sedang dikumpul oleh pihak kementerian mengenai bukan sahaja CFO, bangunan-bangunan yang tidak ada CF, bahkan juga bangunan-bangunan yang diberikan surat sijil kedudukan sementara buat beberapa tahun dan kita sudah mempunyai angka-angka dan kita akan cuba mencari satu jalan dan kaedah mengatasinya.

Kekurangan tempat rekreasi, ingin saya maklumkan bahawa dari peringkat dasar, pihak kerajaan telah membuat peruntukan sebanyak lebih dari RM72 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi membiayai pembinaan taman-taman yang baru bagi seluruh negara. Setiap kawasan bandar akan diberi peruntukan khas bukan sahaja untuk membina taman-taman yang baru, bahkan memperbaiki taman-taman yang ada. Tetapi ini juga bergantung

kepada dasar yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, oleh kerana dasar ataupun kuasa mengenai tanah adalah kuasa kerajaan negeri. Ada juga rungutan dan pihak kementerian telah membuat saranan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan supaya tidak mengalihkan atau mengubah penggunaan tanah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ada tempat-tempat rekreasi yang diura-urakan akan digunakan ditukar sebagai bukan dijadikan lagi ....

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Sibubangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Bolehkah saya tamatkan ayat ini?

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** .... ada ura-ura mengatakan satu kawasan rekreasi akan diubah, akan dijadikan kompleks perniagaan dan sebagainya. Jadi, pihak kementerian sentiasa memberi saranan dan cadangan kepada kerajaan negeri supaya mengelak membuat perkara-perkara yang demikian, oleh kerana ini akan mengurangkan taman-taman rekreasi dan kadang-kadang ia akan juga merosakkan alam sekitar dan sebagainya. Sila.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan, di samping tanah itu untuk rekreasi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, contohnya di estet perumahan kos rendah baru, contohnya di Sibujaya, Fasa I sudah siap tetapi tidak ada sekolah, tidak

ada gereja dan tidak ada surau tambah pula tidak ada tempat rekreasi. Apa pandangan kementerian mengenai perkara itu.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, sebenarnya dari segi perancangan memang sudah ada di dalam peruntukannya setiap satu kawasan perumahan yang dibina sekian peratus diberikan untuk kawasan lapang, sekian peratus untuk kawasan rekreasi dan lain-lain termasuk sekolah, surau dan sebagainya.

Jadi, memang kawasan-kawasan berkenaan telah ditetapkan cuma binaannya sahaja, binaannya tidak dibuat oleh pemaju, selalunya binaannya dibuat oleh pihak kerajaan atau pihak-pihak yang tertentu, cuma ada juga kadang-kadang pada masa sekarang ini pihak-pihak swasta yang membangunkan kawasan mereka sendiri yang membangunkan surau dan ada juga yang membina sekolah-sekolah sebagai satu daya untuk membantu kerajaan.

Tetapi, pada dasarnya kalaulah kawasan itu kawasan rumah murah, maka hanya tanah sahaja yang disediakan tetapi kemudahan lain perlu diberikan peruntukan oleh pihak kerajaan atau pihak-pihak lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian menyentuh mengenai dasar kerajaan dan minta statistik mengenai pembelian hartanah oleh warga asing. Saya tidak ada statistik pada hari ini tetapi boleh saya beri, memang pihak kementerian juga sedang mengumpul statistik berapa banyakkah harta-harta tanah yang telah dijual kepada warga asing. Tetapi izinkan saya maklumkan

kepada Ahli Yang Berhormat, warga asing yang membeli rumah-rumah di sini adalah warga asing yang mempunyai kepentingan perniagaan di sini dan ada juga warga asing yang membeli untuk spekulasi dan ada juga yang membeli untuk sebagai investment.

Jadi, berapa banyakkah, berapa peratus yang digunakan untuk duduk sendiri, yang disewakan ataupun secara spekulasi ataupun sebagai investment, saya tidak dapat memberi angka pada hari ini, saya akan cuba memberinya secara bertulis sesudah kementerian mendapat maklumat-maklumat berkenaan. Tetapi, izinkan juga saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa walau apa pun kerajaan membuat dasar dari segi penjualan, kebenaran menjual hartanah kepada warga asing, pada pokoknya kerajaan tidak akan mengabaikan kepentingan rakyat. Kita tidak akan menjejaskan kepentingan rakyat hanya untuk memberi peluang kepada warga asing memiliki hartanah. Ia berpandu kepada keadaan semasa, ia berpandu kepada keadaan ekonomi dan berpandu kepada keperluan warga asing yang datang ke sini melabur modal dan sebagainya untuk membiakkan, membesarkan perniagaan mereka dan untuk melaburkan dengan lebih besar lagi untuk memacu, menolong membantu kita memacu perkembangan ekonomi dari satu tahap ke satu tahap.

Dari segi anggota Bomba, ada dua perkara, satu, Ahli Yang Berhormat minta check-up secara sepenuhnya dibuat, memang ini arahan ini telah pun dibuat dan sedang dijalankan, dari segi elaun RM2,000, saya difahamkan RM2,000 itu memang tetap dan mengikut catatan yang ada pada saya, mereka

juga mungkin ada kemungkinan mendapat tuntutan seberang laut. Ini saya tak dapat memberi satu keputusan yang pasti, oleh kerana ini juga perlu dijawab oleh Kementerian Kewangan.

Dari segi tandas-tandas awam di kompleks tertentu ....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Mersing bangun.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan bomba ini khususnya bomba sukarela. Saya telah beberapa kali cuba mewujudkan pasukan bomba sukarela di sesetengah kawasan saya. Misalnya di kawasan FELDA, tetapi nampaknya setakat ini sambutan yang kita terima agak mengecewakan. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberi sedikit insentif misalnya allowance kepada ahli-ahli bomba ini macam kita beri elaun kepada pasukan polis simpanan, mungkin agaknya kalau kita beri elaun mereka berminat untuk menyertai pasukan ini.

Sebab apa saya bangkitkan perkara ini beberapa kali, sebab di kawasan Felda khususnya jaraknya dari Mersing sebagai contoh agak jauh dan kita faham kalau kerajaan hendak mewujudkan satu balai bomba di kawasan berkenaan, ia akan memakan belanja yang banyak. Jadi, mungkin kita boleh selesaikan masalah ini melalui pewujudan pasukan bomba sukarela. Jadi,

soalan saya adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberikan insentif dalam bentuk wang.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, dari segi insentif, sememangnya tidak ada, oleh kerana perkataan sukarela itu menunjukkan bahawa pembentukan pasukan itu sendiri datangnya dari niat yang sukarela. Jadi, bukan sahaja pasukan bomba, bahkan pasukan RELA yang memberi pertolongan yang lebih menyeluruh berbanding dengan - saya tidak mengatakan bomba itu tidak penting, tetapi pasukan RELA yang telah lama diwujudkan masih belum mendapat apa-apa lagi, hanya ura-ura ....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Boleh saya jawab ini dahulu ya. Jadi, pada ketika ini kita sudah mempunyai banyak pasukan bomba sukarela di seluruh negara. Jadi, mereka tidak mendapat apa-apa elaun dan mereka ini menjalankan tugas dan memberi bantuan secara 'front line fire fighters', maknanya kalau ada berlaku kebakaran, mereka dahulu yang berada di tempat itu, oleh kerana berdekatan dengan tempat itu dan bantuan daripada pasukan bomba yang rasmi akan datang kalau sempat.

Jadi, banyak juga bantuan peralatan diberi kepada pasukan bomba yang seperti ini, seperti jentera pemancut air, diberi secara percuma oleh

kementerian, itu sahaja yang dapat kita beri, tetapi tidak ada elaun sebagai hendak menarik minat mereka menyertai. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, walaupun kerajaan tidak berminat untuk memberi insentif dari segi elaun atau kewangan, bolehkah kerajaan mempertimbangkan memberi perlindungan insurans nyawa atau perlindungan insurans kemalangan kepada mereka.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, setakat ini tidak ada dan tidak pun dipertimbangkan, oleh kerana macam saya katakan tadi, ini adalah satu usaha sukarela, maka mereka yang berminat sahaja yang wajar menyertainya, mereka yang tidak berminat saya rasa, kalau ada insentif pun mungkin mereka tidak akan menyertainya.

Mengenai tandas-tandas awam, saya kata tadi, satu dasar digubalkan mengenai tandas-tandas awam, kita hendak satu keseragaman bukan sahaja segi peralatan tandas-tandas awam bahkan juga piawaian teknikalnya perlu diselaraskan, piawaian apa itu kebersihan juga akan diselaraskan. Maka tidak lama lagi akan wujud satu kempen di mana bukan sahaja kita hendak rakyat itu bersih, tetapi kita juga hendak mereka mengetahui apakah standard yang diperlukan daripada mereka.

Jadi, sama ada kita hendak menwastakan atau tidak berpandukanlah kepada kos operasi membersihkan tandas dan kalau boleh setiap rakyat yang menggunakan tandas itu sendiri membersihkannya tetapi ada juga peralatan yang penting yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi di mana kalau

dibiarkan kepada operator yang menjadi pemilik kepada bangunan, mereka sememangnya mahukan peralatan yang murah, maka apabila ada peralatan yang murah, kebersihan itu sendiri akan menjadi masalah kepada pengguna dan kepada masyarakat.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mempunyai soalan-soalan yang mengelirukan kepala saya, oleh kerana saya tidak ada maklumat. Dia bertanya piwaian kita menubuhkan, apakah piwaian yang digunakan. Ahli Yang Berhormat ada di sini, ya ada. Sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada dasarnya kita cuba memberi khidmat di mana boleh tetapi minimumnya ialah 20,000 unit rumah pada satu kawasan. Kita tidak mengatakan kita sudah mencapai peratusan yang tinggi dari segi tahap mewujudkan balai-balai bomba tetapi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sudah ada kesungguhan bukan sahaja kesungguhan membina sebanyak mana mungkin kemampuan kita membina balai-balai bomba di seluruh negara bahkan juga mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.

Ahli-ahli bomba kita bukan sahaja dilatih untuk memadam api, bahkan mereka juga dilatih untuk menyelamatkan apa sahaja dalam keadaan darurat yang terkena kepada ahli masyarakat, maka ditambahkan perkataan bomba dengan satu perkataan lagi iaitu perkataan 'penyelamat'.

Sukacita saya maklumkan bahawa daripada kalangan kepimpinan anggota bomba pada hari ini, sudah terdapat anggota-anggota yang berkelulusan profesional dan mereka juga ada melibatkan diri dengan kursus

profesional yang kelulusannya datang dari Great Britain dan juga daripada Amerika Syarikat.

Dari segi pencapaian, peratusan, saya minta maaf, saya tidak dapat memberi pada hari ini, saya akan berikan secara bertulis.

Dari segi konsep dan kriteria kerajaan tempatan. Memang macam saya katakan tadi, arahan telah dibuat supaya pihak Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin majlis-majlis dan pihak berkuasa tempatan adalah terdiri daripada orang-orang yang sepenuh masa walaupun dia menjadi wakil rakyat, tetapi kalau dia itu bukan menjadi ahli EXCO, kalau dia itu bukan menjadi seorang anggota kerajaan, dia boleh diletakkan sebagai Yang di-Pertua, tidak ada halangan, oleh kerana dia tidak ada kerja sepenuh masa yang lain, sama ada kepimpinan itu akan dibuat secara pilihan raya, local ataupun dikatakan local council elections, kita sudah dalam tahun 60-an memberhentikan pemilihan raya dalam peringkat bawahan itu, saya tidak dapat meramalkan bilakah kita akan membuat perubahan kepada dasar ini dan ramalan ini saya rasa Yang Berhormat sendiri dapat membawa dan membincangkan dari masa ke semasa agar pada satu ketika nanti kita akan dapat membawa demokrasi turun ke padang seawah-bawahnya.

Dari segi permintaan perumahan murah. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pada keseluruhannya target perumahan murah, sederhana dan tinggi adalah 800,000 unit dan bagi rancangan perumahan kos rendah ialah 200,000 unit. Ini adalah satu angka yang dibuat setelah dikaji dan diselidik oleh pihak

Jabatan Perdana Menteri di bawah Bahagian Penyelidikannya iaitu ICU dan juga dengan dibantukan oleh Jabatan Perangkaan, sama ada ini bertepatan atau tidak, sebenarnya ada juga percanggahan dari segi angka oleh kerana pihak Housing Developers Association memberi angka 1.5 juta unit, manakala pihak kerajaan menganggarkan keperluan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah 800,000 unit.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran lebih menyentuh mengenai politik daripada .....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik Pulau bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau 200,000 unit rumah kos rendah maknanya kita anggarkan 200,000 isi rumah yang sekarang ini pendapatan mereka adalah kurang daripada RM1,500 atau RM1,000. Kalau 1.5 juta unit maka kita boleh lagi ramailah orang. Jadi, soal sama ada angka ini besar ataupun kecil, jadi, ini soal untuk kementerian yang lainlah. Tetapi, bagi saya tentang penyelesaian masalah hakmilik rumah ini bukan sahaja kerana pada pendapat saya permintaan rumah kos rendah seperti yang ada sekarang ini yang RM25,000 ke bawah ini memang ada, tetapi bagi saya bilangannya tidaklah setinggi yang dikatakan dan kerana kita fikir terdapat

juga sebahagian daripada rumah kos rendah ini dibeli ataupun dimiliki oleh orang yang tidak sepatutnya memiliki rumah tersebut.

Keperluan rumah sebenarnya adalah pada tahap mungkin dalam RM40,000 ke RM100,000 punya harga dan di situlah kita nampak sebenarnya kesuntukan pembekalan rumah jenis harga yang sedemikian. Jadi, dalam syarikat perumahan negara yang dicadangkan ini, apakah dia konsep syarikat tersebut dalam hendak menyelesaikan masalah ini. Kerana kita takut, kalau kita kekalkan sekarang punya konsep RM25,000 ini, rumah ini pun kadang-kadang dalam kawasan bandar, dia merupakan rumah yang ketumpatan yang tinggi, rumah high rise RM25,000, kualiti, kemudahan asas yang teruk dan sebagainya. Jadi, kualiti hidup tempat ini di masa yang akan datang pun akan jadi teruk. Jadi, kita mungkin boleh memperjelaskan lagi tentang masalah perumahan ini khususnya di bawah RM150,000. Mungkin kita ada konsep yang macam lainlah, mungkin ada public housing untuk yang benar-benar memerlukannya dengan rent to own ataupun cara yang macam lain, tetapi kita fokuskan dari segi usaha pembekalan rumah ini kepada golongan menengah yang saya katakan tadi, dengan memperkenalkan institusi kewangan yang macam lain, macam building societies concept di UK ataupun savings and loan style di US ataupun sedemikian rupa.

Jadi, kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri memperjelaskan konsep Tabung Perumahan Negara yang dikatakan telah ditubuhkan itu, apakah dia inovasi yang diperkenalkan melalui syarikat ini untuk kita menyelesaikan

masalah ini, kita tak hendak sekadar macam sekarang kita nampak macam TPPT pun sekarang ini sekadar beli, joint venture, buat rumah, beri. Jadi, kita tak dapat fokus untuk menyelesaikan masalah pembekalan, rumah-rumah untuk golongan berpendapatan menengah tadi.

Jadi, apakah pembaharuan yang ada pada syarikat perumahan negara yang dicadangkan ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Izinkan saya memberi penerangan sedikit. Pertamanya, saya bersetuju sangat dengan apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Keduanya, saya bersetuju bahawa sudah ada shift daripada permintaan yang banyak bagi golongan yang berpendapatan yang hanya tertumpu kepada kos rumah murah yang kos RM25,000 kepada yang lebih tinggi. Sebenarnya, saya sendiri mempunyai pendapat di mana banyak daripada rakyat yang berpendapatan RM1,500 hingga ke RM5,000 sebulan pun kalau di bandar-bandar seperti di Kuala Lumpur susah hendak memiliki rumah.

Maka dalam saranan saya kepada sektor swasta, saya menyarankan supaya mereka memberi tumpuan dan kajian terhadap permohonan dan permintaan ataupun demand daripada golongan ini. Bagaimanapun, menjawab mengenai soalan Syarikat Perumahan Negara - Syarikat Perumahan Negara pada jangka panjang dijangka akan mengubah, mewujudkan satu sistem di mana pasaran perumahan akan dipisah kepada dua, satu pasaran yang dikatakan pasaran spekulatif di mana pihak membeli, dia membeli dan bila harganya naik

melambung dia boleh jual, dia boleh sewa dan dia boleh mengautkan keuntungan seberapa banyak yang dia boleh mengikut keadaan pasaran semasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tetapi dalam pasaran yang dikawal iaitu pasaran di mana pembeli itu apabila dia membeli dengan harga yang kos rendah, apabila dia hendak menjualkan rumah itu, dia tidak akan dapat menjualnya kepada sesiapa sahaja yang dia hendak, dia tidak akan dapat menjual sewenang-wenang bila dia hendak, maka inilah akan dapat dikawal oleh Syarikat Perumahan Negara. Matlamat Syarikat Perumahan Negara ialah mereka akan membeli semua rumah kos rendah yang dibina oleh sektor swasta dan sektor kerajaan. Mereka akan membeli dan menjualnya kepada pemohon-pemohon yang mendaftarkan diri melalui sistem berkomputer yang dibuka sepanjang masa, dikatakan open registration system.

Maka dengan adanya sistem pendaftaran berkomputer dengan kerajaan negeri membuat analisa menentukan siapa yang layak dan siapa yang tidak layak, hanya nama-nama yang layak akan sampai kepada Syarikat Perumahan Negara. Syarikat Perumahan Negara akan membuat perjanjian dengan pembeli, antara lain, ialah menjual rumah dan juga menghadkan penjualan rumah itu kepada orang lain. Maka penjualan oleh sipembeli pertama itu tidak akan sewenang-wenangnya dapat ditukar milik kepada sesiapa yang dia hendak. Kalau pembeli itu hendak menjual, dia kena jual balik kepada Syarikat Perumahan Negara dan terpulang kepada Syarikat Perumahan Negara menjual kepada orang yang layak selepas itu. Dari segi harga, akan dipertentukan oleh Syarikat Perumahan Negara. Maka ini akan mengurangkan spekulasi dalam bidang perumahan kos rendah pada jangka masa panjang. Ini matlamatnya.

Dari segi pembiayaan.....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mersing bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, minta jawab sedikit. Dari segi pembiayaan dan keupayaan kewangan, Syarikat Perumahan Negara telah ditubuhkan dengan modal berbayar RM1 bilion dan mekanisme pembiayaan pembelian rumah kos rendah dibuat bersama-sama dengan kerjasama bank-bank swasta tempatan di mana sebenarnya kalau hanya hendak bergantung kepada RM1 bilion itu

memang tidak cukup, tetapi dengan backing yang diberikan oleh Syarikat Perumahan Negara kepada bank-bank tempatan, maka banyak pembeli yang diluluskan oleh kerajaan negeri yang ditolak sewenang-wenang oleh bank kerana tidak ada statement income tax, tidak ada catatan akaun bulanan dengan bank dan sebagainya. Banyak masyarakat berpendapatan rendah yang layak mendapat pinjaman ditolak oleh bank. Jadi, dengan adanya Syarikat Perumahan Negara ini, mereka ini yang terpinggir akan dapat membeli rumah-rumah murah sebagai satu daripada daya usaha membolehkan sebanyak mana mungkin masyarakat mendapat rumah murah.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** *[Bangun]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Beri peluang yang di belakang.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Sedikit lagi. Dalam hal ini, masalah soal pembiayaan itu, saya ingin cadangkan, misalnya sekarang ini bagi rumah kos rendah kerajaan negeri, kalau orang itu tidak berkahwin, dia dikira sebagai tidak layak untuk memohon rumah kos rendah. Kalau orang itu setingan, maknanya rumah sendiri tetapi dia duduk atas tanah orang, rumah dia ada nombor, dia dikira tidak layak juga. Sekarang juga kalau terkeluar daripada kategori rumah kos rendah ini, kalau kita pergi kepada low medium cost yang RM40,000 ke RM100,000 ini saya harap supaya ada sedikit inovasi dari segi penentuan kemampuan untuk membayar.

Kita hendak supaya orang yang muda-muda, yang baru bekerja, mampu untuk dia beli rumah ataupun membuat satu komitmen untuk membeli rumah, jadi skema pembayaran balik yang lebih inovatif, yang graduated, misalnya sekarang ini dia boleh dapat income RM1,500, jadi kita janganlah nilai potensi dia membayar balik ataupun kuasa beli dia pada RM1,500. Dia hendak beli mortgage 20 tahun, kita boleh extrapolate pergi sampai pada akhir tempoh 20 tahun itu mungkin pendapatan dia sudah RM7,000, RM8,000 ataupun mungkin dalam 5 tahun dia jadi millionaire, kita tidak tahu. Jadi kita hendak memperbanyakkan golongan yang bekerja ini memiliki rumah secepat mungkin oleh kerana rumah merupakan aset yang cukup penting.

Jadi, skema pembiayaan, maksud saya, dan penilaian kemampuan kuasa beli, saya harap adalah sedikit innovation dari segi yang bakal dilaksanakan. Kadang-kadang kalau bank misalnya, dia tengok orang itu punya purchasing power pada ketika dia memohon. Jadi, kalau boleh kita longgarkan sedikit benda-benda ini seperti kalau tidak kahwin. Kalau tidak kahwin, apa hendak buat. Kalau tidak

kahwin, dia boleh beli, beri dia beli. Kalau rumah dia setingan, dia memiliki rumah, tetapi dia duduk atas tanah orang, dia boleh beli. Kalau pendapatan dia RM1,500 tetapi mungkin dia boleh bayar RM400 sebulan mortgage payment sekarang. Jadi, kalau RM400 sebulan, mungkin dia boleh beli rumah harga RM40,000 sahaja, tetapi kalau rumah itu harganya RM60,000 ataupun RM80,000 tetapi orang yang berpendapatan RM1,500 juga patut diberi peluang untuk membeli kerana kita anggar pada ketika 10 tahun akan datang pendapatan dia akan naik dan kita boleh memperkenalkan skema pembayaran balik yang graduated, makin hujung makin naik dan sebagainya, tetapi adalah perjanjian dari segi undang-undang yang boleh mengawal kepentingan kedua-dua belah pihak itu. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, untuk menjawabnya saya hanya dapat mengatakan bahawa kita mengharapkan Syarikat Perumahan Negara ini mewujudkan inovasi-inovasi yang boleh memberi perkhidmatan yang lebih besar kepada masyarakat oleh kerana seperti yang saya katakan tadi, pindaan atau perubahan (shift) daripada masyarakat yang dikatakan masyarakat berpendapatan rendah sekarang ini sudah berubah, daripada dahulu pendapatan mereka mungkin RM500 dan ke bawah, sekarang ini rumah murah sudah dikatakan mereka yang berpendapatan RM1,000 hingga RM1,500 kalau dalam Kuala Lumpur. Jadi, shift ini mungkin dapat dipersesuaikan apabila Syarikat Perumahan Negara membuat kajian yang lebih mendalam apabila mereka telah berjalan, telah dapat mengendalikan perniagaan ataupun menjalankan tugas dengan lebih sempurna. Tetapi pada peringkat awal ini saya tidak dapat memberi satu jaminan, malah saya hanya dapat memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa memang shift ini telah diketahui oleh kementerian dan sedang di dalam perhatian.

Yang Berhormat dari Tuaran mengatakan.....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mersing bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Oh, Mersing, okay.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah menetapkan target sebanyak 800,000 rumah murah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.....

**Dato' Azmi bin Khalid:** 800,000 keseluruhan, termasuk rumah harga mahal?

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Kalau ikut rekod saya sebanyak 230,000 dari rumah murah atau rumah kos rendah, sederhana rendah dan juga tinggi, itu untuk komitmen kerajaan. Daripada angka 230,000 ini kalau kita pecahkan, saya lihat lebih kurang 170,000 rumah kos rendah dan sederhana rendah yang akan dibina oleh pihak kerajaan, yang lebihnya 570,000 oleh pihak swasta, termasuk rumah kos tinggi.

Jadi, saya tengok dari segi emphasis itu, penekanan banyak kita beri kepada pihak swasta. Saya bukan kata tidak setuju dengan pihak swasta, tetapi perancangan ini mungkin dibuat sebelum keadaan ekonomi sekarang ini. Jadi, kita berikan peranan ini lebih kepada pihak swasta. Tetapi dalam keadaan ekonomi yang kita hadapi sekarang ini, saya kluatir sama ada pihak swasta mampu untuk memenuhi permintaan rumah kos rendah ini sebab kalau tengok di sini hanya 170,000 sahaja rumah kos rendah yang akan dibina oleh pihak kerajaan dalam masa Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Jadi, saya minta sedikit penjelasan sama ada kerajaan ingin mengkaji balik figure ini. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu, selain kita menyediakan rumah, saya kira pihak kementerian juga mestilah melihat dari aspek reka bentuk rumah dan juga mutu. Kerana kalau tidak silap saya pada satu ketika dahulu ada rumah-rumah murah yang dibina sama ada oleh pihak kerajaan atau pihak swasta yang pintunya hanya ada di depan, belakang tidak ada. Jadi, kalaulah berlaku kebakaran, saya tidak tahu ke mana mereka hendak keluar. Maklumlah, bila berlaku kebakaran atau berlaku satu kecemasan, masing-masing bertumpu-tumpu hendak keluar, jadi mungkin akan berlaku kemalangan dan sebagainya. Jadi, saya harap reka bentuk yang macam ini tidak ada lagilah, tidak akan digunakan pada masa akan datang, yang lepas itu apa hendak buat.

Satu lagi, dari segi kualiti terutama ini untuk pemaju swasta. Mentang-mentang rumah ini rumah murah.....

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, minta maaf. Ini penjelasankah atau ucapan?

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tidak, saya hendak tanya. Jadi saya minta penjelasan dari pihak Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta pendekkan.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Saya minta pihak kementerian akan tengok perkara ini walaupun rumah murah tetapi mutunya sekurang-kurangnya setanding juga dengan harga yang dibeli itu.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya berkenaan dengan rumah kedai. Kebanyakan rumah kedai dijual dengan harga yang di luar kemampuan kaum bumiputera. Kerajaan Johor telah menetapkan bahawa dalam sesebuah projek perumahan kalau ada rumah kedai mestilah dibina rumah yang berharga RM150,000 dan ini saya kira within the rich of the Malays. Jadi, saya hendak tanya adakah dasar ini juga akan dilaksanakan di seluruh negara oleh pihak kementerian?

Satu lagi, baru-baru ini di Mersing ada satu perumahan yang dibina oleh pihak kerajaan dan kalau tidak silap saya ada sebuah bank di Mersing yang jadi end financier. End financier tidak tahu macam mana arrangement dia di antara kerajaan dengan bank. Tetapi apabila mereka yang dapat rumah ini pergi ke bank, bank tolak, dia kata, tidak cukuplah ataupun peniaga. Pada saya senang sahaja, sebab saya juga pernah bekerja di bank, jadi kita kena bertolak ansur dalam perkara ini. Ada cara yang kita boleh bantu mereka, bukan setakat orang yang makan gaji sahaja. Jadi, saya minta sedikit penjelasan dari pihak Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya mohon kerjasama Yang Berhormat yang minta penjelasan itu, kalau boleh secara ringkas. Kita tidak banyak masa hari ini kerana kita masih ada satu kementerian, mengikut jadual, untuk diselesaikan pada hari ini. Sila ambil perhatian.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya jawab dengan laju sedikit. Yang dikatakan 200,000 unit rumah murah akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tidak tertumpu kepada sektor awam atau sektor kerajaan sahaja. 200,000 unit ini akan dibina oleh sektor swasta dan sektor kerajaan, sektor awam yang mana 70% daripada tanggungjawabnya dipikul oleh sektor swasta.

Sama ada keadaan ekonomi mengizinkan atau tidak, itu tidak berbangkit pada masa kini. Kita harapkan kalau ada masalah, mereka akan membawa perkara itu kepada kerajaan.

Dari segi fire escape dan sebagainya, saya rasa ini boleh dibawa kepada perhatian pihak yang merancang dan perunding yang membuat design projek-projek berkenaan.

Dari segi kualiti perumahan murah, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan telah menubuhkan satu badan dikatakan Construction Industry Development Board (CIDB) di mana kita

akan mempertentukan kualiti dan sebagainya. Di peringkat kementerian juga, kita sedang membincangkan satu sistem di mana kita akan dapat pada satu hari nanti mewujudkan sistem yang boleh mencapai kerosakan sifar. Ini satu peringkat yang ideal tetapi kita akan cuba seboleh-bolehnya.

Mengenai harga rumah kedai, memang disarankan.....

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sepang bangun.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pembahagian penentuan permohonan rumah kos rendah, kerana dalam pengalaman yang lepas saya dapati bahawa ada pemohon yang mempunyai pendapatan yang melebihi had yang ditetapkan, contohnya RM1,500 tetapi disebabkan gaji beliau melebihi yang ditetapkan untuk melayakkan beliau mendapat rumah murah, tetapi saya merasakan permohonan yang ditolak ini seharusnya mendapat juga pertimbangan daripada pihak tertentu, contohnya jumlah anak. Kerana kalau kita hayati keadaan ekonomi sekarang, kalau kita menetapkan gaji, contoh sebanyak RM1,500 kepada seseorang pemohon tanpa mengambil kira jumlah anak, saya rasa ini agak kurang adil kalau hendak dibandingkan dengan keluarga yang mungkin mempunyai seorang atau dua orang anak berbanding dengan keluarga yang mempunyai jumlah anak yang ramai.

Jadi, saya hendak bertanya sama ada ada sedikit kelonggaran atau tidak kepada mereka yang mempunyai anak yang ramai kerana kita juga ingin turut serta agar usaha pucuk pimpinan untuk menambah jumlah sebanyak 70 juta penduduk diteruskan. Kalau kita masih lagi mengehendkan jumlah pendapatan tanpa mengambil kira jumlah anak, saya rasa orang yang susah ini lama kelamaan akan duduk setingga sahaja. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, dasar untuk mengagihkan rumah-rumah murah terletak kepada kerajaan-kerajaan negeri, cuma dari segi garis panduan ditetapkan, kalau di bandar ialah RM1,500 tetapi memang ada kelonggaran-kelonggaran yang tertentu. Ini berpandu kepada kedudukan dan dasar yang ditetapkan di peringkat kerajaan negeri. Di peringkat kementerian, kita hanya boleh memberi garis panduan, memberi saranan dan saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat, kalau seorang itu mempunyai pendapatan RM1,500 dan anaknya banyak, maka dia seharusnya diberi

pertimbangan oleh kerana tanggungjawabnya itu lebih banyak dan lebih berat. Walaupun pendapatan tinggi tetapi sebenarnya dari segi keupayaannya itu tidak begitu tinggi.

Yang Berhormat dari Mersing tadi bertanya mengenai seorang pemohon rumah murah yang ditolak oleh pihak bank. Memang ini sudah saya sebutkan tadi, banyak bank apabila mereka menerima senarai pemohon yang diluluskan oleh kerajaan, walaupun kerajaan telah meluluskan, nama tersebut ditolak oleh kerana tidak ada catatan bayaran cukai pendapatan, tidak ada catatan simpanan bank, tidak ada catatan bayaran pendapatan bulanan yang tetap. Maka ini, oleh kerana wujudnya Syarikat Perumahan Negara, masalah ini sudah dan patut diselesaikan oleh kerana Syarikat Perumahan Negara akan menjadi guarantor kepada pembeli dan pembeli itu akan dikawal oleh Syarikat Perumahan Negara.

Yang Berhormat dari Tuaran menyebut tentang kelewatan membina balai-balai bomba di Sabah. Mengikut catatan saya, balai-balai bomba di kawasan Tuaran hanya dirancang untuk Rancangan Malaysia Ketujuh sahaja. Setakat ini tidak ada kelewatan dan semua projek balai bomba yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di Tuaran dijadualkan siap pada tahun 2000. Jadi, kita ada lebih kurang tiga tahun lagi, Yang Berhormat.

Dari segi masalah bandar raya, masalah rumput tidak dipotong dan sebagainya, ini adalah masalah biasa dan saya rasa bukan sahaja ini berlaku di Tuaran bahkan di merata-rata. Pihak kementerian sentiasa memberi saranan dan teguran supaya pihak-pihak berkuasa tempatan memberi perhatian yang lebih serius.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, yang last.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai bomba, saya difahamkan sebenarnya memang pembinaan balai bomba di Tuaran itu lewat, kalau saya tidak silap, saya mempunyai jawapan bertulis daripada pihak kementerian dengan pengakuan bahawa memang ada kelewatan, jadi kali ini tidak ada kelewatan pula. Jadi, saya minta penjelasan, mana satu maklumat yang boleh dipercayai. Ini saya fikir satu perkara yang serius di mana kita memberi maklumat di mana ada kelewatan dan kita mengakui bahawa keperluan itu ada, tetapi lewat. Malangnya, kita dimaklumkan bahawa tidak ada kelewatan.

Kalaulah benar bahawa balai bomba di Tuaran itu dijangka hanya siap dalam tahun 2000, saya minta penjelasan, berapakah peruntukan sebenar untuk projek itu kalau demikian, oleh kerana jalan raya yang begitu besar pun dijangka siap dalam tahun 2000, jadi balai bomba itu tidak begitu besar sekali. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau pihak kakitangan kerajaan berkenaan yang tidak memberi maklumat, saya mintalah dengan secara ikhlas supaya memberi jawapan yang tepat. Jadi, minta penjelasan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat, terima kasih. Saya tidak ada angka berapakah peruntukan pada ketika ini, saya boleh beri jawapan dengan bertulis. Tetapi ada maklumat di depan saya ini bahawa semua projek balai bomba di Sabah dan juga di Tuaran akan siap pada tahun 2000. Kalau ada kelewatan pun pada peringkat awal ini, tetapi pada akhirnya tahun 2000 mesti selesai, oleh kerana matlamatnya ialah untuk disiapkan pada tahun 2000.

Yang Berhormat dari Kangar.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Oh, ada lagi?

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pembinaan balai-balai bomba ini. Adakah pihak kementerian mempunyai perancangan mereka sendiri, apakah kriteria yang diambil kira untuk membuat sesuatu balai bomba? Adakah setiap kawasan mesti memohon ataupun apabila satu-satu kawasan itu telah pun sedia tapak untuk dibuat balai bomba, barulah kementerian akan membina balai bomba.

Saya bangkitkan perkara ini kerana di kawasan saya, di Sekinchan, sudah lima tahun tanah untuk membuat tapak bomba ini telah pun diberi oleh pihak kerajaan negeri. Sehingga hari ini, Rancangan Malaysia Ketujuh, saya lihat tidak ada pun apa-apa rancangan untuk dibuat balai bomba di Sekinchan sehinggakan pihak kerajaan negeri ingin menarik balik tapak tersebut. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, kriteria yang digunakan, antara lain, ialah bilangan penduduk mesti lebih daripada 20,000 orang dalam satu kawasan. Ini kriteria asas (basic). Sama ada apabila sesuatu kawasan itu telah mempunyai 20,000 orang, maka sepatutnya sama ada mesti

diwujudkan segera balai bomba, itu terpulang kepada kemampuan kerajaan untuk mengagihkan kewangan ataupun belanjawan mengikut kriteria-kriteria yang ada dan mengikut kemampuan semasa. Jadi, saya tidak dapat menjawab tentang masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat di Sekinchan. Izinkan saya minta pegawai mencatatkan, oleh kerana sudah ada tanah, kenapa pula perkara ini ditolak. Sama ada tanah ada, permohonan dibuat tidak sampai ataupun tidak dapat, saya tidak tahu, tetapi izinkan saya membuat siasatan.

Yang Berhormat dari Kangar menyarankan supaya rumah-rumah kos rendah dibina dengan tiga bilik. Memang ini menjadi dasar kerajaan.

Beliau juga mencadangkan supaya diwajibkan rumah-rumah kos rendah dibina di semua bandar dan pekan baru. Memang ini juga sudah menjadi dasar. Hanya yang dia cadangkan supaya rumah murah itu dibina dahulu, sebelum dibina rumah-rumah kos lain. Ini bergantung pula dengan strategi kewangan syarikat yang membinanya. Kadang-kadang kalau stragegi kewangannya tidak mengizinkan, maka pihak pemaju perlu melewatkan pembangunan rumah murah itu.

Dari segi pembinaan infrastrukturnya juga kadang-kadang kalau kawasan yang ditetapkan untuk dibina rumah murah itu, tetapi dari segi strategi pembinaan infrastrukturnya tidak sampai kepada kawasan yang berkenaan dan sampai kepada kawasan yang lain dahulu, maka ini tidak dapat dielakkan bahawa rumah murah itu terpaksa dilewatkan dari segi pembinaan. Tetapi pada idealnya, seharusnya semua jenis rumah harga murah, sederhana dan tinggi, kalau boleh dibina dengan tempoh masa yang sama bagi membolehkan mereka semua yang layak menduduki tempat, pekan, bandar atau kawasan yang baru dibina itu.

Yang Berhormat menyentuh satu soal pokok iaitu rumah-rumah murah yang dibina oleh kontraktor, yang mendapat subkontrak daripada subkontrak. Ini memang benar, oleh kerana rumah-rumah murah sudah pun dirancang dengan harga yang murah, bahan-bahan yang murah - bukan yang termurah tetapi bahan-bahan yang murah. Apabila sesuatu kontraktor itu diberi kontrak dan kontraktor itu pun mensubkontrakkan, maka apabila disubkontrak, di'zab'kan pula - perkataan 'zab', saya pun tidak tahu sama ada istilahnya dalam kamus Dewan. 'Zab' itu dia cabut dulu untung satu paras, kemudian orang yang kedua pula dia sub sekali lagi kepada orang yang ketiga, dia itu 'zab' satu round lagi, maka yang paling akhir (last) menjadi kontraktor tidak ada apa yang boleh dimakan. Maka oleh kerana tidak ada untung lagi, di situlah mereka cuba menipu di sana sini, mengurangkan simen,

mengurangkan besi dan membuat perkara-perkara yang pada akhirnya menjejaskan kualiti binaan itu sendiri. Ini saya sendiri telah mengutarakan bahawa perkara ini patut diberi ketelitian oleh pihak kerajaan negeri dan semua peringkat agar kualiti perumahan murah dapat dikawal pada jangka masa panjang.

Yang Berhormat dari Gelang Patah membawa mengenai seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1971 yang ada, pihak-pihak berkuasa tempatan masih belum menerima pakainya. Saya percaya bukan sahaja akta ini tetapi banyak juga akta lain yang masih ada pihak-pihak berkuasa tempatan yang belum lagi menerima pakai. Jadi, izinkan saya membawa perkara ini kepada pihak kementerian agar mengkaji membuat penelitian berapakah pihak-pihak berkuasa tempatan yang belum lagi menerima pakai.....

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerana masa sudah lama, sudah lepas 13 tahun berlangsung dan pindaan dibuat di Parlimen sejak tahun 1983 dan arahan dikeluarkan pada tahun 1984, pindaan itu tidak dibuat dan pihak berkuasa tempatan masih mengeluarkan lesen ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, ini boleh dikatakan dari segi undang-undang boleh dikira mereka sudah tidak menguatkuasakan undang-undang secara adil dan ini boleh dikatakan dengan cara yang haram memungut bayaran lesen. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, saya bukan mengatakan bahawa perbuatan ini betul atau tidak dari segi undang-undang. Apa-apa undang-undang yang telah digubalkan di Parlimen ini terlebih dahulu hendaklah digunapakai dan diperkenalkan juga di peringkat kerajaan negeri. Dalam perkara ini saya tidak dapat memberi jawapan yang jelas, oleh kerana saya tidak tahu sama ada pihak kerajaan negeri telah pun menerima pakai perubahan pindaan ini. Jadi, izinkan saya meminta pihak kementerian membuat kajian ataupun menyiasat perkara ini terlebih dahulu.

Dari segi grading tempat makan minum, itu juga kita bersetuju. Memang kerajaan telah memberi arahan supaya semua tempat gerai makan dipertingkatkan, bukan sahaja kualiti makanan bahkan kualiti tempat itu sendiri. Jadi, kita hendak gerai-gerai makanan di seluruh negara dipertingkatkan, dijadikan tempat-tempat yang lebih selesa, yang lebih menarik daripada apa yang ada.

Sudah wujud pada hari ini di beberapa bandar di dalam Malaysia ini di mana gerai-gerai telah dipinda menjadi tempat-tempat yang menarik dan pihak-pihak yang menjual, menjaja makanan juga diberi garis-garis panduan yang menjurus ke arah keindahan, ke arah kebersihan, ke arah kesihatan yang kualiti makanannya lebih baik.

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam usaha kerajaan untuk membela nasib penjaja dan juga meningkatkan mutu makanan dan juga kebersihan penjaja, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu lembaga ataupun satu jabatan khas untuk penjaja. Ini kalau kita lihat setiap golongan di dalam negara kita, seperti golongan profesional, mereka ada badan-badan profesional yang menjaga kepentingan mereka, kalau peladang mereka ada Lembaga Pertubuhan Peladang, nelayan mereka ada Lembaga Kemajuan Ikan Negara, kemudian baru-baru ini kontraktor, menjagakan standard kontraktor seperti Yang Berhormat cakap tadi, kita tubuhkan CIDB. Kita tidak nafikan memang ada CGC untuk memberikan pinjaman dan juga pihak kerajaan tempatan kadang-kadang ada juga membuat peraturan untuk membela nasib penjaja. Tetapi kalau ada satu agensi khas, bukan sahaja penjaja yang di dalam kawasan majlis boleh dibela, tetapi juga penjaja-penjaja yang di luar kawasan majlis juga boleh kita membantu mereka di samping kita dapat mengelakkan daripada penjaja-penjaja kecil ini dimonopoli oleh pendatang-pendatang asing yang sekarang ini sudah mula begitu aktif melibatkan diri dalam perniagaan kecil ini. Jadi, adakah kerajaan bercadang menubuhkan satu jabatan untuk membela nasib golongan penjaja kecil ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, tadi saya menjawab mengenai pengawalan kualiti dari segi perniagaan makanan di gerai-gerai dan penjaja-penjaja. Jadi, soalan Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini bertanya sama ada kita perlu membentuk satu badan untuk membela penjaja-penjaja. Dari segi penjaja-penjaja sendiri sudah wujud persatuan-persatuan penjaja kecil yang mana sentiasa berinteraksi dengan pihak kerajaan. Di semua negeri, persatuan-persatuan penjaja kecil ini memang aktif dan mereka juga berinteraksi dengan CGC, pihak-pihak yang memberi bantuan-bantuan kewangan dan sebagainya. Tetapi kita tidak ada satu badan khas dalam kerajaan untuk menjaga

kepentingan mereka oleh kerana pada ketika ini, pendapat saya, belum lagi wujud keperluan untuk ditubuhkan satu badan khas untuk mengawal selia dan memberi satu landasan baru kepada mereka ini agar mereka dapat berdaya maju. Bagaimanapun, saya akan mencatatkan saranan dan cadangan Yang Berhormat agar dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian. Pendapat saya sendiri itu tolak sebelah, tetapi saya akan minta pihak kementerian mengkaji sama ada wajar atau tidak diwujudkan satu badan sebegini.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada dua yang bangun lagi.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya sudah habis gulungan, Yang Berhormat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya ingat masa pun sudah suntuk, Yang Berhormat. Ya, tiga orang bangun, kita tidak cukup masa, sila ringkaskan. Yang mana satu hendak beri? Ya, sila Bukit Mas.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Dari Bukit Mas belum ada apa-apa jawapan yang saya sudah bangkitkan tadi. Saya minta jawapan daripada Dato' Timbalan Menteri. Saya (Bukit Mas) nombor empat berucap tadi, Tuan Pengerusi.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Minta maaf, Yang Berhormat dari Bukit Mas, saya ada catatan tetapi saya terlengkap, terlajak. Dari segi Rancangan Malaysia Ketujuh, pada keseluruhannya ada sejumlah 38,683 unit telah dirancangan. Ini di seluruh Sarawak. Ini angka yang ada pada saya. Secara detail pecahan-pecahannya, saya tidak dapat beri pada hari ini, saya akan memberikan kepada Yang Berhormat pada hari kemudian. Tetapi dari segi prestasi Rancangan Malaysia Keenam, prestasi negeri Sarawak ialah melebihi prestasi kalau semuanya itu dibina oleh sektor kerajaan. Di peringkat negeri pada keseluruhannya prestasi macam saya sebut pada awal tadi 25% tetapi di negeri Sarawak prestasi pada keseluruhannya ialah 35.5%. Maka bermaknanya prestasi pembinaan rumah-rumah kos rendah di negeri Sarawak adalah tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain.

Mengenai kos overrun iaitu mengenai kos harga binaan rumah-rumah murah melebihi.....

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay. Ini saya hendak menjawab penjelasan, boleh ada ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu terpulang Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Sedikit sahaja.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, dia tidak pernah tanya, beri chancelah.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi, saya memahami kerajaan berhasrat untuk membina rumah kos rendah untuk mereka yang berpendapatan rendah di Sarawak, tetapi kalau rumah kos rendah belum diperuntukkan, patutkah kerajaan mengambil tindakan keras untuk merobohkan rumah setinggan mereka dengan bantuan Pasukan Simpanan Khas secara besar-besaran. Yang sebenarnya bagi setinggan di Kuching, tidak ada rumah kos rendah yang mereka mampu untuk membelinya atau tempat untuk mereka dipindahkan.

Kelmarin kawan saya dan dua orang rakannya cuba membantu setinggan-setinggan di Shaw Kadis di Putra Jaya, Kuching dengan Pasukan Simpanan Khas secara berunding bagi menyelesaikan masalah rumah setinggan di sana, malangnya mereka telah ditahan. Ini disebabkan kekurangan rumah kos rendah di Kuching dan tidak patutlah rakyat menjadi mangsa. Bolehkah kementerian menimbang sebelum rumah kos rendah ini disediakan, janganlah merobohkan rumah setinggan mereka? Bolehkah kementerian memberi mereka peluang ataupun masa sedikit selepas rumah kos rendah diperuntukkan baru mereka dipindahkan?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Pengerusi, ini adalah satu soalan yang spesifik yang saya tidak ada maklumat terperinci pada hari ini. Tetapi pada dasarnya kerajaan tidak begitu kejam, mesti ada sebab yang tertentu, yang menyebabkan kerajaan negeri Sarawak mengambil tindakan begitu tegas.

Saya tidak percaya tindakan kerajaan negeri Sarawak itu bertujuan untuk menganiayakan rakyat. Saya percaya ada sebab-sebab lain yang saya tidak ada maklumat pada saya pada hari ini, oleh kerana itu saya tidak dapat memberi jawapan yang lebih jelas.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya minta maaflah ini sudah lewat. Kalau itu soalnya saya tidak ada maklumat, maka saya tidak dapat menjawab.

Yang Berhormat dari Bukit Mas setakat itu sahaja yang dapat saya memberi jawapan dan terima kasih sahaja atas jemputan untuk saya melawat

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun lagi, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Azmi bin Khalid:** .....balai bomba yang baru dibina. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan di peringkat kementerian kita akan membuat lawatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya minta maaf kepada Yang Berhormat, sudah habis, sudah banyak kali.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tetapi langsung tidak ada jawapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya sudah beri jawapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Peruntukan perumahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Azmi bin Khalid:** Peruntukan perumahan saya tidak ada angka pada hari ini, saya sudah jawab. Kita akan memberi secara bertulis.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Perumahan ya, kedua-dua butiran.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Okay, terima kasih saya terima, dia ikhlas. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Sekian, sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM90,554,100 untuk Maksud B.14; RM15,055,900 untuk Maksud B.15 dan RM138,261,700 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM90,554,100 untuk Maksud B.14; RM15,055,900 untuk Maksud B.15 dan RM138,261,700 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM296,888,100 untuk Maksud P.14 dan RM62,483,900 untuk Maksud P.16 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM296,888,100 untuk Maksud P.14 dan RM62,483,900 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.17 [Jadual] -  
Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala B. 17 dan Kepala P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Pokok Sena.

**7.10 mlm.**

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja. Di sini ada satu masalah yang saya rasa Kementerian Belia dan Sukan dapat menyelesaikan. Di negeri Kedah ada seorang pelajar darjah enam yang telah mendapat johan dalam pertandingan catur ataupun chess dan telah dapat mewakili negara ke Perancis.

Saya tengok Persatuan Catur Malaysia ini patronnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Lim Chong You. Tetapi dukacitanya pelajar yang mendapat johan dan dapat mewakili negara ini tidak ada sponsor langsung, tidak dapat galakan daripada Persatuan Catur Malaysia ini, bahkan beliau telah diminta untuk menyediakan wang RM3,000. Ini saya baca di sini 'Persatuan Catur Malaysia merakamkan tahniah di atas kejayaan...' saya short cut sedikit .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:.....** 'Persatuan Catur Malaysia dengan ini menawarkan peluang bagi anda untuk mewakili negara'.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada atau tidak Butiran ini?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Butiran ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, kita ada Butiran-butiran yang tertentu, Yang Berhormat menyentuh kes spesifik.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini berhubung dengan Kementerian Belia dan Sukan patut memberi galakan kepada orang-orang yang seperti ini untuk mewakili negara. Betul atau tidak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Silakan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Bila orang mewakili negara dengan tidak bersemangat, kita marah, tetapi apabila orang mendapat peluang macam ini tidak diberi sumbangan.

Hari itu kita telah luluskan akta supaya Menteri melihat supaya persatuan-persatuan ini dapat berjalan dengan lancar, takkan Persatuan Catur Malaysia ini, bila seseorang dapat peluang untuk mewakili negara, tidak dapat memberi sumbangan. Kalau diberitahu pada Presiden pun saya ingat Presiden boleh belanjakan duit ini. Tidakkah boleh cari duit RM3,000 hendak hantar mewakili negara, pelajar ini barangkali boleh jadi johan dunia. Itu yang saya bangkitkan perkara ini, sebab pelajar ini telah banyak mendapat coverage dalam surat khabar, remaja kita bakal mencapai tahap dunia. Salah satu laporan yang dicover oleh surat khabar. 'Bintang Jelapang Padi' - ini dari negeri Kedah. Jadi, saya harap perkara-perkara ini tidak patut timbul.

Kementerian patut menulis surat kepada Kementerian Belia dan Sukan, kalau tidak ada duit Menteri, duit Setiausaha Parlimen pun ada, RM3,000 sahaja. Jadi, saya minta perkara ini diambil perhatian. Ini tidak memberi

galakan langsung. Kalau dia ada duit RM3,000 baik dia hantar bapanya ke Mekah, daripada dia hendak mewakili negara. Saya harap Kementerian Belia dan Sukan ini mintalah supaya perkara ini diambil perhatian, walaupun pada hari itu Kementerian Belia dan Sukan menjawab pada hari itu mengatakan akta itu belum digazet. Tetapi saya ingat perkara semacam ini haruslah Yang Berhormat dapat ambil tindakan supaya pelajar ini dapat mewakili negara, sebab bukan mudah mendapat seorang pelajar yang brilliant dalam permainan catur ini yang dapat mendapat johan seluruh Malaysia dan dapat mewakili negara. Jadi, saya harap kementerian ini akan mengambil perhatian dan saya akan memberi ini kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen [*sambil memegang keratan akhbar*] kalau tidak ada duit kementerian, sila hantar duit sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Mersing.

**7.13 mlm.**

**Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.17, Butiran 020200 - Pembangunan Sukan.

Kita sedar yang pihak kerajaan telah pun selama ini banyak membina kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara, baik di bandar mahupun di luar bandar, tetapi kita merasakan masih banyak lagi kemudahan sukan patut dibina oleh pihak kerajaan khususnya di luar bandar. Itu point yang pertama, Tuan Pengerusi.

Keduanya, berkenaan dengan Butiran 030300 - Pembangunan Ekonomi Belia. Baru-baru ini saya terbaca Skim Pinjaman Ekonomi Belia ini telah diambilalih oleh BSN. Kerana pada peringkat awal lagi bukan saya tidak percaya kepada Jabatan-jabatan Belia dan Sukan mengenai kebolehan mereka. Mereka mungkin mempunyai kebolehan, tetapi mungkin mereka menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan juga kepakaran untuk mengendalikan pinjaman yang sebegini besar RM100 juta untuk lima tahun iaitu RM20 juta tiap-tiap tahun. Jadi, untuk membolehkan lebih ramai lagi belia menyertai skim ini saya rasa memang patutlah skim ini pentadbirannya diambil oleh BSN, jadi saya hendak tahu bagaimanakah perkembangan pengambilalihan pada masa ini. Di samping itu saya hendak tahu bilangan mereka yang telah menikmati pinjaman dari skim ini dan jumlahnya.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak tahu berkenaan dengan hutang ataupun pinjaman yang dibuat oleh belia-belia sebelum ini, yang tidak bayar hutang. Jadi, saya hendak tahu bagaimanakah kedudukannya. Saya kira kalau mereka berhutang mestilah kena bayar hutang ini. Jadi, saya hendak tahu berapa banyak hutang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk memungut balik hutang ini.

Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 040400 - Tahun Sukan dan Rekreasi 1998. Saya ingin tahu apakah rancangan yang telah dibuat oleh pihak kementerian berkenaan dengan Tahun Sukan dan Rekreasi

1998 ini, sebab saya tidak pernah dengar, kerana inilah pertama kali saya dengar, jadi saya hendak tahu apa dia yang akan dilakukan pada tahun hadapan, selain daripada Sukom.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 01600 - Pusat Rekreasi dan Sukan Air Kebangsaan. Oleh kerana dia ini melibatkan sukan air, saya ingin mencadangkan kalau boleh pihak kementerian memberi pertimbangan untuk mengadakan sukan seperti ini di sebelah pantai timur, khususnya di perairan Mersing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Mas.

**7.15 mlm.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.17, Butiran 020000 - Pembangunan Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, kita sebagai ahli back benchers di sini merakamkan tahniah kepada pasukan sukan negara khususnya atlet-atlet dan juga teams yang mewakili Malaysia di dalam Sukan SEA yang sudah berlangsung di Jakarta. Yang saya ingin sentuh di sini iaitu cogan kata 'Malaysia Boleh'.

Kita sudah pastikan bahawa di dalam prestasi di pelbagai acara yang dipertandingkan telah dibuktikan bahawa team Malaysia sudah terbukti memungut sebanyak 55 pingat emas, 68 perak dan 75 gangsa. Pencapaian ini saya difahamkan yang terbaik sekali kalau dibandingkan dengan Sukan SEA yang telah lalu. Maksud saya di sini, Tuan Pengerusi, iaitu sebelum Sukan SEA

yang berlangsung di Jakarta ini banyak yang kita baca dalam surat khabar, saya sendiri pun rasa ragu-ragu tentang pencapaian Malaysia, tetapi selepas Sukan SEA ini, kita mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada team khususnya ketua kontingen negara Yang Berhormat Dato' Menteri sendiri yang juga Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menandakan sekiranya team Malaysia diuruskan dengan baik, kita ada kemampuan, kebolehan untuk mencatatkan prestasi yang dapat membanggakan. Kita mengucapkan tahniah kepada seluruh teams yang terlibat dan juga Dato' Menteri Belia dan Sukan juga Dato' Menteri yang mewakili Majlis Sukan Olimpik Malaysia.

Yang saya ingin sarankan di sini, untuk kita meneruskan pencapaian seperti ini di dalam pertandingan baik di rantau ini dan di seluruh dunia, saya bangkit semula apa yang rakan di sebelah sana dari Pokok Sena bangkitkan tadi, iaitu misal kata sekiranya ada murid-murid yang ada bakat untuk kita bimbingkan mulai dari peringkat bangku sekolah seperti yang saya katakan dahulu pernah dalam Dewan ini di mesyuarat yang lepas. Misal kata Eri Lejau yang belajar di sebuah sekolah menengah di Miri, sekiranya pelajar sekolah ini dibimbingkan dengan secara baik, latihan diberikan sudah terbukti pencapaiannya dapat mengalahkan pencapaian yang dicapai oleh Watson Ngambek. Itulah sebabnya saya sentuhkan mengenai dengan pembangunan belia dan sukan. Jadi, kita jangan sahaja pandang pada masa sekarang, tetapi kita harus membuat satu perancangan untuk masa sepuluh atau lima belas tahun

yang akan datang untuk Malaysia meneruskan pencapaian yang begitu baik harus kita mulai daripada sekarang membuat perancangan sebegitu.

Kita juga pernah menyarankan pada masa dahulu, apakah salahnya untuk murid-murid yang ada bakat seperti ini kita khaskan, tempatkan mereka di dalam sebuah sekolah berasrama di mana ada coach atau jurulatih yang dapat membantu mereka. Misal kata Lejau dia berasal sebagai anak tempatan, orang ulu dari Ulu Baram, kalau dibandingkan dia pentingkan masa depan persekolahan, tetapi sekiranya ada bakat seperti ini kita cuba bantu beliau supaya dapat mewakili negara dan mengharumkan nama negara kita di dalam sukan ataupun arena sukan antarabangsa.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan mengenai Butiran 030300 - Pembangunan Ekonomi Belia. Kita difahamkan kerana saya pun adalah menjadi ahli dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, waktu kita berbincang mengenai apa-apa masalah yang dihadapi oleh skim-skim yang dilaksanakan untuk Rakan Muda dan juga untuk Kementerian Belia dan Sukan, kita difahamkan semua skim ini akan dengan izin, diprivatisekan kepada Bank Simpanan Nasional - kita setuju.

Sebagai bekas pekerja di dalam bank saya setuju supaya Bank Simpanan Nasional dapat menguruskan skim ini dan saya ingin tanyakan seperti Yang Berhormat dari Mersing tadi minta setakat ini apakah perkembangan Skim Permohonan Ekonomi Belia ini, kerana waktu mesyuarat saya juga membangkitkan banyak juga skim yang kita tubuhkan untuk

memajukan belia. Selepas skim ini diperkenalkan misal kata di Sarawak di kawasan saya, kita tutuplah skim itu Tuan Pengerusi, bermakna tidak sampai ke hujung sana.

Saya ingin bertanya sekarang ini setakat mana perkembangan Skim Pembangunan Ekonomi Belia ini yang diuruskan oleh Bank Simpanan Nasional dan bagaimana ia dapat mencapai matlamat yang disarankan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut mengenai Butiran 01800 - Penyediaan Sukan Komanwel diperuntukkan RM285,500,000. Satu pertanyaan yang saya ingin majukan kepada kementerian iaitu yang saya sendiripun susah hendak jawab kerana waktu kita berbual-bual dengan orang Sarawak, sekiranya ramai orang Sarawak datang menjadi penonton ataupun penyokong Malaysia waktu Sukan Komanwel.

Sekiranya hotel-hotel yang terkenal, hotel-hotel lima bintang, empat bintang dan tiga bintang semua telah habis dibooking misalnya, bagaimana orang yang menjadi penyokong dapat menyemarakkan semangat atlet-atlet negara kita di dalam Sukan Komanwel ini. Adakah persediaan mengenai kemudahan-kemudahan seperti penginapan dan lain-lain kemudahan yang penting, maksud saya di sini bukan kemudahan yang diberi ataupun disediakan dengan tanpa bayaran, tetapi yang penting yang saya sarankan di sini, misalannya kita takut nanti di dalam pertandingan bola sepak stadium itu dapat menampung 50 juta penonton, tetapi tidak ada penonton, Tuan Pengerusi - malulah Malaysia. Yang penting iaitu kita harus juga menyediakan

kemudahan khas untuk penonton-penonton dan penyokong kita di negara ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong hal-hal di dalam kementerian ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sila.

**7.25 mlm.**

**Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Hulu Terengganu, ya.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Ya. Saya mengambil bahagian sedikit berkaitan dengan Butiran 020000 - Program 020100 - Pembangunan Belia. Jadi, saya menarik perhatian kepada kementerian berkaitan dengan penambahan pegawai-pegawai belia di peringkat daerah.

Seperti yang kita sedia maklum persatuan-persatuan belia di seluruh negara ini hampir 3,000 lebih yang sebahagian besarnya tidak bergerak dan tidak ada aktiviti dan perancangan. Ini disebabkan oleh kepimpinan di peringkat persatuan yang begitu lemah. Mengikut perancangan Kementerian Belia dan Sukan pada Rancangan Malaysia Ketujuh hendak diwujudkan lebih kurang 100 orang pegawai-pegawai belia di peringkat daerah.

Kalau kita lihat dengan keadaan sekarang ini sudah hampir separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, tetapi setakat ini belum nampak penambahan pegawai-pegawai belia di peringkat daerah. Ini adalah satu hal yang saya mengharapkan pihak kementerian mengambil pandangan yang serius

dan tindakan yang cepat kerana isu belia ini banyak permasalahan mereka terutama sekali hendak menangani masalah gejala sosial dan lain-lain. Ini akan memberi ruang yang begitu baik kalau sekiranya dapat menempatkan pegawai yang tersebut. Kalau sekiranya lambat lebih baik wujudkan beberapa orang jurulatih gerakan belia sepertimana yang pernah berlaku diwujudkan oleh kementerian pada tahun enam puluhan dahulu. Jadi, jurulatih gerakan belia ini berperanan walaupun dia tidak bersifat pegawai tetap (permanent) atau pegawai kontrak boleh kita wujudkan, kerana mereka ini secara langsung dapat membimbing persatuan-persatuan belia di peringkat daerah. Jadi, saya mengharap pihak kementerian harus memikirkan soal ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi ialah Butiran 040100 - Pengelolaan Sukan Komanwel 1998. Saya hendak menyentuh sedikit soal kesempurnaan. Berkait dengan pembawa ataupun pengangkutan (transport) kepada atlet sukan, jurulatih sukan dan pegawai Sukan Komanwel.

Saya terbaca dalam akhbar mengatakan bahawa Sukom akan mengambil tidak kurang daripada 1,000 lebih anggota-anggota tentera untuk dilatih secara profesional bagi membawa atlet dan juga jurulatih dan pegawai sukan ke perkampungan Sukan Komanwel. Ini saya mengucapkan terima kasih, tetapi adakah pihak Sukom ataupun kementerian sendiri memandang serius tentang kumpulan-kumpulan pemandu yang lain sama ada diberi juga pada mereka seperti pemandu teksi, bas di persekitaran bandar Kuala Lumpur untuk dilatih secara khusus supaya mereka ini mempunyai kedisiplinan yang tinggi.

Selain daripada Sukom melatih pasukan tentera, kalau tidak akan berlaku yang tidak berdisiplin akan melanggar yang berdisiplin dan pertembungan ini boleh membuatkan satu imej yang tidak baik kepada suasana Sukan Komanwel.

Saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian, adakah ini juga termasuk dalam program Sukom untuk melatih pemandu-pemandu lain yang telah dilatih kepada pasukan tentera yang khusus diambil untuk membawa atlet dan pegawai sukan ataupun jurulatih sukan ke perkampungan Sukan Komanwel.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, Butiran 02000 - Program Rakan Muda. Saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian, mengikut cadangan Kementerian Belia dan Sukan, oleh kerana Rakan Muda ini sebagai satu projek yang baru untuk menangani permasalahan masyarakat belia di seluruh negara. Di Terengganu katanya telah diperuntukkan sekurang-kurangnya dua Pusat Rakan Muda, tetapi sehingga sekarang kita tidak nampak lagi pelaksanaan projek ini.

Walau bagaimana sekali pun saya mencadangkan kepada kementerian dan baru-baru ini telah dibincangkan di peringkat daerah iaitu daerah kawasan Parlimen saya Hulu Terengganu dan kita telah bersedia menempatkan satu kawasan. Pada masa sekarang kalau sekiranya pihak kementerian ingin hendak menempatkan Pusat Rakan Muda ini segera, pihak pejabat tanah dan pejabat daerah telah bersetuju, tetapi malangnya setakat ini belum ada satu permintaan yang khusus daripada kementerian sendiri ke daerah Hulu Terengganu. Jadi,

saya mohonlah kalau sekiranya daerah lain tidak dapat dibuat ataupun disebabkan kesilapan teknikal yang berlaku seperti masalah tanah dan sebagainya alihlah projek ini ke Hulu Terengganu secepat mungkin. Itu sahaja, Tuan Pengerusi dan saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kementerian menjawab.

**7.35 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Pengerusi, saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, pertama kerana mempunyai timbang rasa pada kita semua dalam keadaan yang agak getir bagi saya dan di atas keprihatinan mereka tentang apa yang akan berlaku di atas kemajuan di Kementerian Belia dan Sukan.

Saya hendak tujukan kepada Yang Berhormat dari Pokok Sena, kami tahu bahawa Yang Berhormat dari Pokok Sena sentiasa peka dan prihatin tentang apa yang menjadi masalah belia dan sukan.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat di masa zaman kebelakangan ini ialah seorang sportsman dari Kedah. Oleh kerana itulah beliau tahu tentang apa yang terjadi kepada sportsman di negara kita hinggalah ke saat ini. Saya difahamkan juga bahawa Ahli Yang Berhormat begitu prihatin tentang masalah belia maka itulah rahsia awet muda Yang Berhormat.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan memang menggalakkan dan sentiasa memberi

bantuan kepada ahli-ahli sukan mengambil bahagian di peringkat antarabangsa. Dalam kes ini Tuan Pengerusi, kementerian tidak menerima apa-apa permohonan daripada persatuan sukan tersebut.

Walau bagaimanapun saya - hendak kata janji itu, janji ini kepada Ahli Yang Berhormat ada yang ditepati dan ada yang tidak. Tetapi insya-Allah perkara ini akan diutarakan kepada Yang Berhormat Menteri dan saya rasa ini akan dapat diselesaikan dengan sebaik-baik mungkin. Saya rasa kalau tidak dapat selesai, presiden pun tidak dapat selesaikan di antara Yang Berhormat dan saya, kita bolehlah selesaikan masalah itu untuk diagihkan bersama.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Mersing iaitu mengenai Pembangunan Sukan, saya mengucapkan terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat program pembangunan kemudahan sukan di kawasan-kawasan luar bandar dirancang melalui Program Pusat Pertandingan Rakan Muda iaitu diperuntukkan sebanyak RM5 juta pada tahun 1998. Ini adalah bertujuan untuk mendekatkan kemudahan dengan pengguna-pengguna. Kami di Kementerian Belia dan Sukan tidak pernah melupakan belia dan remaja yang ada di luar bandar dan sentiasa mengambil iktibar dan membuat aktiviti yang begitu banyak khususnya di kawasan luar bandar. Jadi, kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas ingatan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mersing.

Bagi menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Bukit Mas iaitu mengenai murid-murid yang ada bakat sukan supaya diberi bimbingan. Saya

dengan sukacitanya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Program Pembangunan Bakat telah dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada atlet-atlet muda di sekolah-sekolah. Program Tunas Cemerlang telah dilaksanakan kepada atlet-atlet di bawah umur 15 tahun. Program ini dilaksanakan di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan khususnya Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Yang Berhormat, selain daripada Program Tugas Cemerlang, Program Pembangunan Bakat juga dilaksanakan bagi atlet yang berumur lebih dari 15 tahun.

Bagi menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu iaitu mengenai tambahan pegawai belia di peringkat daerah.....

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Hulu Terengganu!

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Minta maaf, Hulu Terengganu. Tuan Pengerusi, kementerian sedang mengambil tindakan menambah bilangan pegawai di peringkat daerah. Bagaimanapun pegawai belia adalah pegawai pembangunan, minta maaf, saya ini sudah semakin tua dua tahun setengah, ini hendak baca tulisan pun mata agak rabun ataupun tulisan pegawai-pegawai ini begitu canggih. Bolehkah saya start lagi Yang Berhormat?

Kementerian sedang mengambil tindakan menambah bilangan pegawai di peringkat daerah. Jadi saya ingin mengucapkan terima kasihlah sekali lagi di atas peringatan dan segala cadangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu akan kita ambil iktibar dan insya-Allah dalam masa yang tidak lama jikalau peruntukan kami tidak dipotong lagi oleh Kementerian Kewangan, ramai

lagilah pegawai-pegawai belia Yang Berhormat jumpa terutamanya di kawasan Hulu Terengganu.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan satu lagi daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, iaitu tentang penginapan untuk mereka yang ingin datang menyaksikan sukan semasa Kuala Lumpur Ninety Eight. Perkara ini adalah penting dan pihak Sukom Ninety Eight Berhad telah diminta mengadakan program penginapan untuk mereka yang berminat untuk datang dan menyaksikan pertandingan-pertandingan semasa Kuala Lumpur Ninety Eight. Untuk tujuan ini Sukom Ninety Eight Berhad akan mengumpul data-data mengenai kemudahan di kawasan Lembah Kelang yang boleh dijadikan penginapan untuk penonton- penonton yang datangnya daripada luar Kuala Lumpur.

Saya rasa bahawa besar kemungkinan semua pusat penginapan termasuk universiti, kolej dan lain-lain mungkin akan digunakan sebagai tempat penginapan selain daripada hotel-hotel yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai soalan.....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Mersing bangun hendak bertanya atau hendak minta penjelasan?

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Saya hendak bertanya. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Sukom. Saya percaya pihak kementerian telah pun menjalankan berbagai-bagai ikhtiar untuk mempromosikan sukan yang berprestij ini. Saya pernah membangkitkan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan pengguna Internet sebagai salah satu

daripada media yang kita boleh gunakan untuk mempromosikan sukan ini ke seluruh dunia, bukan setakat di dalam Komanwel sahaja. Jadi, saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kerajaan akan menggunakan sepenuhnya outlet ini untuk mempromosikan sukan yang berprestij ini. Sebab saya kira ianya bukan menguntungkan untuk sukan sahaja, tetapi untuk memperkenalkan negara kita kepada dunia luar. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Dato'.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Pengerusi, jawapannya dengan izin, ialah yes, yes and yes, sudah semestinya kita menggunakan teknologi yang terkini dan tercanggih ini untuk menyebarkan maklumat tentang Sukom Kuala Lumpur '98 Games ini, insya-Allah.

Tuan Pengerusi, balik kepada pertanyaan tentang program Tahun Sukan dan Rekreasi 1998. Soalan ini ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Mersing. Terima kasih kerana sekali lagi memberi perhatian. Kita semua telah tahu bahawa pada tahun 1998 kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah mengisytiharkan Tahun Sukan dan Rekreasi. Jadi, kalau siapa yang tidak pernah dengar, ini adalah detik sejarah untuk tahun depan untuk ambil makluman dan perhatian. Untuk menarik pelancong-pelancong luar negara datang melancong dan melawat serta menyertai sama dalam kegiatan sukan dan rekreasi. Dalam hal ini, Kementerian Belia dan Sukan akan bersama memainkan peranan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengadakan beberapa aktiviti sukan dan rekreasi bagi menarik minat pelancong-pelancong datang dan menyertai bersama dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Tuan Pengerusi, untuk menjawab sekali lagi soalan daripada Yang Berhormat dari Bukit Mas iaitu tentang perkembangan Skim Pinjaman Pembangunan Ekonomi Belia yang akan diuruskan oleh Bank Simpanan Nasional. Soalan ini juga telah pun ditanya oleh Yang Berhormat dari Mersing. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Skim Pinjaman Pembangunan Ekonomi Belia yang diuruskan bersama BSN Commercial dan bukan Bank Simpanan Nasional. Pada masa ini kementerian sedang memuktamadkan beberapa isu dengan pihak BSN Komersial. Adalah diharap pinjaman dari skim ini akan dapat dikeluarkan sebelum akhir tahun ini.

Sehingga sekarang sebanyak RM10.5 juta telah disyorkan lulus kepada BSN Commercial Bank yang melibatkan lebih kurang 350 peminjam. Skim Tabung Ekonomi Belia sebelum BSNC 1988 hingga 1997, RM33 juta melibatkan 2,242 peminjam telah pun diuruskan dan dibereskan. Mengenai

peminjam yang masih berhutang dan prestasi pembayaran balik pada masa ini telah meningkat kepada 40% dan dijangka bertambah kepada 50% pada penghujung tahun ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya telah pun dapat menjawab boleh kata semua daripada soalan yang diutarakan. Kalau ada mana-mana soalan yang tidak dapat dijawab pada petang ini dan perlu jawapan bertulis, pihak kementerian tidak keberatan untuk berbuat demikian. Saya sekali lagi bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya kerana telah pun memberi perhatian yang 'short but sweet', dengan izin, kepada perbelanjaan ini. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM108,150,600 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM108,150,600 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM361,982,600 untuk Maksud P.17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM361,982,600 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.18 [Jadual] -  
Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Kangar.

**7.47 mlm.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Sukacita saya menyentuh sedikit tentang B.18 Kementerian Perusahaan Utama, Butiran 040000 - Penyasatan Kaji Bumi. Tuan Pengerusi, sebenarnya negara kita merupakan negara yang kita tidak sangka bahawa satu masa dahulu kita miskin, tetapi hari ini nampaknya kita masuk dalam golongan berada disebabkan oleh kerana ada sumber-sumber hasil bumi, terutama sekali dari segi hasil petroleum yang kita tidak sangka bahawa satu

masa Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak dalam perut buminya kita dapati banyak terkandung hasil bumi yang berharga iaitu petroleum.

Di samping itu juga, adalah menjadi harapan rakyat kita supaya pihak kementerian ini dapat terus berusaha untuk mengesan hasil bumi ini, iaitu petroleum di seluruh negara. Ada setengah cakap-cakap yang mengatakan bahawa di laut Perlis dan Kedah kemungkinan mengandungi petroleum. Saya berharap kalau ini menjadi satu kenyataan bahawa negeri yang mana Tuan Pengerusi berasal dan negeri saya, insya-Allah, akan menjadi kaya dan penduduknya akan menjadi senang. Begitu juga akan memanfaatkan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, bukan sahaja petroleum yang ada dalam negara kita, malah satu masa dahulu kita dapati ada arang batu, ada besi. Di negeri Perlis pun ada pendapat yang mengatakan ada arang batu di Bukit Arang bersempadan dengan Thailand. Jadi, dalam Dewan ini sukacita saya mengambil kesempatan untuk meminta supaya pihak Kementerian Perusahaan Utama membuat kajian tentang dakwaan kemungkinan Bukit Arang di negeri Perlis ada mengandungi arang batu. Kerana ini bersempadan dengan Thailand, kemungkinan kalau kita ghalib, kita lalai, kita leka - kita di Perlis dan Kedah 'leka' kita kata 'ghalib' - kita leka, kemungkinan hasil ini telah pun digali dari bawah oleh rakan kita yang kita hendak tahan tidak boleh kerana kita tidak menyedari dan kemungkinan perkara ini berlaku. Kerana kita tidak dapat nafi bahawa satu masa dahulu komunis daripada negara kita pun lari sebelah sana, dan kemungkinan perkara ini pun boleh berlaku, yang sebelah sana masuk ke sini.

Inilah yang saya minta supaya perkara ini dapat diambil kira, bukan sahaja di Perlis, malah di Bukit Besi di Terengganu yang dahulunya kita dakwa ada besi, kemungkinan masih ekonomik dengan teknologi yang ada sekarang. Begitu juga arang batu yang ada di Selangor, yang satu masa dahulu kita ada arang batu sendiri yang memberi tenaga kepada kita. Mungkin dengan teknologi yang ada hari ini kita dapat mengeksportkan hasil-mahsul ini dengan lebih berjaya dan boleh menghasilkan pendapatan kepada negara. Ini kerana kebanyakan rakyat kita lebih tertumpu kepada kerak bumi sahaja. Biasanya di permukaan bumi macam roti, kerak di atas. Dalam perut bumi kita dapati kalau tanpa ilmu yang tinggi mungkin kita tidak dapat meneroka hasil-mahsul yang ada. Di kerak bumi pun penting juga terutama dari segi penjagaan hutan dan juga di pantai. Kerana kita dapati di pantai-pantai kita hari ini lebih terdedah kepada ombak, dan kita dapati pantai kita terhakis dengan mudah. Kalau dahulunya kita dapati di pantai-pantai kita diindahi secara semulajadi dengan tumbuhan-tumbuhan semulajadi seperti

bakau, mangrove dan juga lain-lain yang bukan sahaja mencantikkan pantai kita, tetapi menjaga pantai kita daripada dihakis. Jadi, saya berharap supaya tumbuhan ini dapat dikawal supaya tidak dimusnahkan begitu leluasa, kerana bakau merupakan satu hasil kayu yang hari ini sangat diperlukan terutama sekali bagi kegunaan di tempat-tempat yang berair masin. Itu di tepi pantai.

Malah di kawasan-kawasan hutan, Tuan Pengerusi, kita dapati hutan kadang-kadang kita ada macam-macam undang-undang. Kita ada macam-macam peraturan, tetapi hutan kita masih juga dicerobohi. Balak-balak bukan sahaja dicuri, tetapi diusahakan secara haram. Malah pembakaran hutan pun berlaku baru-baru ini bukan sahaja di negara jiran. Malah dalam kita menghadapi jerebu baru-baru ini kita dapati di Pahang, kalau tidak silap saya, berlaku pembakaran hutan yang juga dari segi alam sekitarnya menimbulkan kesan yang tidak baik kepada kita.

Pembalakan balak ini perlulah kita ambil, Tuan Pengerusi. Tetapi yang penting sekali ialah kita gunakan teknologi yang canggih dan kita terpaksa juga jaga alam sekitar. Dalam menebang pokok kita harap pokok yang besar sahaja ditebang dan pokok-pokok kecil yang lain tidak musnah. Kerana walau bagaimana kita pandai sekali pun, bagaimana kita berkuasa sekali pun kita tidak mampu untuk mencipta sebatang pokok sekali pun kecil. Ini adalah anugerah Allah S.W.T. Jadi, kita harap kita mempunyai nilai yang tinggi atas ciptaan Tuhan ini, kerana kita sendiri tidak mampu mencipta sekali pun rumput, sekali pun pokok malu-malu. Kerana kita dapati dalam hutan kita di samping balak ada lagi herba-herba lain yang cukup bernilai kepada manusia, yang cukup bernilai kepada negara. Saya harap juga supaya pihak di bawah kementerian ini dapat menjaga dan juga dapat menanam semula tumbuh-tumbuhan herba ini, bunga-bunga yang ada dalam hutan dan sebagainya.

Hutan-hutan yang ada saya difahamkan adalah bagi kestabilan alam sekitar. Kalau tidak silap saya kita perlukan sekurang-kurangnya 30% daripada keluasan negara kita, ataupun tiap-tiap negeri perlu ada 30% daripada keluasan negeri itu terdiri daripada hutan. Jadi, kalau kita tinjau dari segi ini, negeri saya Perlis nampaknya dari segi keseimbangannya, Yang Berhormat Timbalan Menteri nampak senyum, nampak tidak seimbang. Kerana saya dapat faham di Perlis ada lebih kurang 12% sahaja daripada kawasan negeri yang terdiri daripada hutan.

Saya mengucapkan terima kasih ke atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang yang mengambil tindakan tegas untuk menjaga hutan di Perlis. Hutan yang ada itu, kalau di Perlis merupakan hutan protektif, bukan hutan produktif. Jadi, suka saya menyarankan melalui

Dewan ini kepada Kementerian Perusahaan Utama di mana negeri-negeri yang tidak cukup hutan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya kita terus kempen tanam pokok. Pokok-pokok yang ada dalam hutan banyak spesis, jangan sahaja kita tumpu kepada pokok-pokok seperti pokok jati. Pokok jati ada macam-macam jenis, ada dua-tiga jenis. Kita dapati pokok-pokok jati ini sungguh pun bermutu tinggi, tetapi dia lambat membesar. Dari segi nilainya tinggi, tetapi ia memakan masa yang cukup tinggi. Kalau saya sekarang tanam jati barangkali tidak sempat dapat hasil, saya tumbang dahulu sebelum pokok itu tumbang. Jadi, ia memakan masa yang cukup panjang. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tanam jati, insya Allah, Yang Berhormat Timbalan Menteri sempatlah untuk dapat hasil, kerana pada peringkat saya barangkali sudah tidak sempat.

Jadi, inilah saya minta dua perkara ini supaya kita bersungguh-sungguh tumpu dari segi penyiasatan dan mengesan hasil-hasil mineral yang ada dalam bumi kita dan di seluruh negara secara bersungguh-sungguh, sekali pun saya dapati peruntukannya tidak banyak yang dapat, lebih kurang RM23.8 juta sahaja. Kalau ikut dari segi peruntukan untuk Penyiasatan Kaji Bumi ini memanglah kecil dan kerjanya cukup berat, kerana kita dapati untuk membuat kajian ini kita perlukan pakar-pakar. Bererti kita perlukan perbelanjaan yang cukup tinggi. Saya rasa dari segi Jabatan Kaji Bumi pun barangkali jabatan ini tidak mempunyai keanggotaan yang mencukupi dan terpaksa menggunakan pakar-pakar dari luar. Di masa depan kita berharaplah supaya Kementerian Kewangan dapat memperbanyakkan peruntukan untuk tujuan ini, kerana ini modal. Kalau rezeki kita, kita akan dapat untung yang banyak. Begitu juga dari segi penjagaan hutan, kita berharap supaya dalam usaha-usaha menghutankan semula kita dapat mempertingkatkan lagi dengan tujuan kita dapat nilai kayu yang lebih baik pada masa depan.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat itu sahajalah dapat saya menyatakan dalam perkara ini dan saya sentiasa menyokong pandangan dan juga pembawaan yang dibawa oleh Kementerian Perusahaan Utama demi untuk rakyat dan negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Mersing.

**7.58 mlm.**

**Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada dua perkara yang saya hendak sentuh di sini. Pertama, Maksud Bekalan B.18, Butiran 060000 iaitu Lembaga Tembakau Negara.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum penduduk di setengah kawasan di Pantai Timur khususnya negeri Kelantan dan juga Terengganu, di kawasan seperti Pasir Putih banyak bergantung kepada hasil tanaman tembakau. Malah dengan adanya tembakau ini taraf hidup mereka telah meningkat berbanding seperti sebelumnya. Tetapi saya kawatir dan saya begitu yakin bagaimana kedudukan mereka selepas pelaksanaan peraturan AFTA, di mana mereka terpaksa bertanding dengan negara-negara lain. Sekarang ini kerajaan beri subsidi dan masa itu kerajaan mungkin tidak mampu hendak beri subsidi dan harga tembakau dari negara luar jauh lebih murah dari apa yang dikeluarkan oleh negara kita.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menentukan supaya taraf hidup atau kedudukan petani-petani ini tidak terjejas dengan terlaksananya peraturan AFTA ini. Saya juga ingin bertanya adakah pihak kementerian sudah mengenal pasti tanaman-tanaman gantian yang akan menggantikan tembakau sekiranya kita mengambil keputusan untuk tidak meneruskan tanaman ini?

Keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 00501. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, ini berkenaan dengan Program Pembangunan BCIC Dalam Industri Perabot. Saya berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana menyediakan peruntukan untuk memastikan kaum bumiputera juga mengambil bahagian dalam industri perabot ini. Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah perancangan yang telah disediakan di bawah program ini dan berapa ramai yang menyertai program ini dan bagaimana prestasi mereka setakat ini? Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bendera.

**8.01 mlm.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Perusahaan Utama di bawah Maksud B.18 dan P.18 sejumlah lebih kurang RM226 juta. Saya ingin menyentuh Butiran 00500 - Industri Perabot; Butiran 03800 - Ladang Hutan; dan 11000 - Institut Penyelidikan Getah dan Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit.

Tuan Pengerusi, dalam pembahasan perbelanjaan tambahan saya, saya telah sentuh tentang penyelidikan dan pembangunan dari segi getah, di mana saya bertanya tentang hakcipta dan royalti

berkenaan dengan klon-klon getah yang ditanam oleh peladang-peladang di negara asing seperti Thailand dan Indonesia. Jadi, apa yang saya ingin bertanya pada hari ini adalah berkenaan dengan usaha-usaha yang diambil oleh kementerian untuk mendaftarkan klon-klon getah atau kelapa sawit sebagai satu hakcipta Malaysia kerana saya yakin bahawa tahap bioteknologi dan sistem perundangan sedunia yang ada sekarang membolehkan kita mendaftarkan klon getah atau kelapa sawit yang ada sekarang.

Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan bahawa Kabinet telah menerima pelan biodiversiti. Langkah ini amatlah mustahak bagi Malaysia kerana negara Malaysia dianggap sebagai satu tempat mega biodiversiti yang terkenal. Tetapi ini bermakna kita mesti mengekalkan hutan-hutan utama dalam keadaan asalnya. Kita tidak ada cara lain jika kita hendak mengekalkan biodiversiti kita. Tetapi ini pun bermakna pengeluaran kayu balak akan dikurangkan. Setakat ini ada lebih kurang enam hingga tujuh juta meter padu. Ini akan mengakibatkan kekurangan kayu untuk kilang-kilang papan serta bekalan untuk industri perabot.

Jadi, dibawah Butiran 00500 - Industri Perabot, saya ingin bertanya langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan kayu balak untuk kilang papan atau untuk industri perabot.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 03800 - Ladang Hutan, saya ingin tahu sama ada ladang hutan adalah di antara satu cara yang akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan kayu balak ini. Jika ya, apakah keluasan ladang hutan yang sedia ada sekarang dan di manakah ladang hutan yang terletak sekarang? Apakah insentif yang sedia ada sekarang untuk menggalakkan pelabur-pelabur mengambil bahagian dalam skim ladang hutan ini? Kalau insentif yang menarik tidak diberikan, saya khuatir bahawa mungkin tidak ramai orang yang berminat dalam pelaburan ladang hutan jika berbanding dengan ladang kelapa sawit atau getah.

Tuan Pengerusi, cadangan Green Bond telah pun dikemukakan, dan ini merupakan satu skim yang boleh menarik pelabur dari negara asing atau tempatan dalam skim ladang hutan ini. Jadi, apakah kemajuan tentang skim Green Bond ini? Pada hemat saya skim Green Bond ini merupakan satu skim masa depan untuk generasi wawasan. Oleh sebab ini, kita perlu mempertingkatkan kesedaran di kalangan rakyat tentang kepentingan Green Bond. Dalam hal ini, pertubuhan-pertubuhan bukan

kerajaan atau NGO pun dapat memainkan peranannya untuk menjayakan skim ini. Jadi, apakah usaha yang telah diambil ke arah ini?

Berkenaan dengan pengurusan hutan berkekalan atau sustainable forest management, dengan izin, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam usahanya melaksanakan pengurusan hutan berkekalan sebelum tahun 2000. Saya difahamkan bahawa KPU bersama-sama dengan negara Belanda telah dan sedang melaksanakan satu skim printis dalam melaksanakan pengurusan hutan bermapan melalui pensijilan atau eco-labelling yang telah mendapat sambutan yang baik. Saya berharap KPT dapat melaksanakan skim secara keseluruhan demi kepentingan negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengeusikan Jawatankuasa*]

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyeru kepada KPU supaya KPU yang menjadi urusetia kepada Majlis Perhutanan Negara dapat memastikan semua kerajaan negeri mengikut catuan tebang yang diperuntukkan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sejauh manakah kerajaan negeri mematuhi catuan tebang ini, dan manakah kerajaan negeri yang telah melebihi catuan tebang ini? Ini adalah sangat mustahak kerana ianya akan menjejaskan Pelan Induk Pengurusan Hutan secara mampan.

Tuan Pengerusi, industri hiliran atau downstream industry bagi barangan utama merupakan cara yang boleh mempertingkatkan sektor perusahaan utama. Di bawah Pelan Induk Industri Kedua atau Industrial Master Plan II, strategi kelompok industri merupakan satu strategi yang amat mustahak bagi kejayaan IMP II itu. Bagi saya, industri hiliran berkaitan dengan barangan utama seperti kelapa sawit, getah, koko, kayu dan sebagainya merupakan satu kelompok yang patut digalakkan. Oleh sebab ini, saya ingin mencadangkan supaya KPU menubuhkan satu one-stop centre untuk industri hiliran berasaskan barangan utama.

Langkah-langkah untuk menubuhkan satu one-stop agency untuk memproseskan segala permohonan dan pemberian lesen kepada kilang-kilang yang berkaitan dengan industri hiliran yang berasaskan barangan utama di bawah KPU ini adalah satu tindakan yang amat sesuai. Tuan Pengerusi, saya berpendapat demikian kerana KPU mempunyai segala maklumat asas dari segi pengeluaran hingga khidmat sokongan, penyelidikan dan pembangunan untuk sesiapa yang ingin mendirikan industri hiliran berasaskan barangan utama. Jadi, lesen-lesen pengilangan berkenaan seperti kilang penapis minyak sawit,

kilang sarung tangan getah dan sebagainya lebih elok jika KPU diberi tanggungjawab sedemikian, kerana bagi maksud penyelarasan ianya adalah yang lebih baik dan sempurna. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mas.

**8.10 mlm.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara dalam Maksud Bekalan B.18, Butiran 040000 - Penyiasatan Kaji Bumi dan juga Butiran 040300 - Eksplorasi Mineral.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bertanya kepada kementerian adakah kementerian bercadang untuk memanjangkan penyiasatan ataupun kajian khususnya, dengan izin, potential mineral di kawasan kita di negeri Sarawak khususnya di kawasan saya di Bukit Mas. Sebetulnya, saya pernah membangkitkan perkara ini secara peribadi, sebab Petronas dengan salah seorang Ahli Lembaga Pengurusan daripada Syarikat Sarawak Bhd. mereka mengatakan mereka belum pernah membuat kajian mengenai potential di kawasan saya Bukit Mas. Saya berharap dan tolonglah minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru, yang cergas, mungkin pihak swasta tidak membelanjakan untuk mengkaji potential di kawasan itu kerana di sebelah selatan kawasan Bukit Mas dikelilingi oleh negara jiran, negara Brunei Darussalam yang kaya dengan minyak dan gas. Kebetulan juga di sempadan kedua-dua ini di sebelah negara Brunei Darussalam negara itu mungkin dapat banyak keuntungan, mungkin daripada negeri Sarawak kita tidak tahu. Tetapi di sebelah utara, di sebelah Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan banyak gas dan minyak. Yang aneh di kawasan saya Bukit Mas diketepikan, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh buat sebagai satu objektif, agihkan peruntukan untuk mengkaji keperluan dan juga potential di kawasan Limbang dan Lawas dari segi eksplorasi mineral. Di samping ini juga, saya ingin terangkan di sini iaitu misal kata dari segi tarikan pelancong, dari segi kepentingan pelancongan juga kawasan Mulu berhampiran dengan kawasan saya. Baru-baru ini, ada saintis daripada negara Jepun dan negara Amerika Syarikat telah membuktikan bahawa di kawasan Gunung Buddha dalam kawasan Bukit Mas yang lebih menarik daripada kawasan Mulu. Bermakna sekiranya seperti rakan saya sebutkan tadi kalau kita peruntukkan banyak peruntukan khas untuk mengkaji ataupun buat banyak kajian kemungkinan, saya rasa di negara kita banyak mineral yang kita akan dapati.

Yang kedua, saya ingin bangkitkan juga mengenai Maksud P.18 dalam Butiran 00501 - Program Pembangunan BCIC Dalam Industri Perabot, yang pada tahun akan datang anggaran RM1,889,230 yang diperuntukkan seperti rakan saya daripada Mersing sebutkan tadi, saya ingin bertanya juga minta penjelasan dengan secara terperinci khusus untuk negeri Sarawak, kerana kalau kita ingin memajukan golongan bumiputera industri perabot ini yang asas sekali, it is very basic. Oleh sebab itu, saya berharap dan minta apakah setakat ini perkembangan program pembangunan BCIC dalam industri perabot ini terutama sekali untuk negeri Sarawak. Sekiranya sumbangan tidak mencukupi tambahlah kena banyak kali di Sarawak.

Yang ketiga, saya ingin membangkitkan mengenai Butiran 00600 - Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan. Saya menyokong saranan rakan saya tadi tentang sustainable forest management, dengan izin Tuan Pengerusi, dan di sini saya ingin bertanya kepada kementerian sekali lagi apakah perancangan Kerajaan Malaysia untuk masa depan khususnya di dalam pembalakan di negeri Sarawak. Saya datang daripada kawasan luar bandar, semi-urban, dan kadangkala saya balik ke kampung saya sendiri, kemudahan air paip tidak ada, kita bergantung air daripada sungai yang tercemar. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya berapa banyakkah industri pembalakan di Sarawak khususnya syarikat-syarikat gergasi yang betul-betul mengamalkan sistem yang canggih sekarang ini yang saya pernah bicarakan dengan Pengarah Alam Sekitar di negeri Sarawak, mereka menyarankan supaya helikopter harus dipakai untuk kawasan-kawasan hulu supaya kawasan tadahan tidak dicemarkan. Setakat ini saya ingin bertanya berapa banyakkah syarikat yang betul-betul mengamalkan sistem pembalakan yang boleh dikatakan sustainable forest management.

Akhir sekali, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, minta maaf, saya tidak faham perkara ini, Butiran 08202 - Eksplorasi Emas Plaser, Sarawak. Ada anggaran RM238,280, saya minta kalau boleh tolong jelaskan apakah anggaran ini dan apakah ertinya Emas Plaser ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

**8.17 mlm.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan P.18 iaitu tentang perkara perhutanan Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Di sini saya ingin meminta pihak kementerian menyatakan jumlah hutan rizab yang masih ada di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Di sini saya pernah menyatakan dan saya tidak bawa angka-angka ini kerana Kementerian Perusahaan Utama ditetapkan untuk besok, tetapi timbul pula malam ini, tetapi saya pernah timbulkan dalam Dewan yang mulia ini dan dijawab oleh bekas Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama yang telah pun dipecat tentang isu hutan rizab yang digunakan untuk tujuan lain dan juga kegagalan negeri-negeri untuk menggezetkan atauewartakan hutan sebagai hutan simpanan. Bolehkah saya dapat tahu tentang keluasan hutan yang sedia ada di Malaysia dan juga keluasan hutan simpanannya sepatutnya diwartakan tetapi gagal diwartakan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian ke atas negeri-negeri yang gagal berbuat demikian. Apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan pewartaan dibuat secepat mungkin. Baik di Semenanjung Malaysia mahupun di Sarawak dan Sabah.

Saya harap perkara ini bolehlah diberikan perhatian serius kerana kalau kita melihat laporan yang dipaparkan dalam surat khabar, sering kita melihat tentang penyalahgunaan kuasa ataupun penyelewengan di mana hutan simpanan sengaja tidak mahu diwartakan. Malah ada kes-kes di mana balak dicuri ataupun tanah dibersihkan tanpa kebenaran yang diperolehi daripada pihak yang berkuasa dan di sini sungguhpun tanah adalah kuasa kerajaan negeri tetapi sebagai badan penyelia, sebagai wakil Kerajaan Pusat, sepatutnya

kementerian menegakkan undang-undang, memastikan semua hutan simpanan yang sepatutnya diwartakan, diwartakan.

Di antara negeri-negeri lain yang menghadapi masalah yang paling teruk sekali adalah saya rasa di negeri Yang Berhormat sendiri di mana saya rasa hutan simpanan yang sepatutnya diwartakan gagal diwartakan. Kalau saya tak silap tentang angka-angka yang saya pernah berikan kepada Dewan yang mulia ini pada sesi yang lepas.

Tuan Pengerusi, di sini saya juga ingin bertanya tentang peranan, sejauh manakah peranan pihak kementerian ke atas bidang perhutanan di Sarawak dan Sabah kerana nampaknya mereka mempunyai alam tersendiri, tak boleh dicampurtangan langsung oleh pihak kementerian. Malah apabila persengketaan berlaku di antara Yang Amat Berhormat Timbalan Ketua Menteri Sabah dengan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, yang amat dikesali tidak ada di dalam Dewan yang mulia ini sekarang pula timbul pertanyaan, siapa yang bercakap benar. Di satu pihak Timbalan Ketua Menteri Sabah, di satu pihak yang lain, Menteri Perusahaan Utama. Kalau ada percanggahan yang begitu ketara di antara ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa apa yang dibangkitkan itu cakap dasar Yang Berhormat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Luar tajuk itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sebagai satu contoh, ini spesifik bukan dasar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau dalam perbahasan dasar, biasanya saya akan izinkan, tetapi yang ini bersabit dengan butiran mana Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini perhutanan Sabah, seperti yang saya cakapkan, saya cakap sekali gus. Butiran 05800 - tajuk Perancangan dan Pengurusan Hutan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Muka surat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Muka surat 123. Ini tentang perancangan dan pengurusan hutan di mana di bawah pihak kementerian dan pernah ada timbul kes di mana ada percanggahan siapa yang bercakap benar dan sehingga sekarang kita masih belum pasti siapa yang bercakap benar. Satu pihak negeri, satu pihak Kementerian Perusahaan Utama. Oleh sebab itu, saya ingin bertanya sejauh manakah kuasa Kementerian Perusahaan Utama ke atas bidang perhutanan Sarawak dan Sabah.

Tuan Pengerusi, apa gunanya kita belanjakan RM88 juta di Sarawak dan RM77 juta di Sabah, kalau Kementerian Perusahaan Utama hanya 'harimau kertas' sahaja. 'Paper tiger' tak ada kuasa langsung. Itu sebab saya hendak bertanya dari segi perbelanjaan ini, apakah tujuan dan maksudnya, sejauh manakah kuasa pihak kementerian atau adakah ia sekadar memberikan wang sahaja, sehingga apabila timbul percanggahan dan persengketaan termasuk diheret masuk ke BPR, kita masih belum tahu apakah kedudukan sebenarnya.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah memberikan penjelasan tentang perkara ini. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Sarawak ada menyebut sedikit tentang hutan dan saya rasa dalam perkara hutan ini amat penting khususnya untuk politik Sarawak sehingga ada satu istilah, ungkapan baru iaitu 'timber politics'. Politik balak yang tidak ada timbul di Semenanjung Malaysia dan ini berlaku kerana penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa malah amalan rasuah yang berlaku di kedua-dua negeri ini. Sehingga apabila Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menyatakan pengeksportan atau pengimportan balak secara haram, pelbagai masalah berlaku.

Dalam bidang ini, rakyat masih belum tahu apakah kedudukan sekarang. Sebelum ini dipaparkan di muka surat pertama semua surat khabar nasional, hari ini Yang Berhormat Menteri hentam, lepas ini dibalas balik oleh Timbalan Ketua Menteri, lepas itu hentam lagi, balas balik. Sekarang kita hendak tahu .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Pergeseran semacam itu bukan suatu yang bersabit dengan Butiran Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, ini tentang perancangan dan pengurusan hutan kerana di sini kita hendak tahu siapa yang bercakap benar, adakah import balak dibuat secara haram. Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Perusahaan

Utama, adakah ini berlaku. Saya harap pihak kementerian berkenaan bolehlah memberikan penjelasan tentang perkara ini.

Pada masa yang sama tentang Butiran Galian iaitu 030000. Saya juga ingin hendak bertanya tentang kedudukan bijih timah di mana pada satu masa merupakan satu sumber asli utama, sumber semula jadi utama negara kita, tetapi kedudukannya sekarang nampaknya tak berapa kukuh. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan tentang kedudukan industri ini iaitu bijih timah dan juga tentang RISDA di sini saya juga ingin bertanyakan tentang amalan ses dan juga penyelidikan yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk mempromosikan produk-produk getah Malaysia. Adakah benar bahawa kita berkongsi hasil penyelidikan kita dengan negara-negara jiran seperti Indonesia dan saya ingin bertanya, kalau kita berbuat demikian, adakah ini satu langkah yang baik kerana kita berkongsi dengan sebuah negara jiran yang mempunyai potensi menjadi pesaing kita.

Saya harap perkara ini boleh ditimbang kerana kita tak mahu keadaan berlaku seperti yang berlaku dalam industri minyak kelapa sawit di mana kerana kita terlalu bermurah hati, kita berkongsi dengan jiran kita, akhirnya jiran kita merupakan pesaing utama produk kita. Dan saya rasa dalam perkara ini kita harus mengambil kira kepentingan nasional terlebih dahulu untuk memastikan bahawa kita tidak tertinggal oleh pihak yang kita tolong pada asalnya dan sejauh manakah juga kenyataan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa oleh kerana penurunan nilai mata wang

Ringgit, industri minyak kelapa sawit akan dapat durian runtuh, atau dengan izin, windfall gain. Adakah benar-benar akan mendapat durian runtuh tanpa kos negatif atau impak negatif daripada penurunan nilai mata wang Ringgit dan kalau ya, bolehkah menyatakan dari segi secara kasar tambahan nilai yang boleh diperolehi kerana penurunan nilai mata wang Ringgit ekoran tambahan ke atas industri minyak kelapa sawit kalau berbanding dengan tahun-tahun yang lepas, berapa banyak tambahan kita boleh jangka diperolehi untuk tahun ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya pihak kementerian dalam menjalankan tugas membuat penyelidikan ke atas industri getah macam MARDEC, saya ingat bahawa pihak Yang Berhormat Menteri sebut bahawa kilang MARDEC di negeri Melaka akan ditutup kerana ia mengancam sumber pembekalan air kepada negeri tersebut.

Tetapi, sungguhpun begitu, kilang ini masih wujud dan saya ingin tahu apakah peranan yang dimainkan oleh pihak MARDEC di Durian Tunggal, Melaka. Adakah ini sekadar menjadi satu stor atau masih ada operasi yang sedang dijalankan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**8.29 mlm.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima

kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Utama khususnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kangar, Mersing, Bukit Bendera, Bukit Mas termasuk juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, ingat sudah balik tadi, rupanya ada lagi.

Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya akan jawab akhir, mungkin kita kena tangguh sampai esok hari, saya harap Ahli Yang Berhormat datang awal-awal besok dan kita akan debat isu yang telah dibangkitkan oleh Saudara daripada Kota Melaka.

Tetapi mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, mengenai cadangan untuk mewujudkan satu agensi penyelaras untuk memajukan industri hiliran secara menyeluruh, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pertamanya, penubuhan industri hiliran atau dengan izin, downstream industries berasaskan sumber, bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama sahaja, tetapi juga di bawah kementerian-kementerian lain seperti aktiviti-aktiviti pembuatan hiliran atau downstream manufacturing barangan berasaskan getah, oleo-chemical dan kilang penapis minyak. Walaupun dalam industri ini bahan mentahnya di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama tetapi downstream activity atau downstream manufacturing, dengan izin, adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saranan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, betapa pentingnya kita mengadakan satu agensi menyeluruh dan untuk menyelaraskan 'one stop agency' memang tepat pada waktunya dan Kementerian Perusahaan Utama telah berusaha ke arah itu, ...

*[Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng keluar Dewan]*

Mungkin saya jawab hari ini jugalah apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Besoklah!

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Besoklah, Good Night!

*[Ketawa]*

Kementerian kami telah pun mengorak langkah ke arah itu di mana dalam industri getah sebagai contoh, Akta Penubuhan Lembaga Getah Malaysia telah pun diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai 1996 di mana bila Akta 551 ini dikuatkuasakan kelak, tiga agensi iaitu MRRDB, RRIM dan juga MRELB akan dibubar dan fungsi agensi-agensi ini akan diambil alih oleh satu sahaja lembaga iaitu Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Pembubaran ketiga-tiga agensi getah ini dan penubuhan LGM ini adalah untuk menyelaraskan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, pentadbiran dan pengurusan industri getah negara supaya menjadi lebih efisien dan juga tidak bertindih melalui proses 'right sizing' tadi.

Pada awalnya LGM ini dirancang untuk dikuatkuasa pada 1 Julai tahun ini, namun begitu ekoran dari pelbagai masalah berkaitan dengan kakitangan

berlebihan, KPU berpendapat supaya ianya akan dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun depan. Ini berkaitan dengan industri getah.

Mengenai industri minyak kelapa sawit pula, insya-Allah kalau tidak pada sesi ini, pada sesi yang akan datang, Rang Undang-undang Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Perbadanan) 1997 akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan tujuan kita bentangkan rang undang-undang ini ialah supaya Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) dan juga Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM) akan digabung dan penggabungan ini akan dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi satu atau dua tahun selepas ianya dibentangkan.

Sekali lagi pendekatan ini adalah untuk memastikan bahawa industri minyak kelapa sawit dapat terus berkembang serta diuruskan secara terkini dan bersepadu seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai komoditi koko pula, usaha-usaha R&D atau Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) akan mula dijalankan oleh Lembaga Koko Malaysia mulai tahun 1998 setelah fungsi R&D ini dipindah daripada MARDI dan ini akan diserapkan di bawah Lembaga Koko Malaysia. Ini tiga sahaja contoh di mana komoditi seperti kelapa sawit, getah dan koko yang dibuat hari ini mencatatkan atau mendapatkan pulangan yang begitu memberangsangkan.

Usaha untuk menggabung kelebihan yang sedia ada dan agensi-agensi yang sedia ada, supaya ianya dapat lebih efisien, dapat mengikut tuntutan dan kehendak semasa dapat kita fikirkan dan kita majukan bersama.

Saya ingin menyarankan di sini bahawa Kementerian Perusahaan Utama ini yang bertanggungjawab untuk membangun dan memajukan sektor komoditi utama, sesungguhnya sedang mengorak langkah untuk memastikan bahawa sektor ini dapat berdaya maju dan juga berdaya saing, lebih-lebih lagi dalam keadaan krisis kejatuhan nilai mata wang seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di mana pulangan daripada pengeksporan komoditi-komoditi ini membawa sumbangan yang begitu penting kepada hasil negara kita.

Maka tindakan ini telah pun diusahakan oleh kementerian, tetapi perkara yang berkaitan dengan kementerian-kementerian lain tidak mampu saya menjawab pada setakat ini. Tetapi perkara yang di bawah bidang kuasa kami insya-Allah, kita telah pun memikirkan bagaimana hendak menyelaraskan semuanya supaya satu agensi penyelaras 'one-stop agency' dapat kita ketengahkan. Ini untuk tiga industri yang saya rasa begitu penting sekali.

Mengenai industri tembakau yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mersing, semua pihak sedar dan iktiraf bahawa industri ini memainkan peranan yang begitu penting dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan dan juga untuk memperbaiki taraf sosio ekonomi rakyat terutamanya di kalangan penduduk-penduduk di luar bandar.

Dianggarkan 200,000 orang atau keluarga terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri tembakau ini. Maka di atas kesedaran ini dan keprihatinan dan kepekaan Kerajaan Barisan Nasional untuk membela keluarga

ini, maka keputusan untuk menangguhkan pembubaran Lembaga Tembakau Negara telah dibuat dan usaha untuk memastikan bahawa kita dapat membantu mereka yang terlibat dalam industri ini sampailah kepada tahap di mana skim CEPT dan AFTA dilaksanakan nanti dapat kita tangani bersama.

Saya bagi pihak kementerian tidak boleh menafikan bahawa dari segi kos pengeluaran di mana di Malaysia merupakan RM11 lebih kurang per kilogram kalau dibandingkan dengan Indonesia iaitu RM2.60 begitu tinggi sekali dan sekiranya tarif di bawah skim CEPT dan AFTA di mana tarif import ke atas tembakau dan produk-produk berasaskan ini akan diturunkan kepada tahap 0 kepada 5% pada tahun 2010, memang jelas bahawa persaingan yang begitu hebat akan melanda industri ini.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Mersing bangun.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah sebabnya terdapat perbezaan yang begitu besar dari segi kos ini di antara RM2 ke RM3 hingga RM11. Terima kasih.

Perbezaan di antara kos keluaran tadi banyak faktor yang melibatkan harga keluaran yang begitu besar dan mungkin saya akan berikan keterangan yang lebih lanjut sekejap lagi. Tetapi, yang kita ingin menekankan di sini bahawa kementerian peka dan memahami bahawa cabaran dan dugaan ini memang harus kita atasi, sekiranya tahun 2010 dengan pelaksanaan skim CEPT

ini jelas bahawa penanam-penanam kita dan mereka yang terlibat dalam industri tembakau ini tidak dapat bersaing dengan tembakau-tembakau yang akan diimport daripada negara-negara jiran.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kangar.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Pengerusi, tahun 2010 ini sudah tak lama, lebih kurang ada lagi dua belas atau tiga belas tahun. Jadi, mungkin industri tembakau ini menuju ke arah yang dengan izin, diminishing, akan luput dan kita dapati bahawa apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Yang Berhormat Dato' dari segi menghadapi cabaran dan dugaan Yang Berhormat Dato' sebutkan tadi menjelang tahun 2010 ini memandangkan kebanyakan petani-petani yang mendapat pembelaan daripada Kerajaan Barisan Nasional di Kelantan dan juga di Terengganu didapati tanah-tanah di situ ialah tanah-tanah 'beris' yang nampak kalau kita amati dari segi kandungan airnya tidak banyak dan tidak begitu sesuai dan subur untuk lain-lain tanaman, melainkan tembakau sahaja dengan izin, dapat memberi return yang baik ataupun pulangan yang baik.

Kalau dari segi tanah yang lebih sesuai untuk menanam tembakau ialah di Kedah dan Perlis kerana 'yield' yang paling tertinggi dari kalangan tembakau ialah di kawasan Chuping dalam kawasan Parlimen Padang Besar. Itu 'yield' yang paling tinggi sekali.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin dengan kemiskinan masyarakat di Kelantan dan sekali pun di Kelantan itu kerajaan yang pegang ialah kerajaan pembangkang, Kerajaan PAS tetapi Barisan Nasional tak kira itu, ini memerlukan pembelaan kemiskinan.

Jadi, apakah tindakan ataupun tanaman ataupun lain-lain usaha tanaman yang kemungkinan dapat mengganti tanaman tembakau di tanah 'beris' ini, kalau ikut Kerajaan Negeri Kelantan dahulu, dia hendak tanam ubi kayu tetapi di mana dia hendak pasarkan, hendak proses untuk jadi apa, kita tak tahu, mungkin hendak tanam sahaja.

Jadi, yang inilah saya hendak minta supaya kementerian Yang Berhormat Dato' dapat mengenal pasti supaya rakyat miskin di Kelantan, sekali pun dalam kedudukan pembangkang Kerajaan Pusat terus mendapat pembelaan daripada Kerajaan Pusat kerana inilah pendekatan yang Islam bawa dan Barisan Nasional bawa pendekatan Islam, bela tak kira bangkang tak bangkang asalkan dia miskin, ini menjadi kewajipan kita untuk membela. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar, malangnya wakil-wakil rakyat daripada Kelantan yang sepatutnya membela rakyat Kelantan tidak hadir semasa kita membincangkan bagaimana dapat membela begitu ramai rakyat Kelantan dalam industri ini.

Tetapi jelas dari segi bagaimana kita dapat mengatasi cabaran-cabaran ini pertamanya ada kaitan dengan cadangan untuk mengadakan tanaman

alternatif, ini saya akan jawab kerana ianya juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mersing.

Tetapi selain daripada kos pengeluaran yang tinggi tadi, hasil pengeluaran tembakau tempatan juga adalah begitu rendah dan juga mutu daun tembakau tempatan belum mencapai tahap mutu yang dapat dibanggakan.

Mengenai usaha untuk mengatasinya, satu jawatankuasa pemandu penyusunan semula industri tembakau telah pun diwujudkan dan baru-baru ini saya sendiri telah berjumpa dengan Lembaga Tembakau Malaysia di Kelantan dan melihat bahawa Jawatankuasa Pemandu inilah yang akan merangka objektif, strategi serta pelan tindakan yang terperinci dan menyeluruh bagi menyusun semula industri tembakau tempatan dan menjadikannya sebagai sebuah industri yang produktif, sebuah industri yang cekap dan juga berdaya saing dan mampu menghadapi pelbagai cabaran.

Memang cakap begitu senang tetapi tidak ada pilihan lain bahawa menyedari kelemahan yang ada seperti yang saya sebutkan tadi, kerajaan telah mewujudkan satu Jawatankuasa Pemandu dan saya sendiri menaruh harapan yang begitu tinggi bahawa jawatankuasa ini dapat meningkatkan produktiviti, dapat meningkatkan hasil se hektar dan juga dapat meningkatkan kualiti tembakau serta mengurangkan kos pengeluaran, nisbah awetan dan juga kadar pembaziran. Kalau sekiranya tidak ada mereka tidak mampu mengatasi cabaran-cabaran ini, saya rasa saya tidak tahu apa lagi yang boleh dibuat dan

Kerajaan PAS sesungguhnya tidak ada wawasan dan perancangan yang tersendiri.

Mengenai tanaman lain untuk mengganti tembakau, seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa tembakau ini ditanam di kawasan ‘beris’ dan Kementerian Pertanian, bolehlah bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri besok, Kementerian Pertanian sedang mengkaji dan mengenal pasti tanaman lain yang dapat menggantikan tanaman tembakau terutamanya di kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di tanah ‘beris’. Kajian seumpama ini telah pernah dijalankan masa lampau dan hasil kajian menunjukkan kesukaran bagi tanaman lain seperti ‘roselle’, seperti cili, jagung dan sayur untuk menandingi tembakau dari segi kesesuaiannya mengikut keadaan tanah dan juga dari segi pulangan.

Malahan dalam perkara ini satu kajian yang telah dijalankan di Brazil kalau tak salah saya ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hari sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung esok.

**Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein:** Okay. Saya akan habiskan perkataan ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein:** Dijalankan di Brazil, di mana menunjukkan bahawa petani perlu menanam sembilan hektar jagung untuk memperolehi pendapatan yang menyamai pulangan daripada satu hektar

tanaman tembakau. Jadi, kajian telah dilakukan dan kerajaan sedang memikirkan apa yang paling sesuai. Buat masa ini selamat untuk saya, kita akan ulangi perdebatan ini esok Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.*

